

**ADAPTASI NOVEL KE SKRIP FILEM. PENELITIAN KARYA *TENGELAMNYA*  
*KAPAL VAN DER WIJCK* BERDASARKAN TEORI SOSIOLOGI**

**EVANOVFIA RIA MATIUS**

UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN

**IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN KEPUJIAN**

**2024**



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**ADAPTASI NOVEL KE SKRIP FILEM. PENELITIAN KARYA *TENGCELAMNYA*  
*KAPAL VAN DER WIJCK* BERDASARKAN TEORI SOSIOLOGI**

**Oleh:**

**EVANOVFIA RIA MATIUS**

**C20A0966**

**Tesis yang dikemukakan untuk memenuhi sebahagian daripada syarat memperoleh  
Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan Kepujian  
(Kesusasteraan Warisan)**

---

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**2024**

## PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah

SULIT

Dari tarikh \_\_\_\_\_ sehingga \_\_\_\_\_

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

*Evanovfia*

Tandatangan Pelajar

*Sa'*

Tandatangan Penyelia

Nama Pelajar: Evanovfia Ria Matius  
No. Kad Pengenalan: 001104121064  
Tarikh: 15 Februari 2024

Nama Penyelia: TS. DR MOHD SAIPUDDIN BIN SULIMAN  
Tarikh: 25 Februari 2024

## PENGHARGAAN

Syukur atas kesempatan dan ruangan yang diberikan kepada Tuhan yang Maha Esa. Saya sampai ke tahap ini dalam menyiapkan kajian ini sehingga selesai dengan baik. Dengan adanya cabaran yang dihadapi sepanjang menyiapkan kajian ini ianya mengajar saya erti sebuah perjuangan.

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Universiti Malaysia Kelantan kerana memberi kesempatan untuk menghasilkan Projek Penyelidikan ini. Dengan menyediakan segala kemudahan sehingga memudahkan kami untuk mendapatkan maklumat semasa melaksanakan kajian ini.

Seterusnya, saya ingin mendedikasikan penghargaan ini kepada yang dihormati, Ts. Dr. Mohd Saipuddin Bin Suliman selaku penyelia Projek Penyelidikan Elektif Kesusasteraan Warisan. Tunjuk ajar beliau serta bimbingan daripadanya telah membuka ruang saya untuk menjayakan kajian ini dengan sempurna.

Buat Ibu Bapa saya iaitu Pn. Corline Paras dan Tn. Matius Sangau serta saudara-saudari saya. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih atas segala sokongan kalian semua dari segi sokongan moral, ekonomi dan kebajikan. Perkara ini menjadi pemangkin semangat kepada saya untuk menyempurnakan kajian ini.

Tidak lupa juga, saya ingin menzahirkan terima kasih kepada sahabat-sahabat seperjuangan yang memberikan saya sokongan, pandangan dan peringatan ketika leka dalam menjalankan kajian ini. Hal ini mengajar saya agar lebih peka apabila memperoleh pengetahuan mahupun maklumat baru daripada penyelia kajian ini.

Sekali lagi, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat baik secara langsung mahupun tidak langsung. Semoga Tuhan Maha Esa dapat membalas jasa kalian semua dan dipermudahkan segala urusan ke depan. Saya berharap semoga kajian ini dapat memberi manfaat kepada semua pihak sebagai bahan rujukan kelak.

Sekian, Terima Kasih.

## ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN	HALAMAN
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>i</b>
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	<b>ii</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>vi</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>vi</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>vii</b>
<b><i>ABSTRACT</i></b>	<b>viii</b>
<b>BAB 1: PENGENALAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Pernyataan Masalah	5
1.4 Persoalan Kajian	7
1.5 Objektif Kajian	
1.6 Kepentingan Kajian	8
1.7 Batasan Kajian	10
1.8 Definisi Istilah dan Konsep	11
1.8.1 Adaptasi	
1.8.2 Teori	
1.9 Organisasi Kajian	12
1.9.1 Bab Satu	
1.9.2 Bab Dua	
1.9.3 Bab Tiga	
1.9.4 Bab Empat	
1.9.5 Bab Lima	
1.10 Kesimpulan	13

## KANDUNGAN

## HALAMAN

### **BAB 2: KAJIAN LITERATUR**

2.1 Pengenalan	14
2.2 Kajian Mengenai Ketokohan Hamka	15
2.3 Kajian Sarjana Lain Mengenai Karya Pilihan <i>Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck</i>	19
2.4 Kajian Sarjana Lain Mengenai Teori Sosiologi	24
2.5 Kajian Bidang Lain Mengenai Adaptasi	28
2.6 Kesimpulan	33

### **BAB 3: METODOLOGI KAJIAN**

3.1 Pengenalan	34
3.2 Reka Bentuk Kajian	35
3.3 Kaedah Kajian	36
3.3.1 Sumber Internet	
3.3.2 Kaedah Kepustakaan	
3.3.3 Kaedah Pemerhatian	
3.3.4 Kaedah Analisis Tekstual	
3.4 Teori Pilihan	38
3.4.1 Sejarah Ringkas Teori	
3.4.2 Ciri-ciri Teori	
3.4.2.1 Representasi Budaya	
3.4.2.2 Bahasa dan Konstruksi Sosial	
3.4.2.3 Keagamaan	
3.4.3 Kaedah Pengaplikasian Teori	
3.5 Kerangka Kajian	43
3.6 Kesimpulan	44

## KANDUNGAN

## HALAMAN

### **BAB 4: ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN**

4.1 Pengenalan	48
4.1.1 Teori Sosiologi dalam pemikiran Karl Marx dan Pendukung Lain	
4.1.2 Sinopsis	
4.2 Perbandingan dari segi pengurangan dan penambahbaikan berdasarkan adaptasi novel ke skrip filem menerusi penelitian karya <i>Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck</i> .	49
4.2.1 Plot	
4.2.2 Latar	
4.2.3 Bahasa	
4.3 Kelas-kelas sosial yang menimbulkan konflik dalam adaptasi novel ke skrip filem iaitu karya <i>Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck</i> berdasarkan teori Sosiologi Karl Marx.	73
4.3.1 Adat Tradisi	
4.3.2 Darjat	
4.3.3 Pendidikan	
4.3.4 Feminisme	
4.3.5 Gaya Hidup Masyarakat	
4.4 Kesimpulan	86

**KANDUNGAN****HALAMAN****BAB 5: KESIMPULAN**

5.1 Pengenalan	87
5.2 Rumusan Kajian	88
5.3 Implikasi Kajian	90
5.4 Cadangan Daripada Hasil Kajian	91
5.4.1 Menumpukan Karya Adaptasi Novel ke Skrip Filem Yang Bersesuaian	
5.4.2 Memperluaskan Lagi Pengiktirafan Tokoh Sasterawan Negara	
5.4.3 Memenuhi Permintaan Terhadap Adaptasi Karya Sastera	
5.4.4 Melestarikan Pasaran Dan Pengaruh Yang Luas	
5.4.5 Mengaplikasikan Teori Lain	
5.5 Kesimpulan	96
<b>RUJUKAN</b>	<b>97</b>
<b>LAMPIRAN</b>	<b>103</b>



**SENARAI RAJAH**

<b>KANDUNGAN</b>	<b>HALAMAN</b>
3.3.4 Kaedah Analisis Tekstual	38
3.5 Kerangka Kajian Yang Menyeluruh	43
4.1.1 Teori Sosiologi Karl Marx Dan Pendukung Lain	46

**SENARAI JADUAL**

<b>KANDUNGAN</b>	<b>HALAMAN</b>
4.1.2 Sinopsis Novel Dan Filem Karya <i>Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck</i>	47
4.2.1 Penerangan Struktur Plot	50
4.2.1.1 Perbandingan Aspek Pengurangan Dan Penambahbaikan Menerusi Plot Permulaan	52
4.2.1.2 Perbandingan Aspek Pengurangan Dan Penambahbaikan Menerusi Plot Perkembangan	54
4.2.1.3 Perbandingan Aspek Pengurangan Dan Penambahbaikan Menerusi Konflik	56
4.2.1.4 Perbandingan Aspek Pengurangan Dan Penambahbaikan Menerusi Plot Klimaks	61
4.2.1.5 Perbandingan Aspek Pengurangan Dan Penambahbaikan Menerusi Plot Peleraian	63
4.2.2 Penerangan Latar Tempat Dan Latar Masyarakat	65
4.2.2.1 Perbandingan Latar Tempat Menerusi Adaptasi Novel Ke Skrip Filem	66
4.2.2.2 Perbandingan Latar Masyarakat Menerusi Adaptasi Novel Ke Skrip Filem	67
4.2.3.1 Perbandingan Bahasa Ibunda Minangkabau Menerusi Adaptasi Dari Novel Ke Skrip Filem	69
4.2.3.2 Perbandingan Gaya Bahasa Menerusi Adaptasi Novel Ke Skrip Filem	71

## KANDUNGAN

## HAMALAN

4.3.1 Kelas Sosial Melalui Adat Tradisi Yang Menimbulkan Konflik	75
4.3.2 Kelas Sosial Melalui Darjat Yang Menimbulkan Konflik	77
4.3.3 Kelas Sosial Melalui Pendidikan Yang Menimbulkan Konflik	80
4.3.4 Kelas Sosial Melalui Feminisme Yang Menimbulkan Konflik	83
4.3.5 Kelas Sosial Melalui Gaya Hidup Masyarakat Yang Menimbulkan Konflik	85

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**ADAPTASI NOVEL KE SKRIP FILEM. PENELITIAN KARYA  
TENGGELAMNYA KAPAL VAN DER WIJCK BERDASARKAN TEORI  
SOSIOLOGI**

**ABSTRAK**

Adaptasi novel ke skrip filem merupakan suatu revolusi dalam sesebuah karya sastera. Hal ini mengangkat karya sastera yang unggul khususnya dalam dunia industri bagi menimbulkan kesan penghayatan terhadap khalayak. Oleh demikian, kajian ini bermatlamatkan untuk mengenal pasti perbandingan dari segi pengurangan dan penambahbaikan berdasarkan adaptasi novel ke skrip filem. Kemudian, mengaplikasikan teori Sosiologi menerusi kelas-kelas sosial yang menimbulkan konflik dalam kehidupan. Metode kajian ini menggunakan reka bentuk kaedah kualitatif dengan mengumpul hasil dapatan seperti sumber Internet, kepustakaan, pemerhatian dan analisis tekstual. Kajian ini berfokuskan penelitian adaptasi novel ke skrip filem dalam aspek pengurangan dan penambahbaikan menerusi plot, latar dan bahasa. Selain itu, menumpukan tafsiran Hamka pada karyanya mengenai pengasingan kelas seperti adat tradisi, darjat, pendidikan, feminisme, dan gaya hidup masyarakat yang mengandungi unsur-unsur konflik. Justeru, kajian ini mengaplikasikan teori Sosiologi dalam pemikiran Karl Marx dan dibantu oleh pelopor teori Sosiologi yang lain dengan menekankan pengasingan kelas sehingga berlakunya perjuangan dalam kehidupan. Jelaslah bahawa keberhasilan adaptasi adalah salah satu manfaat yang baik dalam bidang kesusasteraan khususnya penulisan kreatif agar terus dilestarikan.

**Kata Kunci:** Adaptasi, *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*, Hamka, Teori Sosiologi.

**ADAPTATION OF NOVEL TO FILM SCRIPT. RESEARCH OF *THE SINKING OF THE VAN DER WIJCK* BASED ON SOCIOLOGICAL THEORY**

**ABSTRACT**

The adaptation of a novel into a film script represents a revolution in literary works. This elevates outstanding literary works, especially in the world of the film industry, to evoke a deeper impact on the audience. Therefore, this study aims to identify the comparison in terms of reduction and enhancement based on the adaptation of novels into film scripts. Subsequently, it applies Sociological theory through social classes that generate conflicts in life. This research method utilizes a qualitative approach by collecting findings from sources such as the internet, literature, observation, and textual analysis. The study focuses on researching the adaptation of novels into film scripts in terms of reduction and enhancement in plot, setting, and language. Additionally, it delves into Hamka's interpretation of his work concerning the segregation of classes such as customs, traditions, social status, education, feminism, and the lifestyle of society containing elements of conflict. Therefore, this study applies Sociological theory in the thinking of Karl Marx and is supported by other pioneers of Sociological theory by emphasizing class segregation until struggles occur in life. It is clear that the success of adaptation is one of the significant benefits in the field of literature, especially in creative writing, to ensure its preservation.

**Keywords:** Adaptation, *The Sinking of the Van Der Wijck*, Hamka, Sociological Theory.

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Pengenalan

Pengertian adaptasi novel ke skrip filem adalah suatu revolusi dalam sesebuah karya sastera. Dalam kajian ini bermatlamatkan bagi mengangkat teks sastera khususnya perfileman bagi menimbulkan penghayatan yang efektif terhadap khalayak. Penelitian ini menekankan aspek sosiologi yang diaplikasikan dalam teks sastera iaitu novel. Nur Nafishah Azmi, Rohani Hashim dan Rahimah A. Hamid (2012) berpendapat bahawa istilah adaptasi tidak semestinya mengikut sepenuhnya daripada sumber asal. Dengan itu, kajian ini menunjukkan aspek pengurangan dan penambahbaikan dalam sebuah keaslian karya yang telah diadaptasi dari novel ke filem. Selain daripada itu, kajian ini juga berhubungan dengan skrip filem. Perkara ini menjelaskan latar belakang bagi menghasilkan skrip media elektronik dan filem. Oleh hal demikian, menurut penelitian Asiah Sarji, Faridah Ibrahim dan Mazni Buyong (1996) skrip bagi sesebuah filem adalah mewakili kandungan sebuah cereka yang memiliki unsur-unsur grafik. Perkara ini bagi mengangkat teks sastera yang unggul serta menimbulkan kesan pengamatan terhadap masyarakat kini. Dengan demikian, teks sastera dalam penelitian karya ini berjaya dan mendapat sambutan oleh masyarakat kini menerusi penggunaan penulisan kreatif iaitu novel.

Istilah novel ianya berasal daripada perkataan Itali iaitu *novella* yang merupakan salah sebuah bentuk karya sastera. Dalam pandangan Muhammad Al Afzan bin Ali Hussin (2018) novel merupakan peristiwa mahupun kejadian dalam kehidupan manusia mengikut sesuatu tempat dan masa tertentu. Perkara ini bersifat penulisan kreatif yang dikarang dan ditulis dalam bentuk naratif ke arah prosa moden. Hal ini dapat dilihat pada penggunaan bahasa pengarang yang biasa dan berlawanan bentuk puisi namun masih memiliki teknik penggunaan secara tersendiri. Kebiasaannya, novel merupakan cerita fiksi dalam bentuk tulisan dengan mengandungi unsur-unsur intrinsik dan ekstrinsik. Perkara ini juga diperolehi daripada pengalaman, pemikiran, situasi dan

persoalan kehidupan setiap pengarang dalam menyampaikan mesej yang berbentuk tersirat. Buktinya, menerusi Meisy Afiani Candra Nim (2019) novel adalah karya sastra yang biasanya menceritakan mengenai kehidupan manusia dalam berinteraksi mengikut persekitaran mahupun peredaran yang luas terhadap masyarakat. Bukan itu sahaja, ianya menyajikan plot cerita yang lebih kompleks dalam watak-perwatakan yang ditampilkan pada karya novel tersebut.

Selain itu, filem ditakrifkan suatu gambaran yang bersifat visual dan mempunyai pergerakan media yang kaya dengan elemen-elemen penceritaan. Filem juga adalah buatan produk teknologi, produk siber, dan produk seni baru. Vina Effendi (2016) berpendapat bahawa filem menggambarkan identiti yang tidak jauh dengan realiti manusia. Dengan meneliti filem terdapat ilmu baharu yang banyak memperlihatkan perspektif sosial manusia. Hal ini melibatkan penskripan dan diproses menjadi pementasan video visual yang menarik. Kemudian, diolah kreatif dengan pelbagai penerapan, kepentingan dan matlamat yang disampaikan dalam bentuk pementasan panggung wayang mahupun televisyen. Hal ini mengandungi pelbagai budaya dan sosial akan dipentaskan mengikut padanan masyarakat sekeliling. Perkara ini berlaku kerana setiap tempat mempunyai budaya yang berlainan dan memerlukan penyesuaian bagi menghasilkan sebuah filem yang baik. Oleh itu, filem adalah salah satu alternatif yang berkesan terhadap khalayak kerana berjaya mempengaruhi dan menghiburkan khalayak menerusi penceritaan yang disampaikan.

Di samping itu, pengkaji menggunakan teori yang bersesuaian dengan melibatkan sosiobudaya pada kajian ini. Perkara ini pengkaji mengaplikasikan teori Sosiologi dalam aspek sosiobudaya menerusi pemikiran Karl Marx (1818-1883). Teori Sosiologi adalah pengkajian yang melibatkan kemasyarakatan dengan adanya representasi budaya, bahasa dan konstruksi sosial serta keagamaan yang menjadi sebuah identiti dalam masyarakat. Namun demikian, terdapat pengasingan kelas sosial sehingga berlakunya konflik pada karya yang disampaikan. Dalam penelitian Hashim Awang (1997) sosiologi adalah bersifat saintifik dengan mengkaji manusia dalam masyarakat, institusi-institusi sosial dan proses sosial. Perkara ini juga mengkaji sejauh manakah masyarakat itu berkembang dan membawa perubahan. Tambahan lagi, menurut Diana Laurenson dan Alan Swingewoods (1972) pengkajian sosiologi memaparkan perubahan kehidupan masyarakat melalui hubungan manusia dengan

individu, masyarakat, negara, dan strata kelas sosial. Dalam teori ini terdapat beberapa pendekatan seperti interaksi simbolik, pertukaran sosial, feminis dan konflik. Oleh demikian, pendekatan-pendekatan tersebut dapat dilihat pada penelitian karya *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* yang ditulis oleh Hamka.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti dan membincangkan mengenai adaptasi novel ke skrip filem. Menerusi penelitian karya *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* berdasarkan teori Sosiologi bagi mengangkat teks sastera yang unggul. Dengan itu, berlandaskan hasil sorotan kajian lepas pengkaji dapati bahawa tajuk kajian ini mempunyai sebilangan kecil yang dikaji oleh beberapa pihak. Hal ini memiliki pelbagai aliran dalam penulisan bagi mengemukakan ideologi mahupun penelitian dalam karya *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*. Adaptasi adalah suatu penggunaan revolusi dari satu media ke satu media yang lain. Oleh itu, aspek sosiologi mengambil peranan dalam mengangkat teks sastera yang baik dengan adanya pandangan seorang penulis karya yang berpengalaman. Dalam pada itu, aspek adaptasi juga adalah suatu kaedah bagi memartabatkan lagi bidang kesusasteraan pada masa kini. Namun demikian, dalam penelitian Hani Salwah Yaakub (2018) proses pengadaptasian novel ke filem bukanlah suatu hal yang baharu dalam industri kreatif. Oleh demikian, pengkaji memaparkan keberkesanan kualiti sesebuah karya sastera yang unggul dalam aspek sosiologi dan teknologi pada kajian ini.

Seterusnya, Menerusi Francesco Casetti (2004) adaptasi adalah hasil suatu *reappearance* maka yang lebih penting diperolehi melalui kaedah baru yang dihasilkan daripada adaptasi dan bukan hanya persamaan mahupun perbezaan yang berlaku. Manakala Sohaimi Hashim (2015) berpendapat bahawa sungguhpun novel dan filem adalah seni namun ianya adalah suatu medium yang berbeza. Hal ini disebabkan novel bersifat bertulis yang hanya disampaikan secara tidak langsung manakala filem bersifat visual secara langsung. Oleh itu, novel menyampaikan mesej dan nilai ilmu oleh penulis sebaliknya filem adalah video visual yang sinematografi dengan mengandungi pelbagai elemen mahupun grafik seperti audio, animasi, teks, dan lainnya. Dalam masa yang sama, adaptasi merupakan industri kreatif yang berasaskan daya cipta ke dunia perfileman yang mempunyai pengaruh besar terhadap masyarakat dan budaya pada masa kini. Oleh demikian, pengkaji mengaplikasikan adaptasi novel ke skrip filem

dalam penelitian karya *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* adalah proses pemindahan yang kreatif serta memerlukan kesatuan antara pengkarya dan produksi.

Selain itu, penelitian karya *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* merupakan hasil daripada penulis sasterawan dan juga seorang ulama Islam iaitu Hamka. Menerusi karya beliau ianya banyak memberi pandangan yang berunsurkan realisme mengenai kebudayaan yang diamalkan oleh masyarakat Melayu Minangkabau. Hal ini kerana Hamka adalah seorang yang peka terhadap keadaan sekelilingnya. Dengan itu, terdapat kritikan-kritikan yang disampaikan oleh beliau iaitu merujuk kepada diskriminasi masyarakat sekeliling dengan pelbagai latar belakang pada ketika itu. Dalam perkara ini, penulis karya menyampaikan sastera yang puitis serta struktur dalaman sastera bagi menimbulkan nilai ilmu melalui sosiobudaya masyarakat ketika itu. Hal demikian, Hamka mempunyai pengalaman yang luas melalui perjalanan hidupnya sebagai seorang ahli ulama yang terkenal. Buktinya, dalam penelitian Sudrajat (2014) sastera dapat diketengahkan dalam peradaban manusia yang dinilai melalui imaginasi seorang pengkarya yang kreatif. Hal demikian, penelitian karya beliau iaitu *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* adalah penghasilan karya berdasarkan refleksi sosial penulis yang menjadi pedoman kepada khalayak.



### 1.3 Pernyataan Masalah

Menerusi John Dewey (1910) pernyataan masalah ianya menekankan langkah saintifik dalam sesebuah penelitian yang bermula daripada permasalahan mahupun pengalaman yang dihadapi. Buktinya, terdapat makna pengertian dalam penghasilan bukunya yang bertajuk *Bagaimana Kita Berfikir*. Perkara ini telah meninggalkan kesan terhadap kajian ini. Dengan itu, mengikut permasalahan kajian ini pengkaji menekankan pembahasan yang berhubungan pada adaptasi novel ke skrip filem. Oleh itu, penelitian karya yang dikaji pada kajian ini adalah berdasarkan keaslian karya dari aspek pengurangan dan penambahbaikan yang telah diadaptasi. Kemudian, mengaplikasikan teori Sosiologi yang merujuk kepada pengasingan kelas sosial yang menimbulkan unsur konflik bagi mengangkat teks sastera menerusi karya *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*.

Masyarakat masih kurang memahami konsep adaptasi novel ke skrip filem yang melibatkan karya daripada ahli-ahli sasterawan hebat dan berpengalaman. Dalam kajian ini pengkaji memilih permasalahan masyarakat yang kurang memahami konsep adaptasi menerusi karya *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*. Ideologi ini disebabkan kurangnya sumber teks misalnya novel dan cerpen yang tidak dikembangkan, serta digunakan sebagai sasaran yang diadaptasi dari sebuah novel ke skrip filem. Dalam penelitian Hani Salwah Yaakup (2018) penghasilan karya-karya unggul yang dihasilkan dalam novel dan diadaptasi ke skrip filem ianya masih kurang diterapkan oleh pihak berkenaan. Jikalau jumlahnya memiliki peratus berkurangan maka bagaimana kita untuk mengekalkan penulisan kreatif yang unggul seperti yang diaplikasikan oleh tokoh terkenal iaitu Hamka. Hal ini kerana tokoh tersebut mempunyai banyak pengalaman dalam bidang kesusasteraan dan banyak melahirkan karya-karya yang unggul serta menjadi sambutan oleh masyarakat

Seterusnya, masyarakat mengalami kesukaran dengan membandingkan penghasilan karya yang terbaik sama ada novel mahupun filem. Kajian ini juga pengkaji mengaplikasikan kesukaran masyarakat membandingkan penghasilan pada karya *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*. Hal ini disebabkan pengubahsuaian dari segi plot penceritaan mahupun watak dan perwatakan pada novel dan diubahsuai menjadi sebuah filem yang memerlukan proses adaptasi. Dengan itu, hal ini menimbulkan beberapa perbezaan yang amat ketara sehingga masyarakat mengalami kesukaran dalam memilih

penghasilan karya di antara novel dan filem. Bukan itu sahaja, akan berlakunya masyarakat tidak berpuas hati dengan membandingkan setiap peristiwa yang berbeza menerusi novel dan filem tersebut. Buktinya, menerusi penelitian Shafiqah Abdul Khalid (2021) masyarakat mengalami kesukaran dalam membandingkan ke dua medium tersebut. Oleh demikian, permasalahan pada kajian ini menimbulkan banyak kritikan daripada masyarakat kerana tidak memenuhi jalan penceritaan asal mahupun kehendak mereka.

Selain itu, terdapat cabaran dalam menyesuaikan penghasilan adaptasi novel ke skrip filem yang baik. Hal ini kerana terdapat beberapa peristiwa yang sukar untuk diikuti secara terperinci melalui novel. Kesukaran ini biasanya berlaku kerana budaya dan sosial berdasarkan karya-karya yang dihasilkan adalah bertentangan dengan dunia realiti. Salah satunya berlaku pada proses adaptasi novel ke skrip filem dalam karya *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*. Hal ini terdapat pada beberapa watak pada filem tersebut yang terpaksa dikurangkan kerana mengalami cabaran dalam proses penyuntingan dijalankan. Bahkan, latar juga salah satu cabaran dalam penghasilan karya dengan menyesuaikan beberapa dimensi visual dan audio serta skrip yang akan digunakan oleh barisan pelakon. Buktinya, Shafiqah Abdul Khalid (2021) berpandangan bahawa cabaran ini memerlukan proses adaptasi mengikut penyesuaian dan pertimbangan bersama daripada penulis asal dan pihak produksi. Perkara ini agar penghasilan adaptasi mempunyai mutu yang memberangsangkan kepada semua pihak. Oleh demikian, cabaran tersebut menimbulkan penghasilan adaptasi dari segi pengurangan dan penambahbaikan yang dijalankan.

#### 1.4 Persoalan Kajian

Berdasarkan petikan di bawah, ianya merupakan dua persoalan kajian. Antaranya ialah:-

- 1.4.1 Apakah perbandingan dari segi pengurangan dan penambahbaikan yang dapat dikesan berdasarkan adaptasi novel ke skrip filem karya *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*?
- 1.4.2 Sejauh manakah kelas-kelas sosial yang berjaya menimbulkan konflik dalam adaptasi novel ke skrip filem karya *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* dapat ditelusuri berdasarkan teori Sosiologi?

#### 1.5 Objektif Kajian

Berikut merupakan dua objektif kajian yang dijadikan penyelidikan oleh pengkaji ianya terdiri daripada:-

- 1.5.1 Mengenal pasti perbandingan dari segi pengurangan dan penambahbaikan berdasarkan adaptasi novel ke skrip filem menerusi penelitian karya *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*.
- 1.5.2 Mengaplikasikan teori Sosiologi menerusi kelas-kelas sosial yang menimbulkan konflik dalam adaptasi novel ke skrip filem iaitu karya *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*.

## 1.6 Kepentingan Kajian

Kajian yang dilakukan adalah bertujuan agar pengkaji dan individu lain memahami unsur adaptasi novel ke skrip filem yang dijalankan khususnya karya *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* yang ditulis oleh penulis Indonesia iaitu Hamka. Hal ini kerana Hamka adalah salah seorang ahli sasterawan yang berpengalaman di rantau Asia. Dengan demikian, beliau mengkritik sosiobudaya masyarakat Minangkabau dan memperhalusi sasteranya dalam bentuk naratif pada karyanya. Kemudian, karya Hamka diadaptasi menjadi sebuah video visual yang menarik oleh produksi Sunil Soraya dan menerima sambutan ramai oleh masyarakat kini. Hal ini pengkaji dapati dalam penelitian karya ini iaitu melalui penelitian adaptasi mempunyai keberkesanan yang menepati cita rasa masyarakat. Daripada kesedaran itu, pengkaji berpandangan bahawa kajian ini diperlukan dan diperbanyakkan lagi sebagai rujukan di masa akan datang. Oleh itu, pengkaji menggunakan tajuk kajian iaitu adaptasi novel ke filem dalam penelitian karya *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* berdasarkan teori Sosiologi.

Seterusnya, kajian ini menimbulkan manfaat dan kemudahan terhadap masyarakat. Hal ini kerana pengkaji memperolehi pengetahuan baru melalui penelitian karya ini. Kepentingan kajian ini mengandungi nilai moral dan pengajaran yang disampaikan oleh Hamka terhadap masyarakat. Buktinya, terdapat peristiwa yang menggambarkan nilai-nilai luhur dan ilmu tasawuf yang diamalkan oleh masyarakat Melayu menurut pandangan beliau ketika itu. Dengan demikian, Hamka menekankan karyanya mengenai nilai-nilai luhur dan ilmu tasawuf serta isu konflik iaitu percintaan daripada dua kelas sosial agar difahami dalam penulisan kreatifnya. Dalam pada itu, Hamka sangat berpengalaman dalam mewujudkan seni sastera dengan menggunakan kiasan bahasa yang unggul. Hal demikian, Hamka menggunakan bahasa-bahasa estetika sebagai perbualan dalam kehidupan masyarakat Melayu ketika itu pada penulisan karyanya. Oleh itu, pengkaji berharap bahawa kajian ini dijadikan sebagai iktibar dalam kesusasteraan yang unggul bagi mengelak pemikiran-pemikiran penulis yang hanya mengaut keuntungan semata-mata.

Kemudian, kajian ini memberi manfaat kepada negara dengan memberi pengetahuan mengenai kebudayaan yang dianuti oleh masyarakat Melayu Minangkabau berdasarkan penelitian karya *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*. Dengan demikian, pengkaji dapati bahawa Hamka menggunakan sebagai refleksi sosial

sepanjang penulisannya berjalan. Dalam hal ini Hamka menggunakan latar budaya dan sosial masyarakat Melayu khususnya di Minangkabau pada karyanya. Bukan itu sahaja, beliau juga turut mengkritik pemikiran masyarakat kerana menganuti adat dan tradisi yang berlebihan sehingga berlakunya persefahaman sesama mereka daripada kelas sosial yang berlainan. Oleh itu, kajian ini dapat memberi manfaat sebagai rujukan sampingan mengenai sosiobudaya masyarakat Melayu Minangkabau. Justeru, kajian ini juga memberi manfaat terhadap pihak universiti dengan menjadikan kajian ini sebagai sumber rujukan di masa depan kelak mengikut sukatan pelajaran dalam bidang kesusasteraan mahupun program-program yang telah dibenarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

### 1.7 Batasan Kajian

Untuk menjalankan kajian ini, terdapat batasan kajian ditekankan agar tidak terpesong daripada sasaran kajian yang akan dilaksanakan. Dengan itu, pengkaji menjalankan skop kajian dan lingkungan yang kecil pada batasan kajian. Lantaran, kesemua aspek dalam teks karya tersebut pada bahan kajian adalah kandungan yang menyeluruh. Dalam kajian ini, pengkaji membatasi tujuan utama pada kajian ini iaitu adaptasi dari sebuah novel kepada skrip filem dalam penelitian karya *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*. Oleh itu, dalam penelitian karya ini ditulis oleh seorang pengarang Indonesia yang bernama Hamka. Beliau merupakan seorang ahli sasterawan dan ulama terkenal. Dalam hal ini juga melalui karya novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wjck* mempunyai 293 halaman bercetak yang dihasilkan. Kemudian, karya ini juga difilemkan oleh produksi Sunil Soraya pada tahun 2012. Selain daripada itu, pada tahun 2013 filem ini mempunyai durasi video selama 2 jam 45 minit dan diadaptasi lagi pada tahun 2014 menjadi 3 jam 35 minit. Dengan demikian, pengkaji mengenal pasti perbandingan adaptasi dalam novel dan filem menerusi penelitian karya *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* berdasarkan teori Sosiologi. Penelitian ini berfokuskan keaslian karya dalam aspek pengurangan dan penambahbaikan yang diadaptasi kemudian melihat aspek pengasingan kelas sosial sehingga berlakunya konflik dalam sesebuah masyarakat yang terkandung pada karya tersebut.

Seterusnya, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang terbatas kepada novel dan hasil karya Hamka tanpa melibatkan penulis yang lain. Hal ini disebabkan dalam kepengarangan Hamka sendiri mempunyai kematangan dalam bidang kesusasteraan. Perkara ini dapat dilihat daripada beberapa teori Sastera iaitu Teksdealisme, Intertekstualisme, dan sebagainya. Namun demikian, pengkaji mengaplikasikan pada ruang lingkup teori Sosiologi sahaja yang terkandung pada kajian ini. Menerusi pengaplikasian teori Sosiologi berdasarkan pandangan beliau mengenai sosiobudaya masyarakat Minangkabau pada ketika itu. Perkara ini menunjukkan kedudukan masyarakat yang banyak menimbulkan konflik dalam sesebuah komuniti. Oleh itu, batasan kajian ini dapat dijustifikasikan bahawa penggunaan adaptasi novel ke skrip filem menerusi penelitian karya *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* sahaja. Perkara ini dapat memberikan pengajaran mahupun pengetahuan yang disampaikan oleh penulis terhadap masyarakat pada masa kini.

Batasan kajian ini juga mampu menyatakan dapatan kajian yang bermanfaat mengenai penerapan adaptasi novel ke skrip filem.

### **1.8 Definisi Istilah dan Konsep**

Istilah dan konsep adalah suatu pemangkin yang kukuh bagi menyampaikan gambaran yang jelas dan terperinci. Hal ini bagi memudahkan proses kajian yang akan dijalankan agar lebih teratur dan sistematik serta mempunyai batasan kajian yang spesifik. Menurut pandangan Mana Sikana (2015) menyatakan bahawa kajian adalah suatu asas dan latihan bagi setiap pengkaji agar menjadi seorang yang terpelajar. Dengan itu, kajian ini memerlukan istilah dan konsep yang jelas dan terperinci dalam setiap kandungan kajian ini seperti:-

#### **1.8.1 Definisi Adaptasi**

Adaptasi didefinisikan suatu revolusi mahupun perkembangan mengikut pertimbangan daripada ruangan yang baru. Buktinya, dalam pandangan Wan Hasmah Wan Teh (2013) menyatakan bahawa adaptasi adalah perubahan daripada beberapa isi kandungan dari satu media ke satu media yang lain. Hal ini juga adalah suatu kebolehan dalam menyesuaikan dengan menyelaraskan serta mengubah sesuatu karya yang telah dicipta mengenai struktur, fungsi, bentuk bagi menghasilkan satu penghasilan yang baru dan sempurna. Namun, menurut Rohani Hashim (2015) adaptasi ianya tidak diwajibkan untuk mengikuti segala sumber asal dengan sepenuhnya. Hal ini kerana ianya mempunyai beberapa bahagian iaitu terdiri daripada penambahan, pengurangan, pengekal, penekanan dan pengubahsuaian. Oleh demikian, adaptasi dalam kajian ini pengkaji dapat menyimpulkan proses pemindahan hasil karya bertulis kepada bentuk teknologi iaitu video visual. Perkara ini memerlukan kerjasama beberapa pihak khususnya penulis karya, penerbit filem, pengarah filem dan sebagainya.

#### **1.8.2 Definisi Teori Sosiologi**

Menurut Auguste Comte (1797-1857) teori Sosiologi adalah suatu masyarakat yang dilaksanakan secara saintifik dan sistematik. Hal ini diperoleh daripada statik sosial dan dinamik sosial. Kemudian, dalam pandangan Menerusi Karl Marx (1818-1883) teori sosiologi adalah suatu kehidupan manusia yang berjuang untuk memenuhi kedudukan kelas yang sewajarnya untuk dicapai. Kedudukan tersebut seperti kelas pemerintahan (borjuis) dan kelas pekerja (proletariat). Keduanya pihak tersebut akan

memperjuangkan kepentingan masing-masing maka munculnya konflik dalam sesebuah masyarakat.

## **1.9 Organisasi Kajian**

Dalam kajian ini, pengkaji telah melaksanakan pembahagian tiga bab agar proses penyelidikan berjalan dengan lancar dengan teratur dan sistematik.

### **1.9.1 Bab Satu**

Bab satu ini mengandungi pendahuluan yang membincangkan pengenalan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, definisi istilah dan konsep, definisi adaptasi, definisi teori Sosiologi, organisasi kajian, dan kesimpulan yang dijalankan dalam kajian ini.

### **1.9.2 Bab Dua**

Pada bahagian ini iaitu bab dua ianya membincangkan mengenai kajian literatur dengan merangkumi tinjauan sorotan kajian lepas daripada beberapa sumber yang berkaitan pada kajian ini.

### **1.9.3 Bab Tiga**

Dalam bab tiga ini pula menerangkan metodologi kajian iaitu kaedah dan teknik mereka-bentuk, mengumpul dan menganalisis data agar dapat menghasilkan bukti yang kukuh bagi menyokong kajian ini.

### **1.9.4 Bab Empat**

Dalam bab ini terdiri daripada analisis dan hasil dapatan kajian. Secara khususnya pada bab ini mengandungi pengurangan dan penambahbaikan dalam adaptasi novel ke skrip filem berdasarkan karya Hamka iaitu *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*. Selain itu, bahagian ini membincangkan kelas-kelas sosial yang menimbulkan konflik menerusi teori Sosiologi dalam pemikiran Karl Marx (1818-1883).

### **1.9.5 Bab Lima**

Bab ini adalah bab pengakhiran yang mengandungi rumusan perbincangan serta kajian bagi menjawab persoalan yang telah dikupas dalam kajian ini. Dengan itu, pengkaji turut nyatakan cadangan dan saranan kajian yang akan mendatang dalam bab ini.



### 1.10 Kesimpulan

Kesimpulannya, bab satu meneliti beberapa perkara yang dijadikan isu perbincangan pada kajian ini. Hal ini pengkaji menerapkan tujuan yang jelas dan implikasi utama serta sokongan daripada beberapa penelitian pengkaji lain. Dengan itu, pengkaji membahaskan dalam kajian ini mengenai adaptasi novel ke filem. Penelitian karya *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* berdasarkan keaslian karya dari segi pengurangan dan penambahbaikan yang telah diadaptasi dari sebuah novel ke skrip filem. Kemudian, mengaplikasikan teori Sosiologi dalam aspek budaya dan sosial menerusi karya *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* yang memaparkan kelas-kelas sosial sehingga berlakunya konflik. Jika dilihat dalam kajian ini ianya menimbulkan persoalan apakah perbandingan adaptasi novel ke filem dan sejauh manakah teori Sosiologi dapat diaplikasikan menerusi karya *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* bagi menjawab kajian ini.

Oleh demikian, pengkaji berbesar hati untuk memilih tajuk kajian ini bagi memudahkan semua pihak di masa akan datang kelak. Dengan itu, kehadiran persoalan kajian ianya mewujudkan objektif kajian bagi memahami suatu proses pengadaptasian novel ke filem yang berbantuan elemen sosiologi dan teknologi kini bagi mengangkat karya sastera yang unggul. Berdasarkan penelitian karya pada kajian ini yang ditulis oleh tokoh sasterawan yang menunjukkan kematangan dunia kepengarangan beliau sehingga dijadikan bahan kajian dalam bidang kesusasteraan. Setiap perkara mengenai kajian ini telah pun dikaji bagi menyempurnakan kelompangan sorotan kajian lepas melalui beberapa kaedah. Seperti artikel, jurnal, risalah, tesis dan buku lantaran mempunyai tajuk yang berbeza dalam kajian ini. Oleh itu, dengan adanya segala keperluan kajian ini ianya memudahkan pengkaji dalam menjalankan kajian dengan lebih terperinci dan memenuhi kelompangan penyelidikan di masa akan datang.

## BAB 2

### KAJIAN LITERATUR

#### 2.1 Pengenalan

Pengertian kajian literatur iaitu sebuah kajian yang sistematik dalam menyelidik permasalahan kajian yang dijalankan. Proses ini pengkaji akan membincangkan kajian-kajian lepas dan dikaji sebelumnya oleh pengkaji lain dengan memiliki hubungan yang berkaitan pada kajian ini. Bahkan mencari kelompangan dalam sesebuah kajian tersebut dan diubahsuai menjadi sebuah kajian yang baru agar dinyatakan pada kajian ini dengan sempurna. Amani Dahaman (2011) berpandangan bahawa kajian literatur merupakan analisis kajian melalui bahan-bahan ilmiah iaitu buku, tesis, jurnal dan artikel sebagai maklumat penting dalam permasalahan kajian yang dijalankan. Oleh demikian, kajian lepas pada kajian ini adalah perbandingan adaptasi dalam novel dan filem berdasarkan *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* yang telah diadaptasi, serta mengaplikasikan teori Sosiologi. Kesemua kajian lepas yang diperoleh adalah peringkat Asia khususnya Malaysia dan Indonesia. Sesudah pengumpulan data dan sorotan kajian lepas dijalankan, pengkaji dapati terdapat beberapa kajian lepas yang hampir sama. Lantaran, masih terdapat kelompangan iaitu adaptasi novel ke skrip filem berdasarkan teori Sosiologi yang belum dikaji melalui karya Hamka iaitu *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*.

## 2.2 Kajian Mengenai Ketokohan Hamka

Yus' Aiman Jusoh @ Yusoff menjalankan kajian pada tahun 2019 melalui tajuk penelitian “Sumbangan dan Legasi Hamka Sebagai Ulama Tersohor Nusantara”. Objektif kajian ini dijalankan adalah mengenal pasti sumbangan dan legasi dalam ketokohan Hamka. Sumbangan dan legasi tersebut terdiri daripada perjuangan pembebasan, penulisan, gerakan Islam, pendidikan, teladan umat, politik dan pentadbiran. Bagi metodologi kajian pada penelitian ini adalah berbentuk kualitatif iaitu menjalankan kajian secara berterusan. Dapatan kajian yang diperoleh adalah keberkesanan Hamka dalam memberikan sumbangan yang pelbagai baik dari segi pembinaan, pelestarian, dan pembangunan masyarakat serta menjadi inspirasi dalam arus kemodenan kini. Tambahan pula terdapat persamaan kajian pengkaji dengan kajian lepas ini iaitu mengenai seorang Ulama yang tersohor di Nusantara dengan memiliki beberapa karya yang dihasilkan khususnya *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*. Namun demikian, terdapat perbezaan dalam dapatan kajian iaitu hanya mengetengahkan sumbangan dan legasi Hamka serta latar belakang beliau dalam berbanding pada kajian pengkaji membincangkan adaptasi novel ke filem yang hanya berpandukan pada karya Hamka.

Seterusnya, menerusi penelitian Mohd. Hafizul Faiz Bin Hashim pada tahun 2016, dengan membawa tajuk “Falsafah Kesusasteraan Hamka iaitu satu tinjauan kepada beberapa karya”. Tujuan kajian ini dijalankan untuk memenuhi syarat memperoleh Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab dan Kesusasteraan di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Dengan itu, objektif kajian ini membincangkan teori dan falsafah kesusasteraan Hamka yang banyak melahirkan karya-karya yang unggul serta mengenal pasti biodata dan penglibatan Hamka dalam penulisan kreatif. Kemudian, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan mengumpul sumber melalui ilmiah, buku, kepustakaan, dan Internet. Di samping itu, dapatan dalam kajian ini memperoleh pandangan baru menerusi pandangan Hamka sebagai penulis yang tersohor di Nusantara. Justeru, persamaan kajian pengkaji dalam kajian ini adalah mengenai pandangan Hamka sebagai penulis karya Indonesia yang unggul. Namun, kajian ini terdapat perbezaan dari segi taburan nilai sastera yang dijadikan aras panduan seorang penulis yang berjaya manakala kajian pengkaji membincangkan proses adaptasi novel ke filem dalam aspek pengurangan dan penambahbaikan dan mengaplikasikan teori sosiologi bagi mengangkat teks sastera yang menimbulkan konflik dalam kehidupan.

Selain itu, Abdul Rahman Abdul Aziz menjalankan penelitian pada tahun 2009 dengan mengutarakan “Nilai Mencapai Kehidupan Sejahtera dalam pandangan Hamka”. Tujuan kajian ini membincangkan penulisan berbentuk falsafah, fiksyen, dan etika pembangunan yang mempunyai hubungan pada prinsip kesejahteraan manusia. Objektif kajian ini adalah mengenal pasti idea-idea Hamka dalam makna dan implikasi nilai kemanusiaan yang dikemukakan pada setiap karyanya. Tambahan lagi, mengkaji nilai-nilai kemanusiaan pada setiap watak individu. Metodologi kajian ini adalah kaedah kualitatif dengan mengumpul senarai rujukan melalui ilmiah, buku, tesis, kepustakaan, dan Internet. Dapatan kajian ini menunjukkan pandangan Hamka dalam kehidupan sejahtera adalah matlamat pembangunan negara dari perspektif Islam. Justeru, terdapat persamaan kajian pengkaji dengan kajian lepas iaitu mengenai penghasilan karya Hamka sebagai kepentingan masyarakat kini menerusi refleksi sosialnya. Malahan terdapat perbezaan pada objektif kajian dengan menekankan prinsip kesejahteraan manusia manakala kajian pengkaji mengaplikasikan teori Sosiologi dalam aspek budaya dan sosial yang meluas menerusi karya yang dipilih.

Di samping itu, Nurshuhadah Zuhaidi dan Firuz-Akhtar Lubis pada tahun 2021 berpandangan dalam penelitian beliau yang bertajuk “Hamka: Tokoh Ulama Nusantara”. Kajian ini bermatlamat dengan mengenal pasti ketokohan dan sumbangan Hamka melalui pembangunan dan kemajuan bagi umat Islam. Dengan itu, kajian ini menekankan sumbangan yang terdiri daripada politik, pendidikan dan penulisan. Kaedah kajian yang dijalankan dalam penelitian ini adalah berbentuk kualitatif dengan menggunakan metodologi kajian sejarah menerusi pengalaman bagi memastikan keaslian pada setiap karya. Hal ini terdapat dapatan kajian yang diperoleh menerusi politik, pendidikan dan penulisan yang dikagumi hingga kini oleh ketokohan Hamka. Dengan demikian, persamaan kajian pengkaji dengan kajian ini adalah ketokohan Hamka yang diperoleh dalam bidang pendidikan mahupun penulisan. Namun, terdapat perbezaan pada kajian ini dari segi sumbangan Hamka dalam pembangunan dan kemajuan masyarakat khususnya umat Islam. Manakala, kajian pengkaji menekankan kajian ini dengan penelitian adaptasi di mana pengkaji menjalankan analisis perbandingan di antara novel ke skrip filem dan mengaplikasikan teori Sosiologi.

Begitu juga dalam pandangan Zawiyah Baba dan Zuraidah Hassan pada tahun 2014 melalui tajuk kajiannya iaitu “Analisis Bibliografi Karya Hamka dalam Koleksi

Perpustakaan Negara Malaysia”. Matlamat kajian ini adalah mengenal pasti penulis dan pemikir dengan lebih dekat menerusi analisis bibliografi karya beliau iaitu Hamka. Dengan itu, kaedah kajian yang digunakan dalam penelitian ini adalah kajian perpustakaan dan analisis data bibliografi serta temu bual. Kemudian, dari sudut dapatan kajian pada penelitian ini adalah mengetahui pengetahuan baru mengenai himpunan karya Hamka yang unggul. Oleh itu, terdapat persamaan pada kajian pengkaji terhadap kajian ini iaitu kaedah kajian yang bersifat kualitatif dengan memperoleh pengumpulan data yang berbentuk ilmiah iaitu teks, Internet dan juga beberapa kajian lepas. Bukan itu sahaja, dalam kajian ini juga terdapat perbezaan pada kajian pengkaji iaitu melalui dapatan kajian dengan mengenal pasti dan menganalisis kesemuanya karya Hamka seperti *Merantau Ke Deli*, *Di Bawah Lindungan Kaabah* dan banyak lagi manakala kajian pengkaji hanya berfokuskan pada satu karya yang terkenal pada penulisan kreatifnya iaitu karya *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*.

Kemudian, Khairul Nazmi Kamaruzaman melaksanakan kajian beliau pada tahun 2022 yang bertajuk “Pendekatan Dakwah Hamka Dalam Karya Falsafah Ketuhanan”. Dengan itu beliau membincangkan objektif kajian dengan menganalisis pendekatan dakwah Hamka menerusi karya Falsafah Ketuhanan. Kemudian, metodologi pada kajian ini menunjukkan kaedah reka bentuk kualitatif dengan mengumpul segala analisis data melalui bahan ilmiah seperti buku, jurnal, artikel dan Internet. Kemudian, dapatan kajian adalah sumbangan dan ketokohan Hamka dalam bidang dakwah. Kajian ini memperoleh pendekatan dakwah Hamka menerusi karya *Falsafah Ketuhanan* dengan membincangkan sikap manusia secara alami dalam pengajaran Islam. Dengan demikian, terdapat persamaan dalam kajian pengkaji iaitu ketokohan penulis melalui kepengarangannya. Lantaran, terdapat perbezaan pada kajian ini dan kajian pengkaji iaitu menumpukan dakwah Hamka dalam karya *Falsafah Ketuhanan* manakala kajian pengkaji menekankan aspek sosiologi secara meluas menerusi karya yang dipilih.

Selain daripada itu, Diyana Amalin menerapkan kajian beliau pada tahun 2017 dengan tajuk “Sumbangan Hamka Dalam Pendidikan”. Kajian beliau bermatlamatkan untuk mengenal pasti sumbangan Hamka dalam pendidikan sastera dari segi gerakan Islah, ilmu dan pemikiran masyarakat. Kemudian, metodologi kajian yang digunakan adalah deskriptif kualitatif iaitu mengumpul analisis data melalui buku, majalah, jurnal,

Internet dan kajian lepas. Selain itu, dapatan kajian dalam kajian ini adalah kepelbagaian sumbangan dan hasil-hasil karya Hamka yang berjaya menjadi seorang ahli sasterawan dan seorang ulama yang terkenal di Nusantara. Oleh itu, terdapat persamaan kajian ini dalam kajian pengkaji iaitu dari konteks nilai kepengarangan Hamka melalui karya beliau dan salah satunya ialah karya *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*. Namun, perbezaan dengan kajian pengkaji adalah objektif kajian dengan menyenaraikan sumbangan Hamka. Manakala, kajian pengkaji menumpukan penelitian adaptasi daripada novel ke skrip filem dalam mengangkat teks sastera yang unggul.

Abd Rahman berpandangan pada tahun 2013 menerusi kajiannya yang bertajuk “Pendidikan Sejarah Dan Karakter Bangsa Belajar Keteladanan Hidup Dari Ketokohan Natsir dan Buya Hamka”. Objektif yang dibincangkan dalam kajian ini adalah mengenal pasti dan menghuraikan pendidikan sejarah bangsa bagi diteladani hidup menurut ketokohan Natsir dan Buya Hamka. Perkara ini beliau menggunakan kajian kualitatif dengan mengaplikasikan metodologi sejarah dengan menghubungkan pendekatan biografi. Dapatan kajian pula menunjukkan ketokohan dalam pergerakan Islam dengan memaparkan fakta-fakta teladan mereka secara tersendiri. Perkara ini agar dijadikan sebagai teladan bagi membangkitkan bangsa Melayu daripada kepincangan akhlak. Oleh itu, terdapat persamaan kajian ini dengan kajian pengkaji iaitu membawa pandangan hidup menerusi tokoh sasterawan negara sebagai pendidikan sejarah bangsa. Namun, kajian ini berpandukan ketokohan Natsir dan Buya Hamka berbanding pada kajian pengkaji yang hanya berfokuskan ketokohan Buya Hamka sahaja bagi memenuhi objektif yang ditetapkan.

Kemudian, Adhiya Alfi Zikri dan Zulqaiyyim melalui kajiannya pada tahun 2023 iaitu “Pemikiran Hamka tentang Praktik Beragama Orang Minangkabau”. Kajian ini bermatlamatkan pemikiran Hamka mengenai representasi budaya masyarakat Minangkabau dengan mempraktikkan agama dan kepercayaan mereka anuti. Perkara ini menunjukkan sumbangan penting dari Hamka menerusi bidang sejarah, agama, adat dan tasawuf. Selain daripada itu, kajian ini mengutarakan kaedah kajian yang berbentuk kualitatif dengan mengumpul dapatan kajian melalui kaedah perpustakaan, Internet dan kajian lepas. Metode tersebut menggunakan perbandingan pemahaman pemikiran Hamka menerusi agama dan kepercayaan masyarakat Minangkabau. Oleh hal demikian, kajian mengandungi persamaan dengan kajian pengkaji dengan mengangkat

pemikiran Hamka sendiri menerusi karya yang dipilih iaitu mengkritik kebudayaan masyarakat Melayu Minangkabau. Manakala, kajian ini menunjukkan perbezaan yang jelas memperlihatkan pandangan Hamka secara umum menerusi karya-karya yang dihasilkannya berbanding dengan kajian pengkaji yang membincangkan pemikiran Hamka pada karya *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* melalui proses adaptasi dari novel ke skrip filem.

Adli Yaacob dan Mohd Hafizul Faiz Hashim berpendapat pada tahun 2022 menerusi kajian mereka iaitu “Falsafah dan Konsep Sastera Islam oleh Hamka: Satu Tinjauan Ringkas Terhadap Beberapa Karyanya”. Objektif kajian ini adalah mengenal pasti teori dan falsafah kesusasteraan pada karya Hamka yang berunsurkan nilai, prinsip dan keislaman. Seterusnya, metodologi kajian ini adalah deskriptif kualitatif dengan mengumpul segala data secara kepustakaan, analisis teks dan kajian lepas. Dapatan kajian pula menunjukkan Hamka merupakan ulama terkenal dengan sifat keperibadiannya yang unggul. Oleh itu, terdapat persamaan kajian ini pada kajian pengkaji dengan menggunakan tokoh ulama pada karya yang dipilih menurut pengalaman dan cerminan masyarakat sastera Melayu. Namun, terdapat perbezaan pada objektif kajian iaitu membincangkan teori, falsafah, prinsip dan nilai serta unsur keislaman pada pemikiran Hamka berlandaskan aqidah terhadap karyanya. Berbanding pada kajian pengkaji yang berfokuskan budaya dan sosial secara umum dan mengaplikasikan teori Sosiologi sahaja.

### **2.3 Kajian Sarjana Lain Mengenai Karya *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*.**

M Musyafir, Gazali Lembah dan Nurhaya Kangiden berpandangan “Ekranisasi Novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* Ke Dalam Film (Pendekatan Struktural)” pada tahun 2017. Objektif kajian yang diaplikasikan pada kajian ini adalah mengenal pasti pengurangan, penambahan dan perubahan berdasarkan karya *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*. Dengan itu, metodologi yang digunakan adalah kaedah deskriptif kualitatif melalui bahan-bahan ilmiah seperti jurnal, teks novel dan Internet sebagai bahan rujukan pada kajian yang dijalankan. Oleh hal demikian, dapatan kajian yang diperoleh pada kajian ini adalah memahami proses adaptasi novel ke filem dengan adanya proses adaptasi iaitu pengurangan, penambahan dan perubahan. Oleh itu, terdapat persamaan kajian pengkaji terhadap kajian ini iaitu mengkaji proses adaptasi novel ke skrip filem menerusi karya *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*. Lantaran, terdapat perbezaan

pada kajian ini terhadap kajian pengkaji iaitu pendekatan teori yang diaplikasikan iaitu teori Struktural manakala kajian pengkaji menggunakan teori Sosiologi.

Seterusnya, Sri Handayani berpendapat pada kajiannya dengan tajuk “Perbedaan Novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* karya Hamka Dan Filem Karya *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* Karya Sutradara Sunil Soraya” pada tahun 2016. Penelitian ini bermatlamatkan proses ekranisasi iaitu suatu proses adaptasi dalam watak dan perwatakan, jalan penceritaan dan latar. Kemudian, mengkaji proses adaptasi dalam aspek penambahan, pengurangan, dan pengekalan terhadap karya *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*. Dari segi kaedah kajian yang digunakan pada kajian ini adalah kaedah kualitatif yang bersumberkan data penelitian menerusi novel tersebut serta teknik membaca, memerhati, mencatat dan menganalisis. Dapatan kajian yang diperoleh adalah suatu perbandingan antara novel dan filem. Justeru, terdapat persamaan dalam kajian pengkaji dengan kajian lepas adalah perbandingan antara novel dan filem menerusi penelitian karya *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*. Namun, perbezaan pada kajian ini adalah menggunakan teori Adaptasi manakala kajian pengkaji menggunakan teori Sosiologi.

Selain itu, dalam penelitian H. Ajat Sudrajat dan Syefira Muslimah melalui tajuk kajian mereka iaitu “Nilai Pendidikan Dalam Novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* Karya Hamka” pada tahun 2014. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti unsur tema, tokoh, perwatakan dan amanat. Kemudian, metodologi kajian yang digunakan adalah kaedah deskriptif kualitatif dengan menggunakan teknik pengumpulan data studio pustaka dan dokumentasi. Selain daripada itu, dapatan kajian dalam penelitian ini menunjukkan unsur pendidikan sastera dengan beberapa nilai dan budaya berlandaskan karya *Tenggelamnya kapal Van Der Wijck*. Oleh hal demikian, terdapat persamaan pada kajian pengkaji dengan kajian ini iaitu mengenai nilai sastera berlandaskan novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*. Manakala perbezaan yang diperoleh pada kajian ini adalah mengetengahkan beberapa nilai sastera dan tidak mengaplikasikan perbandingan antara novel dan filem pada karya adaptasi tersebut seperti yang dijalankan oleh kajian pengkaji yang mengaplikasikan perbandingan adaptasi novel ke skrip filem.



Di samping itu, menurut pandangan Deby Rodearni Simbolon, Esra Perangin-angin dan Suasti Murni Nduru menerusi kajian pada tahun 2022 yang bertajuk “Analisis Nilai-Nilai Religius, Moral, Dan Budaya Pada Novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* Karya Hamka Serta Relevansinya Sebagai Bahan Ajar Sekolah Menengah Atas”. Objektif pada kajian ini membincangkan nilai-nilai keagamaan, moral dan budaya masyarakat Minangkabau berlandaskan pengalaman Hamka. Dengan itu, kaedah kajian yang digunakan adalah kualitatif dengan menggunakan pendekatan Sosiologi pada senarai analisis yang dikaji. Dari segi dapatan kajian menunjukkan beberapa aspek pada nilai pembahasan berdasarkan karya *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*. Bukan itu sahaja, terdapat persamaan pada kajian ini terhadap kajian pengkaji iaitu menggunakan pendekatan nilai pendidikan sastera menerusi pendekatan Sosiologi pada karya yang dipilih. Namun, terdapat perbezaan dari segi pendidikan sastera yang hanya tertumpu pada sekolah menengah berbanding pada kajian pengkaji iaitu menekankan nilai sastera secara umum bagi mengangkat teks sastera melalui aspek sosiologi yang menimbulkan konflik dalam kehidupan.

Kemudian, Lala Lailatul Badriyah, Rijal Mahdi dan Ahmad Fadhel Syakir Hidayat menjalankan kajian pada tahun 2023 yang bertajuk “Analisis Struktur Novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* dan *Majnun Laila* (Kajian Sastera Bandingan)”. Objektif kajian yang dinyatakan adalah membandingkan struktur intrinsik berdasarkan teks *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* dan *Manjun Laila*. Kemudian, metodologi kajian yang digunakan adalah deskriptif kualitatif dengan melakukan pembacaan, mencatat, menganalisis dan membandingkan. Dari segi dapatan kajian pula menunjukkan unsur dalaman dan menyatakan perbandingan berdasarkan ke dua novel yang dipilih. Oleh itu, kajian ini menunjukkan persamaan pada kajian pengkaji dengan menjalankan kajian sastera bandingan antara novel dan filem. Namun, kajian ini memperoleh perbezaan yang sangat ketara pada kajian pengkaji iaitu membandingkan kajian berdasarkan dua karya novel bagi memenuhi objektif kajian yang ditentukan berbanding pada kajian pengkaji yang hanya menggunakan pada satu karya sahaja.

Eristiana Sri Agustin melaksanakan kajian pada tahun 2018 dengan menulis kajiannya yang bertajuk “Analisis Novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*”. Kajian tersebut bertujuan untuk menganalisis struktur dalaman pada karya *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*. Dari segi metodologi kajian yang digunakan adalah berbentuk

kualitatif. Dengan itu, dapatan kajian ini menunjukkan plot penceritaan yang memiliki lima lapisan iaitu permulaan cerita, konflik, kemuncak konflik, klimaks dan penyelesaian. Bukan itu sahaja, kajian ini memperlihatkan beberapa watak dan perwatakan seperti Zainuddin (watak protagonis), Hayati (watak protagonis) dan Aziz (watak antagonis). Terdapat persamaan pada kajian ini dengan kajian pengkaji iaitu karya yang digunakan *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*. Lantaran, kajian ini menunjukkan perbezaan pada kajian pengkaji melalui objektif kajian yang membincangkan struktur dalaman berbanding pula pada kajian pengkaji yang menekankan keaslian karya dan sosiobudaya melalui kelas sosial dalam tinjauan teori Sosiologi.

Tambahan lagi, Mikal Zidna Fajwah pada tahun 2020 berpandangan melalui kajiannya yang bertajuk “Unsur Intrinsik Pada Novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*”. Kajian ini bermatlamatkan dengan menganalisis unsur intrinsik mengikut novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*. Seterusnya, metodologi kajian ini menunjukkan kaedah deskriptif kualitatif iaitu menjalankan suatu kajian melalui membaca, mencatat, menganalisis dan memahami pada bahan-bahan ilmiah yang digunakan. Bukan itu sahaja, dari segi dapatan kajian ini beliau memperlihatkan sinopsis pendek yang terdapat pada novel tersebut. Hal ini menunjukkan unsur intrinsik pada unsur dalaman seperti tema, plot penceritaan, watak dan perwatakan, latar dan bahasa. Dengan demikian, persamaan pada kajian ini terhadap kajian pengkaji adalah karya yang dipilih iaitu *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* yang ditulis oleh Hamka. Manakala perbezaan pada kajian ini terhadap kajian pengkaji adalah menggunakan pendekatan unsur intrinsik sahaja berbanding kajian pengkaji yang menggunakan unsur sosiologi menerusi penelitian novel ke skrip filem.

Dalam pandangan Diana Marwani pada tahun 1996 dengan menulis kajiannya yang bertajuk “Perbandingan roman *Di Bawah Lindungan Kaabah* dengan roman *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* karya Hamka”. Objektif kajian yang diaplikasikan adalah mengenal pasti perbandingan dalam aspek persamaan dan perbezaan di antara roman tersebut iaitu *Di Bawah Lindungan Kaabah* dan *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* mengikut pendekatan struktural. Dengan itu, kajian ini mengaplikasikan kaedah kajian yang berbentuk deskriptif kualitatif dengan menjalankan kajian kepustakaan yang memperoleh segala analisis data melalui bahan ilmiah. Kemudian dapatan kajian

yang diperoleh adalah sumbangan menerusi apresiasi kehidupan manusia dari segi pendidikan, cinta dan agama. Oleh itu, kajian ini menunjukkan persamaan pada kajian pengkaji iaitu dari aspek perbandingan. Namun, perbezaan pada kajian pengkaji adalah berlandaskan karya *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* sahaja berbanding kajian ini dengan menggunakan dua karya iaitu *Di Bawah Lindungan Kaabah* dan *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*.

Bukan itu sahaja, menerusi Indri Zikria Oktaviani pada tahun 2012 dengan menulis kajiannya yang bertajuk “Analisis Perbandingan Warna Local Novel dan Filem *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* Serta Implikasinya Terhadap Pembelajaran Bahasa Dan Sastera Indonesia Di Sekolah”. Kajian ini berobjektifkan untuk mengenal pasti perimbangan warna tempatan yang berlaku terhadap novel dan filem tersebut. Bahkan metodologi kajian yang digunakan adalah kaedah kualitatif dengan menggunakan kaedah sastera bandingan. Selain itu, dapatan kajian ini menumpukan warisan Minangkabau iaitu proses adaptasi. Hal ini bagi menimbulkan penambahan, pengurangan, pengekal dan perubahan pada warna tempatan Minangkabau yang terdapat pada novel tersebut. Oleh demikian, terdapat persamaan pada kajian ini terhadap kajian pengkaji iaitu proses adaptasi novel ke filem dengan membandingkan dari satu aspek sahaja. Namun, kajian ini menunjukkan perbezaan dari aspek warna tempatan pada kajian ini manakala kajian pengkaji menekankan penelitian karya novel ke skrip filem menerusi keaslian karya dan kelas sosial.

Akhir sekali, dalam pandangan Nur Farahkhanna Mohd Rusli dan Noor Syamshida Massa pada tahun 2022 melalui kajian mereka yang bertajuk “Konflik Jiwa dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*”. Objektif kajian ini adalah mengkaji dan menghuraikan konflik Jiwa berdasarkan novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* yang dialami pada watak utama. Dari segi metodologi kajian pada kajian ini adalah bersifat kualitatif dengan menampilkan kaedah kepustakaan dengan merujuk pada novel tersebut sebagai sumber sinonim dalam pengumpulan analisis data. Hal ini kerana mereka mengetengahkan Dapatan kajian ini menunjukkan pendekatan psikologi dalam Islam pada watak utama iaitu Zainuddin yang memiliki konflik jiwa dalam pandangan Sigmund Freud 1984. Oleh itu, kajian ini menunjukkan persamaan pada kajian pengkaji iaitu dalam penilaian sosiologi masyarakat Minangkabau. Namun, perbezaan terdapat pada objektif kajian ini yang mengaplikasikan teori Humanistik,

Psikoanalisis, dan Psikologi Islam berbanding pada kajian pengkaji yang mengaplikasikan teori Sosiologi.

#### **2.4 Kajian Sarjana Lain Mengenai Teori Sosiologi**

Menerusi pandangan Syafiqah Binti Shaari dan Nur Afifah Vanitha Binti Abdullah pada tahun 2020 dalam kajian yang bertajuk “Aspek Sosiologi Dalam Drama *Buang Karya Roziah Adama*”. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pendekatan Sosiologi yang dipelopori oleh Karl Max berdasarkan isu watak dan perwatakan yang terdapat pada Drama *Buang*. Kemudian, kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah feudamental bersamaan reka bentuk kualitatif. Hal ini termasuklah pengumpulan data iaitu bersifat ilmiah, buku, jurnal, majalah, Internet dan kajian lepas. Bukan itu sahaja, dapatan kajian yang diperoleh adalah isu-isu sosial menerusi Drama *Buang* yang terdiri daripada kes jenayah pembuangan bayi, sikap prasangka, penindasan melalui kedudukan sosial masyarakat. Oleh hal demikian, terdapat persamaan kajian ini terhadap kajian pengkaji iaitu mengaplikasikan aspek sosiologi berdasarkan karya yang dipilih. Malah terdapat perbezaan pada kajian ini dengan kajian pengkaji iaitu membincangkan karya daripada Roziah Adama berbanding pengkaji membincangkan karya Hamka sebagai kajian.

Seterusnya, Sara Beden berpendapat pada tahun 2021 melalui kajiannya iaitu “*Melanau Aku Tidak Pernah Menolak Takdirnya: Suatu Analisis dari Perspektif Teori Sosiologi*”. Kajian ini bermatlamatkan untuk menyenaraikan pendekatan teori sosiologi melalui penulis dan teks, isu-isu sosial serta kesan terhadap khalayak menerusi novel tersebut. Metodologi kajian yang diaplikasikan adalah bersifat kualitatif dengan menggunakan bahan ilmiah seperti buku, Internet dan kajian lepas. Oleh itu, dapatan kajian ini menunjukkan sifat penulis Dahiri Saini seorang yang banyak menghasilkan karya dengan memperlihatkan kekuatan bagi memperjuangkan warisan bangsa. Perkara ini menyatakan isu-isu sosial sehingga menimbulkan kesan negatif dan positif yang menyatakan unsur didaktik, pengajaran dan teladan terhadap masyarakat. Oleh itu, persamaan dalam kajian ini terhadap kajian pengkaji adalah perspektif teori yang digunakan. Namun, perbezaan pada kajian tersebut adalah stail kepengarangan penulis itu sendiri mengenai teks sosial yang menyatakan kesan dan implikasi menurut Dahiri Saini berbanding kajian pengkaji dengan teks yang berlainan serta teks sosial menerusi pemikiran Hamka.

Selain itu, Nor Ain Abdul Ghani pada tahun 2021 mengaplikasikan kajiannya iaitu “Pancaran Status Sosial Dalam Novel-Novel Terpilih Masyarakat Minangkabau: Satu Penelitian Sosiologi”. Objektif kajian yang diaplikasikan dalam kajian ini adalah mengenal pasti, mengkaji dan membincangkan unsur-unsur status sosial masyarakat Minangkabau dalam novel-novel terpilih dengan mengaplikasikan pendekatan teori sosiologi. Metodologi kajian menunjukkan kaedah kualitatif melalui pembacaan dan menyelidik yang terdapat pada novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* dan *Merantau Ke Deli*. Oleh demikian, dapatan kajian yang diperoleh adalah status sosial dari aspek kekuasaan, adat merantau, pegangan tradisi, bahasa Minang, sistem mata pencarian hidup dan cara pemakaian. Dengan itu, persamaan dalam kajian ini dengan kajian pengkaji adalah dalam aspek budaya dan sosial masyarakat Minangkabau. Namun, perbezaan pada kajian ini adalah membincangkan isu sosial berdasarkan dua karya yang dipilih manakala kajian pengkaji menumpukan pada satu karya sahaja iaitu *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*.

Nik Norsyahirah Aila Binti Abdul Rahman melaksanakan kajiannya pada tahun 2023 yang bertajuk “Elemen-elemen Sosiobudaya Masyarakat Dalam Hikayat *Anggun Cik Tunggal*: Aplikasi Teori Sosial oleh Emile Durkheim”. Objektif kajian yang digunakan adalah mengenal pasti dan menganalisis elemen-elemen sosiobudaya masyarakat dalam *Hikayat Anggun Cik Tunggal* dengan mengaplikasikan teori sosial oleh Emile Durkheim. Seterusnya, metodologi kajian yang digunakan adalah reka bentuk kualitatif dengan pemerolehan data kepustakaan ilmiah iaitu buku, rujukan, jurnal, Internet dan kajian lepas. Dalam masa yang sama dapatan kajian ini menunjukkan analisis elemen-elemen sosiobudaya masyarakat yang terdiri daripada kepercayaan, bahasa, adat resam, pantang larang dan kelas sosial yang melambangkan pengajaran, moral dan keharmonian hidup. Oleh itu, persamaan pada kajian ini dengan kajian pengkaji adalah menggunakan tinjauan teori Sosial manakala perbezaan dalam kajian tersebut merujuk kepada aspek sosiobudaya masyarakat mengikut pandangan penulisnya secara tersendiri.

Di samping itu, Nooraizzati Binti Ahmad Puat menerusi kajiannya pada tahun 2023 iaitu “Kajian Nilai-Nilai Kemanusiaan Menerusi Sajak Terpilih *Suara Wirawan Negara Bangsa*: Analisis Berdasarkan Teori Sosiologi”. Objektif kajian dalam kajian ini adalah mengenal pasti nilai-nilai kemasyarakatan yang terkandung dalam sajak

terpilih *Suara Wirawan Negara Bangsa* dengan menggunakan teori Sosiologi. Seterusnya, metodologi kajian yang diaplikasikan adalah kaedah reka bentuk dalam pendekatan kualitatif. Dengan demikian, dapatan kajian ini menunjukkan prinsip hubungan pengkarya dengan masyarakat, pengaruh persekitaran, peranan dan pengaruh karya pembaca. Oleh itu, persamaan dalam kajian pengkaji bersamaan kajian ini adalah dari segi penggunaan teori Sosiologi dengan menggunakan beberapa prinsip dalam pendekatan sosial. Namun, perbezaan yang diperoleh pada objektif kajian dengan menekankan nilai-nilai kemasyarakatan sahaja berbanding pula pada kajian pengkaji yang menumpukan budaya dan sosial secara meluas menerusi kelas-kelas sosial yang menimbulkan konflik serta keaslian karya pada revolusi novel ke skrip filem.

Salman Alade pada tahun 2020 berpandangan menerusi kajiannya “Pertentangan Hukum Adat Dan Hukum Islam Di Minangkabau Dalam Novel *Mencari Cinta Yang Hilang* Karya Abdulkarim Khariatullah (Tinjauan Sosiologi)”. Kajian ini menunjukkan objektif kajian dengan mengkaji konflik hukum adat dan hukum Islam di Minangkabau serta mengaplikasikan teori sosiologi berdasarkan novel tersebut. Kemudian, dalam aspek metodologi kajian menunjukkan kaedah deskriptif analisis dalam reka bentuk kualitatif. Dapatan kajian pula menunjukkan adat pernikahan sesama suku yang dianggap berasal dari satu keturunan yang hanyalah menikah sedarah. Sekiranya bertentangan dalam adat pernikahan tersebut maka pertunangan tersebut dibatalkan. Oleh demikian, persamaan yang terdapat pada kajian ini dengan kajian pengkaji adalah aspek sosiologi mengikut plot penceritaan pada novel tersebut. Manakala, perbezaan kajian ini diperoleh pada pertentangan hukum adat dan Islam berdasarkan novel *Mencari Cinta Yang Hilang* berbanding kajian pengkaji menggunakan budaya dan sosial secara menyeluruh dalam Islam.

Tambahan lagi, dalam kajian Adley Slaus Stenly pada tahun 2023 dengan menulis kajian yang bertajuk “Analisis Teguran Politik Semasa Berdasarkan Novel *Naratif Ogonshoto* Karya Anwar Ridwan: Suatu Kajian Penelitian Melalui Teori Sosiologi”. Objektif kajian yang digunakan adalah mengenal pasti unsur dan elemen serta ungkapan teguran politik semasa yang terdapat pada novel yang dipilih. Seterusnya, metodologi kajian yang diaplikasikan adalah bersifat kualitatif dengan menjalankan pemerolehan segala analisis data bersifat kepustakaan. Bukan itu sahaja dapatan kajian ini menunjukkan perlambangan dalam suatu simbolik bagi menerapkan

teguran dalam unsur politik berlandaskan pendekatan sosiologi. Oleh hal demikian, persamaan yang terdapat pada kajian ini dengan kajian pengkaji adalah penelitian karya menerusi teori Sosiologi. Namun, perbezaan pada kajian ini menumpukan unsur dan elemen dalam bentuk teguran semasa masyarakat berbanding kajian pengkaji yang berfokuskan perbandingan dari segi keaslian karya daripada adaptasi novel ke skrip filem serta membincangkan aspek sosiologi menerusi kelas-kelas sosial yang menimbulkan konflik dalam kehidupan.

Fatin Nadhirah Binti Muhammad Anuar Loh pada tahun 2001 berpendapat menerusi kajiannya “Analisis Kritikan Sosial Dalam Filem Melayu *Zombi Kampung Pisang*”. Beliau mengetengahkan kajiannya dengan objektif kajian iaitu mengenal pasti dan menghuraikan kritikan sosial berdasarkan *Zombi Kampung Pisang* serta membangkitkan produk akhir berdasarkan dapatan kajian. Dengan itu, kaedah kajian yang digunakan adalah bersifat kualitatif dengan memperoleh segala analisis data. Kemudian, dapatan kajian ini membincangkan kritikan sosial dari segi semangat patriotik, jenayah dari segi vandalisme dan rempit serta golongan asing yang datang mencerooboh kehidupan masyarakat Melayu. Oleh hal demikian, kajian ini memperoleh persamaan dengan kajian pengkaji iaitu pendekatan sosial bagi memenuhi objektif kajian yang ditentukan. Namun, perbezaan pada kajian ini adalah mengkritik sosial masyarakat berdasarkan filem Melayu di Malaysia berbanding pada kajian pengkaji iaitu mengenal pasti sosial masyarakat Melayu Minangkabau di Indonesia.

Bukan itu sahaja, Muhammad Amirul Shafiq Bin Mohd Rodzi dalam penelitiannya yang bertajuk “Kajian Tentang Kritikan sosial Dalam Filem Melayu *Rock Oo*” pada tahun 2001. Matlamat kajiannya adalah mengenal pasti, menghurai, menyimpulkan kritikan sosial dalam filem *Rock Oo*. Dengan itu, metodologi kajian ini menunjukkan dua kaedah iaitu kualitatif dan kuantitatif bersamaan reka bentuk penyelidikan deskriptif, eksploratif, dan kausal. Hal ini kerana beliau membincangkan analisis kajiannya dengan mengumpul segala data analisis melalui ilmiah, buku, jurnal dan Internet serta melaksanakan kajian lapangan dengan menggunakan beberapa informan. Kemudian, dapatan kajian ini menunjukkan dunia industri perfileman adalah suatu fenomena yang sangat meluas tidak kira lapisan masyarakat dalam kritikan sosial. Oleh itu, kajian ini memperoleh persamaan dengan kajian pengkaji melalui sosiologi dengan mengetengahkan beberapa kritikan sosial dalam pelbagai aspek. Namun

demikian, perbezaan yang ketara adalah kritikan sosial di Malaysia dan Indonesia yang mempunyai budaya dan sosial yang berlainan.

Akhir sekali, dalam pandangan Eris Firmayatni pada tahun 2017 menerusi kajiannya yang bertajuk “Kajian Intertekstual Novel dan Filem *Perahu Kertas*”. Kajian ini menunjukkan objektif kajian iaitu mengkaji pendekatan Intertekstual dalam novel dan filem *Perahu Kertas*. Dengan itu, metodologi kajian yang digunakan pada kajian ini adalah kaedah kepustakaan dengan mengumpul data, membaca, memahami dan menganalisis. Selain daripada itu, dapatan kajian yang terdapat dalam kajian ini adalah memperoleh perbezaan dari struktur dan fungsi yang merangkumi plot, watak perwatakan, latar dan dialog di mana ke dua media tersebut adalah media yang berlainan. Oleh hal demikian, terdapat persamaan dalam kajian ini dengan kajian pengkaji di mana menilai perbezaan antara novel dan filem. Namun demikian, perbezaan pada kajian ini adalah menggunakan teori Intertekstualiti berbanding dengan kajian pengkaji yang menggunakan pendekatan teori Sosiologi menerusi karya *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*.

## **2.5 Kajian Bidang Lain Mengenai Adaptasi**

Dalam pandangan Che Siti Zaleha Binti Che Abdul Rahim pada tahun 2011 menurut penelitiannya yang bertajuk “Mengadaptasi Cerita Dongeng ke Filem Pendek”. Objektif kajian ini adalah mengenal pasti elemen-elemen yang telah diadaptasi iaitu dari cerita dongeng ke filem pendek. Seterusnya, mengkaji dan menganalisis pendekatan proses adaptasi berdasarkan cerita dongeng yang dipilih serta menghasilkan adaptasi dongeng dalam filem yang pendek. Kaedah kajian yang digunakan adalah kaedah kualitatif dengan mengumpul segala maklumat dari pelbagai sumber iaitu rujukan artikel, jurnal, buku dan bahan Internet yang berbentuk ilmiah. Dengan demikian, kajian ini mendapati proses mengadaptasi menerusi elemen-elemen adaptasi dan proses mengadaptasi dari cerita dongeng adalah sebuah filem pendek yang kreatif. Oleh itu, terdapat persamaan dalam kajian ini dengan kajian pengkaji iaitu berkaitan dengan proses adaptasi dari naratif menjadi sebuah visual yang menarik malah berbeza dari aspek media dalam penulisan dengan menggunakan teks mahupun naratif dongeng berbanding pada kajian pengkaji menerusi teks realisme dalam pemikiran Hamka sebagai kajian.



Seterusnya, Hani Salwah Yaakup menulis kajiannya pada tahun 2018 menerusi tajuk kajian beliau iaitu “*Tombiruo: Adaptasi Novel Ke Filem dan Representasi Kepercayaan Setempat*”. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti adaptasi mengikut representasi budaya masyarakat setempat. Sementara itu, metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kualitatif. Selain daripada itu, dapatan kajian yang diperoleh dalam kajian ini adalah pemikiran masyarakat Kadazandusun adalah suatu hal yang rumit, yang mana saling menghubungkan sosial pada alam iaitu kepercayaan animisme yang dianuti oleh masyarakat Kadazandusun yang terdahulu. Oleh itu, persamaan dalam kajian ini dengan kajian pengkaji adalah menggunakan istilah adaptasi novel ke filem dengan menjalankan tinjauan dalam aspek sosiobudaya masyarakat. Malah kajian perbezaan dari segi pada topik perbincangan representasi kepercayaan masyarakat bumiputera di Malaysia berbanding kajian pengkaji yang menumpukan budaya masyarakat Minangkabau yang menimbulkan konflik menerusi penelitian adaptasi novel ke skrip filem.

Selain itu, dalam pandangan Deny Tri Ardianto menerusi kajian beliau pada tahun 2014 yang bertajuk “*Dari Novel Ke Filem: Kajian Teori Adaptasi Sebagai Pendekatan dalam Penciptaan Filem*”. kajian ini bermatlamatkan untuk mengenal pasti teori adaptasi dengan mengubah struktur teks naskah agar menjadi video visual yang kreatif. Dengan demikian, metodologi kajian pada kajian ini menunjukkan kaedah kajian deskriptif kualitatif bagi memenuhi objektif kajian dengan baik. Kemudian, dapatan kajian yang diperoleh adalah proses transformasi adaptasi menerusi struktur penciptaan filem iaitu para pakar yang mengetahui karya sastera menjadi sebuah filem yang menekankan kesetiaan, kontekstualiti sebagai sumber adaptasi. Oleh hal demikian, terdapat persamaan dalam kajian ini pada kajian pengkaji iaitu menghubungkan adaptasi melalui teks naskah menjadi sebuah video visual yang menarik. Namun demikian, terdapat perbezaan kajian ini terhadap kajian pengkaji iaitu penggunaan teori iaitu pendekatan Adaptasi manakala kajian pengkaji menggunakan teori Sosiologi.

Di samping itu, menerusi Elisabeth Yohana Paulin Ngada pada tahun 2022 dengan tajuk kajian beliau iaitu “*Perbandingan Novel Mariposa Karya Luluk HF Dengan Filem Mariposa Yang Diadaptasi Oleh Fajar Bustomi*”. Menerusi kajian ini dengan objektif kajian mengetahui dan menganalisis hubungan serta pengaruh

berlandaskan novel dan filem karya *Mariposa*. Seterusnya, kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah kajian kualitatif bersamaan bentuk deskriptif. Dari segi dapatan kajian ianya menunjukkan perbandingan novel dan filem yang terdapat dalam watak dan perwatakan serta plot penceritaan. Bahkan, kajian ini menunjukkan perbandingan pada karya *Mariposa* menerusi novel dan filem tersebut. Oleh demikian, persamaan kajian ini dengan kajian pengkaji adalah perbandingan karya antara novel dan filem. Namun, terdapat perbezaan dari segi tajuk karya yang dipilih dengan membincangkan pengaruh sosial golongan remaja secara menyeluruh manakala kajian pengkaji menggunakan karya *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* yang menekankan pengaruh adat dan kepercayaan masyarakat di Minangkabau khususnya di Indonesia.

Menurut kajian Mohamed Nazreen Shahul Hamid pada tahun 2015 dengan tajuk kajiannya “Adaptasi Teks *Hikayat Merong Mahawangsa* Kepada Filem: Analisis Perbandingan Unsur Naratif”. Objektif kajian yang diberi adalah membandingkan filem *Hikayat Merong Mahawangsa* bersamaan teks karya dari aspek naratif yang terdiri daripada plot, latar, watak, bahasa dan tema. Kemudian menganalisis sejauh mana perbandingan kaedah adaptasi oleh pengarah filem dan penulis skrip terhadap karya dan filem tersebut. Metodologi kajian pula menunjukkan deskriptif kualitatif dan dengan memungut segala analisis data melalui kepustakaan, temu bual, Internet, analisis tekstual dan juga kajian lepas. Dapat kajian ini memperlihatkan pengaplikasian teori Adaptasi dengan menganalisis perbandingan unsur naratif melalui naratif *Hikayat Merong Mahawangsa*. Oleh itu, terdapat persamaan dalam kajian ini dengan kajian pengkaji iaitu mengaplikasikan perbandingan unsur naratif ke filem. Namun, perbezaan yang diperoleh pada kajian ini menggunakan teori Adaptasi malah kajian pengkaji menggunakan teori Sosiologi.

Mohamad Azmi Bin Ab. Rahman dan Phat A/L Awang Deng berpandangan dalam kajian mereka yang bertajuk “Mencari Titik Persamaan Dan Perbezaan Dalam Novel Dan Filem Popular Melayu” pada tahun 2016. Kajian ini menunjukkan objektif kajian dengan mengenal pasti perbandingan dalam novel dan filem berdasarkan karya *Ombak Rindu*. Seterusnya, menghurai tema dan persoalan yang dipaparkan pada ke dua genre kreatif yang berbeza. Dengan itu, metodologi kajian ini menunjukkan kaedah kualitatif iaitu menjalankan pemerolehan data analisis dalam bentuk ilmiah. Dari aspek dapatan kajian yang diperoleh dalam kajian ini adalah pengetahuan dalam proses

adaptasi antara novel filem iaitu pengubahsuaian, penambahan, pengeklakan dan pengurangan. Oleh itu, terdapat persamaan dalam kajian ini dengan kajian pengkaji iaitu menekankan perbandingan antara novel dan filem yang telah diadaptasi bagi mengangkat teks sastera yang unggul. Manakala, perbezaan yang terdapat pada kajian ini adalah menggunakan karya daripada Malaysia berbanding kajian pengkaji menggunakan karya daripada Indonesia.

Tambahan lagi, dalam kajian Reslyana Malida pada tahun 2020 iaitu “Transformasi Novel *Pintu Terlarang* Karya Sekar Ayu Asmara Ke Dalam Filem (Kajian Sastera Bandingan)”. Kajian ini bertujuan untuk membincangkan unsur-unsur intertekstual, proses reaktualisasi dan strategi ekranisasi antara novel dan filem pada karya *Pintu Terlarang*. Dengan itu, metodologi kajian yang terdapat pada kajian ini adalah kaedah deskriptif komparatif iaitu menganalisis dan membandingkan kajian dengan menggunakan teknik mengkaji kandungan yang berbentuk kepustakaan dan pengolahan data. Dengan demikian, dapatan kajian yang ada pada kajian ini adalah penelitian perubahan pada novel ke dalam filem dengan mengaplikasikan intertekstual fakta yang menghasilkan persamaan dan perbezaan pada karya tersebut. Oleh itu, persamaan dalam kajian ini dengan kajian pengkaji adalah menggunakan sastera bandingan di antara novel dan filem. Namun, terdapat perbezaan salah satunya menggunakan teori Struktural menerusi plot, tema, watak dan perwatakan, latar berbanding kajian pengkaji dengan mentafsir kajian mengikut teori Sosiologi.

Siti Isnaniah berpendapat dalam kajian beliau iaitu “*Ketika Cinta Bertasbih* Transformasi Novel Ke Filem” pada tahun 2015. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menyenaraikan transformasi novel ke filem menerusi karya *Ketika Cinta Bertasbih*. Dengan demikian, metodologi kajian yang digunakan adalah bentuk perbandingan dengan aktiviti membaca, mencatat, memahami dan menganalisis perbezaan dan persamaan serta menggunakan kaedah deskriptif kualitatif. Bahkan dapatan kajian yang diperoleh adalah berkaitan dengan proses adaptasi transformasi antara novel kepada filem mengikut teknikal visual yang wajar dihasilkan. Oleh demikian, terdapat persamaan dalam kajian ini terhadap kajian pengkaji iaitu mengkaji perubahan yang terdapat pada ke dua medium iaitu novel dan filem yang dipilih serta membandingkan persamaan dan perbezaan pada karya tersebut. Malah, perbezaan pada kajian ini menekankan transformasi sahaja berbanding kajian pengkaji iaitu

menghubungkan penelitian adaptasi dan sosiobudaya menerusi kelas-kelas sosial yang menimbulkan konflik.

Kemudian, dalam ideologi Yanisa Hasanah pada tahun 2018 bersamaan tajuk kajian beliau “Proses Alih Media Novel *Dilan 1990* Menjadi Senario Ke Filem Layar Lebar”. Menerusi kajian ini ianya bermatlamatkan untuk mengkaji proses mudah alih melalui kaedah pengurangan, penambahan, perubahan, dan pengekalan yang di adaptasi pada novel *Dilan 1990* menjadi sebuah filem *Dilan 1990* karya Pidi Baiq dan Fajar Bustomi. Kaedah kajian yang digunakan adalah berbentuk deskriptif kualitatif. Bahkan, kajian ini menggunakan human instrumen serta teknik pemerolehan data adalah kepustakaan, observasi dan temu bual. Selain itu, terdapat dapatan kajian yang menyatakan proses ekransasi berlaku melalui plot cerita, watak dan latar dengan adanya kaedah pengurangan, penambahan, perubahan dan pengekalan dalam pembuatan dua media yang berlainan. Oleh itu, kajian ini dengan kajian pengkaji menunjukkan persamaan dari aspek proses adaptasi dengan membincangkan aspek keaslian karya menerusi karya sastera yang dikaji. Namun, terdapat perbezaan yang dari segi mengaplikasikan teori Sosiologi yang melihat kelas-kelas sosial yang menimbulkan konflik kehidupan pada karya yang dipilih.

Akhir sekali, dalam pemikiran Sugeng Riyadi menerusi kajiannya pada tahun 2014 yang bertajuk “Penggunaan Filem Adaptasi Sebagai Media Pengajaran Sastera”. Kajian ini beliau menyatakan objektif kajian dengan mengkaji beberapa unsur adaptasi pada filem karya sastera, mengenal pasti peranan dalam pembelajaran sastera dan mengaplikasikan pembelajaran sastera di dalam kelas. Dengan itu, kaedah kajian yang diterapkan adalah kaedah kualitatif. Bukan itu sahaja, terdapat dapatan kajian yang menunjukkan penggunaan filem adaptasi adalah merangkumi kaedah yang efektif terhadap generasi muda agar cenderung melihat filem berbanding sumber asalnya iaitu novel. Persamaan dalam kajian ini dengan kajian pengkaji adalah pendidikan sastera dari aspek adaptasi novel ke filem bagi mengangkat teks sastera yang unggul. Lantaran, perbezaan kajian ini menunjukkan penggunaan filem sebagai media pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas manakala kajian pengkaji menunjukkan pendidikan sastera secara menyeluruh berdasarkan pemikiran dan pandangan tokoh sastera yang dipilih.

## 2.6 Kesimpulan

Pada bahagian ini pengkaji dapati beberapa kajian lepas yang bersangkutan paut pada kajian berkaitan dengan ketokohan Hamka, kajian sarjana lain mengenai karya *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*, kajian sarjana lain mengenai teori Sosiologi dan kajian bidang lain mengenai Adaptasi. Dengan itu, terdapat persamaan dan perbezaan antara kajian-kajian lepas dengan kajian pengkaji. Hal ini bagi menambahkan bahan rujukan dalam kompos kajian sastera di negara ini khususnya di Malaysia. Oleh hal demikian, pengkaji merumuskan ketokohan Hamka dalam karya *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* berjaya menerapkan emosi melalui pengalaman dan kritikan menurut budaya dan sosial masyarakat Melayu Minangkabau. Dengan itu, Hamka berjaya menjadi seorang tokoh sasterawan mahupun ulama yang tersohor di Nusantara dan menerima pengiktirafan daripada pelbagai pihak. Bahkan, pengkaji dapati kajian ini menggunakan proses adaptasi novel ke filem karya *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* dengan mengaplikasikan teori yang sesuai bagi mengangkat karya teks yang unggul. Oleh itu, pengkaji memilih teori Sosiologi dalam melaksanakan kajian ini dengan baik. Bukan itu sahaja, pengkaji menggunakan keberkesanan transformasi adalah suatu medium yang efektif berdasarkan penelitian adaptasi novel ke skrip filem.

## BAB 3

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.1 Pengenalan

Pada bahagian bab 3 membincangkan mengenai kaedah dan cara yang diguna pakai untuk mengenal pasti perbandingan dari segi pengurangan dan penambahbaikan berdasarkan adaptasi novel ke skrip filem menerusi penelitian karya *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*. Kemudian mengaplikasikan teori Sosiologi menerusi kelas-kelas sosial yang menimbulkan konflik dalam adaptasi novel ke skrip filem iaitu karya *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*. Perkara ini bertujuan untuk menunjukkan hasil kajian yang baik terhadap pengkaji akan datang. Sehubungan dengan itu, bahagian ini menjelaskan struktur kajian, kaedah kajian dan cara menganalisis teks. Dalam masa yang sama kaedah pengumpulan data juga digunakan bagi menyenaraikan data kajian pada kajian ini. Dengan demikian, kaedah ini terdiri daripada beberapa langkah iaitu menjalankan pembacaan data merujuk kepada teks karya yang ada pada novel dan filem iaitu penelitian karya *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*. Selain itu, pengkaji menjalankan pemilihan data bagi tujuan untuk menilai segala data yang bersesuaian pada kajian ini. Justeru, membahagikan analisis data mengikut objektif kajian yang telah dikenal pasti. Oleh hal demikian, pengkaji mengaplikasikan teori dalam aspek kelas-kelas sosial menerusi penelitian karya Hamka.

### 3.2 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian dicipta bagi mengetahui perjalanan kajian ini agar dapat dilaksanakan menerusi landasan yang tersusun dan sistematik. Kajian ini memanfaatkan kaedah kualitatif dalam memperoleh segala dapatan analisis dengan aktiviti mengumpul, meneliti dan menganalisis sesebuah maklumat yang diperoleh oleh pengkaji. Bahagian ini memaparkan secara ringkas berlandaskan susunan yang akan ditentukan semasa melaksanakan kajian ini. Istilah struktur pada bahagian ini adalah merangkumi kepada objektif kajian yang harus dicapai serta menjadi tujuan dalam mengenal pasti perbandingan adaptasi novel ke skrip filem menerusi karya *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* yang telah diadaptasi. Pengaplikasian struktur ini menjadikan kandungan utama dan hasil kajian yang mudah difahami serta disampaikan secara terperinci dalam kajian ini.

Seterusnya, reka bentuk kajian yang dilakukan dalam kajian ini adalah menekankan jalan penyelesaian daripada permasalahan dan persoalan kajian yang dijadikan isu bagi memperoleh segala hasil dapatan. Dalam hal ini, pengkaji menggunakan kaedah bagi mencapai dua objektif yang hendak dicapai. Objektif kajian tersebut terdiri daripada dua bahagian iaitu :-

- 1) Menenal pasti perbandingan dari segi pengurangan dan penambahbaikan berdasarkan adaptasi novel ke skrip filem menerusi penelitian karya *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*.
- 2) Mengaplikasikan teori Sosiologi menerusi kelas sosial yang menimbulkan konflik dalam adaptasi novel ke skrip filem iaitu karya *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*.

Selain daripada itu, untuk memenuhi objektif kajian pengkaji menjalankan kaedah yang bersesuaian pada kajian ini. Perkara ini pada mulanya pengkaji mencari tajuk kajian dengan menyelidik beberapa penyelidikan daripada pengkaji lepas bagi mengelakkan sebarang pertindihan tajuk terhadap kajian lepas. Dalam pada itu, pengkaji mula mengenal pasti teks *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* karya Hamka dengan menghubungkan objektif kajian dan skop kajian yang diliputi pada teks yang

dipilih. Oleh hal demikian, segala data yang didapati akan dianalisis dan dibincangkan dalam dapatan kajian.

### **3.3 Kaedah Kajian**

Kajian yang dilaksanakan ini adalah kajian teks *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* dengan melaksanakan perbandingan dari segi pengurangan dan penambahbaikan berdasarkan adaptasi novel ke skrip filem serta membincangkan kelas-kelas sosial yang menimbulkan konflik menerusi karya yang dipilih. Kajian ini dijalankan dengan kaedah deskriptif kualitatif. Selain itu, karya ini mengandungi 28 bab yang akan diteliti pada novel manakala dalam filem mengandungi durasi video selama 3 jam 30 minit dengan menekankan perbandingan antara dua media yang berlainan iaitu novel dan skrip filem. Perkara ini mengangkat karya teks yang mengaplikasikan teori Sosiologi dalam aspek budaya dan sosial pada karya tersebut.

#### **3.3.1 Kaedah Sumber Internet**

Sumber Internet juga digunakan dalam pelaksanaan kajian ini dengan memperoleh segala maklumat yang sahih dan lengkap. Pengkaji juga telah menyenaraikan sumber sebelum dijadikan bahan rujukan pada kajian ini. Dengan itu, terdapat pelbagai sumber Internet yang akan dirujuk seperti *Academia*, *Google Scholar*, *Scribd*, Dewan Bahasa dan Pustaka. Bukan itu sahaja, terdapat banyak maklumat dan hasil kajian lepas yang diperolehi melalui sumber Internet tersebut. Justeru, pengkaji juga mengambil data daripada kajian-kajian lepas bagi menjamin ketulenan dan kesahihan daripada setiap sumber yang didapati.

#### **3.3.2 Kaedah Kepustakaan**

Menerusi William James (1890) kepustakaan merupakan pengembangan pengetahuan yang merujuk kepada karya-karya yang terdahulu sebagai asas. Perkara ini agar penyelidikan pengkaji lepas melibatkan kritikan yang konstruktif terhadap kajian lepas yang terdahulu. Selain daripada itu, dalam pandangan Mohd Sahffie (1991) kaedah kepustakaan juga digunakan bagi setiap penyelidik agar mendapatkan data dan bukti dalam kajian menerusi sumber-sumber yang sedia ada. Hal ini bersifat skunder bagi menyokong dapatan kajian pengkaji. Dengan demikian, kaedah kepustakaan menekankan bahawa pencarian bahan di perpustakaan. Oleh itu, pengkaji memperoleh bahan kajian daripada Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan Bachok.



Seterusnya, kaedah ini juga dijalankan untuk mengkaji maklumat-maklumat yang berkaitan menerusi tajuk kajian misalnya tesis, jurnal, buku, artikel, majalah, dan kajian lepas. Segala maklumat yang didapati akan dianalisis dan diteliti secara sah mengikut sumber sebelum yang digunakan dalam kajian ini. Dengan demikian, melalui kaedah kepustakaan pengkaji memperoleh maklumat menerusi novel yang digunakan sebagai kajian yang bertajuk *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* karya Hamka. Justeru, mencari maklumat mengenai perbandingan adaptasi pengkaji juga mencari maklumat sampingan mengenai teori sastera iaitu teori Sosiologi yang diaplikasikan dalam kajian ini.


### **3.3.3 Kaedah Pemerhatian**

Kaedah pemerhatian adalah salah satu kaedah yang digunakan untuk mengukur objektif kajian dalam kajian ini. Menurut Flanders (1974) kaedah pemerhatian ialah proses mencatat mahupun merekod maklumat dengan mudah dan tepat. Perkara ini juga terkandung sebagai pengumpulan data selain kaedah sumber Internet, kaedah kepustakaan dan lainnya. Menerusi kaedah pemerhatian ini pengkaji berjaya mengamati sesuatu maklumat secara terperinci. Hal demikian kerana pengkaji menjalankan pemerhatian pada penelitian karya *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* dengan meneliti filem yang telah diadaptasi menerusi keaslian karya filem dan sosiobudaya yang menimbulkan kelas-kelas sosial terhadap masyarakat Melayu Minangkabau.

### **3.3.4 Kaedah Analisis Tekstual**

Bahagian ini membincangkan segala maklumat dan data yang mempunyai hubungan yang berkaitan pada kajian yang dijalankan. Perkara ini disampaikan dalam bentuk tulisan, rajah, gambar, simbol dan lain-lain. Oleh demikian, maklumat yang digunakan dalam kajian ini adalah Teks *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* yang dikarang oleh Hamka pada tahun 1938. Karya ini berkisarkan kehidupan daripada dua darjat manusia antara Zainuddin dan Hayati yang mengalami kegagalan dalam percintaan disebabkan adat tradisi Minangkabau yang menjadi pegangan masyarakat secara berlebihan ketika itu. Karya ini dipilih kerana memaparkan adaptasi dari novel menjadi sebuah filem yang berbantuan elemen adaptasi bagi mengangkat teks sastera yang unggul. Sepanjang pelaksanaan kajian ini pengkaji menyenaraikan persoalan, permasalahan dan objektif serta dapatan kajian yang dilaksanakan sebagai kandungan yang spesifik. Dengan

demikian, Maklumat tersebut memberi manfaat pada kajian ini bagi mengukuhkan hujahan dengan mempelbagaikan sumber rujukan yang berkaitan.



Rajah 3.3.4: Jadual Kaedah Analisis Tekstual

### 3.4 Teori Pilihan

Kajian ini menekankan penggunaan teori yang bersesuaian bagi memenuhi objektif kajian yang ditentukan. Dengan itu, pengkaji mengaplikasikan teori Sosiologi yang didefinisikan cerminan masyarakat sekeliling oleh penulis karya yang bersifat saintifik dan objektif. Perkara ini memahami bagaimana manusia berperilaku dan berkembang dengan adanya pengetahuan sosiologi bagi mengatasi masalah dalam kehidupan. Perkara ini melibatkan representasi sosial yang memberi kesan negatif sehingga berlaku konflik akibat ketidaksamaan sosial. Dalam hal ini, berdasarkan pemikiran Karl Marx (1818-1883) konflik adalah suatu kelas sosial masyarakat yang saling bertentangan. Oleh hal demikian, teori Sosiologi melihat bagaimana penerimaan manusia mengatasi masalah yang berlaku dalam kehidupan. Dengan itu, pemikiran Karl Marx dibantu oleh beberapa pelopor dalam teori Sosiologi. Menerusi Auguste Comte (1838) sosiologi adalah ilmu pengetahuan yang positif dengan memahami dan mempelajari gejala-gejala sosial manusia berdasarkan logik manusia. Tambahan lagi, dalam ideologi Emile Durkheim (1858-1917) juga merupakan fenomena sosial dengan adanya kepercayaan yang dipegang oleh setiap manusia misalnya nilai moral dan agama.

Seterusnya, dalam penelitian Diana Laurenson dan Alan Swingewood (1972) refleksi sosial adalah proses penghasilan kepengarangan seorang penulis yang menghubungkan sastera dalam kehidupan manusia. Perkara ini dapat dilihat sastera

dari sudut unsur dalaman seperti plot penceritaan, watak dan perwatakan, latar dan gaya bahasa. Buktinya, dalam penelitian Tri Wahyudi (2013) perkara ini merangkumi peristiwa yang dapat dijelaskan secara tersusun melalui metode sosialisasi dan dijadikan sebagai sosiologi sastera. Dengan itu, dalam teks sastera berfungsi untuk mengenal pasti unsur intrinsik dan ekstrinsik teks berlandaskan karya yang dihasilkan. Perkara ini terdapat pada karya *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* ditulis oleh Hamka yang menggunakan unsur intrinsiknya berdasarkan kehidupan masyarakat sekelilingnya. Hamka mempunyai sifat peka terhadap situasi sekelilingnya dengan mengkritik kebudayaan masyarakat Melayu Minangkabau. Hal ini menunjukkan adat dan tradisi masyarakat Minangkabau secara berlebihan sehingga berlakunya kelas-kelas sosial yang menimbulkan konflik dalam mereka. Oleh itu, pengaplikasian teori ini memudahkan pengkaji menjalankan analisis kajian dengan baik bagi memenuhi objektif kajian yang ditetapkan.

#### **3.4.1 Sejarah Ringkas Teori**

Perkembangan teori Sosiologi bermula daripada kesedaran manusia dengan memahami fenomena sosial dengan lebih saintifik dan objektif. Hal ini bermula daripada golongan pemikir barat sehingga berjaya digelar sebagai pelopor sosiologi secara berperingkat. Peringkat pertama adalah pengaruh sosial mengenai perkembangan teori iaitu revolusi isu semasa yang berlaku di muka bumi. Kemunculan teori Sosiologi ini disebabkan implikasi melalui perubahan politik yang berlaku di Perancis dalam aspek industri, kapitalisme, feminisme, sosialisme, urbanisasi, dan teknologi. Seterusnya, peringkat intelektual iaitu falsafah dengan diberi pendedahan dalam aspek konservatif dan romantik sebagai perkembangan teori. Dengan demikian, perkembangan ini dapat dilihat bahawa golongan pemikir mahupun pengasas teori Sosiologi majoritinya berasal dari Barat. Menerusi kajian Kamanto Sunarto (2005) pengasas teori Sosiologi bermula dengan tokoh Auguste Comte (1798-1857), Karl Marx (1818-1883), Emile Durkheim (1858-1917), Max Weber (1864-1920), Diana Laurenson (1972) dan Alan Swingewood (1972). Oleh hal demikian, setiap pengasas teori Sosiologi mengaplikasikan fenomena sosial secara mendalam mengenai peradaban manusia dalam mengatasi konflik sama ada positif mahupun negatif.

### 3.4.2 Ciri-Ciri Teori

Teori ini merupakan ilmu sosial yang bersifat kumulatif, teoritis, non-etis, dan empiris. Bagi ciri sosiologi kumulatif mempunyai dasar teori yang sudah sedia ada dan diperhalusi lagi. Seterusnya, teoritis adalah bersifat abstrak hasil daripada observasi dan disusun menjadi sebuah teori. Manakala bagi non-etis pula suatu permasalahan yang dibahaskan sama ada positif dan negatif menerusi fakta yang tertentu. Justeru, ciri sosiologi bersifat empiris iaitu mendasari pada observasi terhadap kehidupan nyata dan logik serta dapatannya tidak bersifat spekulatif. Berikut adalah konsep sosial yang melibatkan keempat ciri teori tersebut berdasarkan penelitian karya *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*. Antaranya ialah:-

#### 3.4.2.1 Representasi Budaya

Representasi budaya masyarakat Melayu Minangkabau yang pertama adalah pemikiran semangat assabiyah yang tinggi terhadap adat dan kepercayaan. Perkara ini berlaku kerana mereka mempercayai adat secara berlebihan sehingga terpesong dan tidak kelihatan lagi nilai amalan terpuji dalam Islam. Dengan demikian, Hamka menulis karyanya menurut pengalaman dan pandangannya terhadap adat Minangkabau dengan menggunakan peribahasa melayu “*Hidup di kandung adat, Mati di kandung tanah*”, “*Biar mati anak, Jangan mati adat*”. Istilah ini menerangkan pemikiran masyarakat Minangkabau pada ketika itu penuh dengan semangat yang berpuak-puak. Oleh hal demikian, Hamka menggunakan sosiobudaya yang melibatkan pengasingan sosial sebagai konflik dalam karyanya menerusi kelas sosial yang bertentangan. Konflik utama dalam penelitian karya *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* adalah kegagalan dalam percintaan disebabkan dua darjat yang berbeza.

Seterusnya, representasi budaya masyarakat Melayu mengenai gaya hidup yang diamalkan. Dengan demikian, kehidupan masyarakat Melayu tradisi ketika itu penuh dengan perilaku, amalan, sifat dan hubungan sosial oleh setiap manusia dengan adanya nilai-nilai luhur dan ilmu agama terhadap komunitinya. Perkara ini gaya hidup adalah amalan dalam kehidupan sehari yang mencerminkan identiti masyarakat yang kaya dengan nilai tasawuf menerusi penelitian karya Hamka. Namun, dalam gaya hidup masih terdapat amalan yang bertentangan disebabkan pengaruh dan pandangan baru daripada barat. Dalam istilah ini gaya hidup meliputi gagasan yang pelbagai dan harus diterima banyak perkara. Dalam hal ini, Hamka mengkritik menerusi karyanya

*Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* sebagai fenomena sosial bagi memupuk kehidupan manusia madani dengan memperlihatkan nilai moral dan pengajaran. Oleh itu, pengkaji dapati bahawa representasi budaya melalui gaya hidup masyarakat Melayu menerusi karya Hamka menimbulkan jalan penceritaan yang menarik.

#### **3.4.2.2 Bahasa dan Konstruksi Sosial**

Menerusi kamus dewan edisi keempat bahasa didefinisikan cara untuk berinteraksi sesama manusia sama ada melalui mimik muka dan tingkah laku. Bukan itu sahaja, bahasa adalah bunyi yang digunakan sebagai kaedah perhubungan terhadap masyarakat sekeliling bagi menimbulkan perasaan dan pemikiran mereka. Berdasarkan penelitian karya *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* bahasa yang digunakan oleh Hamka adalah bahasa campuran iaitu bahasa Minangkabau, bahasa kaum Mengkasar dan bahasa Indonesia. Setiap bahasa yang diperolehi mempunyai keunikan sebagai bahasa pertuturan sehari-hari. Dengan demikian, pengkaji dapati bahawa bahasa adalah kaedah interaksi yang sangat penting dalam budaya dan sosial masyarakat khususnya dalam karya *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*.

#### **3.4.2.3 Keagamaan**


Pengertian keagamaan adalah kepercayaan kepada Tuhan dengan merujuk kepada ajaran dan perintah-Nya. Hal ini juga merupakan tatacara dan hubungan manusia terhadap Tuhannya. Menerusi Emile Durkheim (2018) agama adalah salah satu fenomena sosial dengan adanya adab dan kepercayaan yang merupakan simbol kepada masyarakat. Oleh hal demikian, dalam penelitian karya *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* terdapat nilai keagamaan dalam pengajaran Islam melalui masyarakat Melayu Indonesia. Nilai-nilai keagamaan adalah nilai-nilai yang mengandungi sifat fiksi terhadap karya sastera iaitu nilai taqwah, tasawuf dan banyak lagi dalam kehidupan manusia. Fenomena sosial ini dihayati secara sakral, luar biasa yang tidak terbatas sehingga menjadi sebuah karya yang menarik.

### 3.4.3 Kaedah Pengaplikasian Teori

Teori Sosiologi yang diaplikasikan oleh pengkaji dalam kajian ini adalah pengkhususan sosialisasi kehidupan manusia pada karya *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* oleh Hamka. Pengaplikasian teori ini untuk dijadikan sandaran dalam analisis kajian ini yang merujuk kepada isu budaya dan sosial oleh masyarakat Melayu pada karya Hamka. Perkara ini diliputi dengan unsur dalaman sastera yang terdapat pada karya *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*. Dalam pada itu, unsur dalaman sastera terdiri daripada tema, watak dan perwatakan, latar, dan plot penceritaan. Namun kajian ini berfokuskan pada bahagian plot, latar, dan bahasa yang dijadikan perbincangan dalam penelitian adaptasi dengan mencerminkan kehidupan sosiobudaya yang akan diberi pengurangan dan penambahbaikan. Tambahan lagi, kajian ini mengaplikasikan teori Sosiologi dengan melihat sosiobudaya masyarakat menerusi karya tersebut yang mementingkan pengasingan sosial sehingga berlakunya konflik dan perjuangan hidup. Dengan demikian, kepentingan ini menjadi sokongan ahli sasterawan dengan mengkritik budaya yang menimbulkan konflik dalam kehidupan sehingga berlakunya perjuangan dalam hidup. Hal ini menggambarkan dunia sosial dalam kebanyakan istilah yang mana menggerakkan nilai dan makna pada dunia sebenar.

### 3.5 Kerangka Kajian

Kerangka teori adalah dasar dalam suatu kajian terhadap pembaca dan penyelidik pada kajian ini bagi mencapai objektif kajian yang dirancang.



Rajah 3.5: Kerangka Kajian Yang Menyeluruh

### **3.6 Kesimpulan**

Bahagian ini dapat dirumuskan bahawa metodologi kajian membawa peranan yang penting dalam sesebuah kajian. Dengan itu, kajian yang menepati objektif dapat menghasilkan sebuah kajian yang baik. Setiap hasil kajian ini adalah berlandaskan kaedah kajian yang sistematik. Dengan demikian, kaedah kajian ini berperanan dalam pencarian data serta mencipta pemikiran dan fakta yang sahih oleh pengkaji. Hal ini kerana segala sumber rujukan dalam penelitian ini telah ditapis dan dikenal pasti kesahihannya melalui metodologi kajian ini. Dengan demikian, pengkaji membincangkan perbandingan adaptasi dalam novel dan filem yang telah diadaptasi menerusi aspek sosiologi dan teknologi. Kemudian, pengkaji menggunakan teori Sosiologi bagi menganalisis teks dan fungsi teori terhadap budaya dan sosial terhadap penelitian ini. Perkara ini bagi memperoleh analisis data dan hasil kajian dengan jayanya. Oleh demikian, metodologi kajian merupakan kaedah utama bagi memenuhi kehendak objektif kajian yang ditetapkan.



## BAB 4

### ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

#### 4.1 Pengenalan

Pada bahagian bab 4 membincangkan perbandingan adaptasi dalam novel ke skrip filem menerusi penelitian karya *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*. Kajian ini menggunakan teori Sosiologi dalam pemikiran Karl Marx iaitu perjuangan dalam hidup demi memenuhi kedudukan kelas yang sepatutnya dicapai. Dengan demikian, penulis mengaplikasikan teori Sosiologi Karl Marx dalam aspek sosiobudaya masyarakat Melayu menerusi pandangan Hamka iaitu karya *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*. Perkara ini terdiri daripada kelas-kelas sosial yang menimbulkan konflik dalam kehidupan bagi menyokong perbincangan pada kajian ini. Tambahan lagi, kajian ini disusuli dengan penerangan teori Sosiologi Karl Marx serta pendukung-pendukung aliran teori Sosiologi yang lain menerusi konteks perjuangan hidup masyarakat Melayu pada karya yang dipilih. Tambahan lagi, mengandungi sinopsis ringkas antara novel dan filem bagi membantu perbincangan dalam kajian ini. Oleh itu, pengkaji memilih teks dan skrip filem daripada karya *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*.

#### 4.1.1 Teori Sosiologi dalam pemikiran Karl Marx dan pendukung lain

Sosiologi adalah ilmu yang mengkaji hubungan sosial manusia secara ilmiah yang tertumpu kepada konsep, aliran dan prinsip dengan memahami dan menjelaskan fenomena sosial dalam kehidupan manusia. Dengan itu, teori Sosiologi mengikut pemikiran Karl Marx (1818-1883) adalah bersifat kapitalisme iaitu suatu pengasingan manusia dalam sesebuah kehidupan. Pengasingan tersebut dikenali sebagai kedudukan kelas dalam pemerintahan yang disebut sebagai borjuis manakala kelas pekerja dikenali sebagai proletariat. Kedua kelas tersebut mempertahankan kepentingan masing-masing sehingga berlakunya konflik dalam sesebuah masyarakat. Bukan itu sahaja, kelas-kelas sosial mempunyai perbezaan dari segi representasi budaya bagi mencapai ke tahap yang sepatutnya. Sehubungan dengan itu, kajian ini membincangkan kelas sosial iaitu pengasingan manusia menurut adat tradisi, darjat, feminisme dan pendidikan yang menimbulkan beberapa konflik dalam karya yang dipilih. Oleh hal demikian, pengkaji mengaplikasikan teori Sosiologi Karl Marx dalam kehidupan masyarakat melayu Minangkabau menurut pandangan Hamka pada karyanya iaitu *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*.



Rajah 4.1.1: Teori Sosiologi Karl Marx Dan Pendukung Lain

#### 4.1.2 Sinopsis

Jadual 4.1.2: Sinopsis Novel Dan Filem Karya *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*.

<i>Karya Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck</i>	
<b>Novel</b>	<p>Pendekar Sutan tinggal bersama Datuk Mantari Labih yang mempunyai konflik dalam pewarisan harta sehingga dihukum dan diasingkan dari Batipuh, Minangkabau. Kemudian, beliau tinggal di Mengkasar dan bertemu jodoh dengan Daeng Habibah. Perkahwinan mereka dianugerahkan seorang anak iaitu Zainuddin namun kebahagiaan tersebut sementara, Zainuddin menjadi sebatang kara dan diasuh oleh Mak Base. Beberapa tahun kemudian, Zainuddin berhasrat ke di tanah kelahiran arwah ayahnya. Lantaran, kedatangan Zainuddin dianggap orang asing. Dia bertemu dengan Hayati dan mulai berkongsi kisah hidupnya melalui kiriman surat. Perkara ini diketahui oleh Datuk Garang dan menyuruh Zainuddin untuk keluar dari Batipuh dan pergi ke Padang Panjang. Tambahan, Hayati dijodohkan dengan Aziz orang Minangkabau. Perkara ini Zainuddin memulai hidup barunya di Batavia dan Surabaya yang dibantu oleh Muluk. Beliau memulai dengan dunia penulisannya sehingga menjadi orang tersohor ketika itu. Di Surabaya Aziz dan Hayati memperoleh krisis rumah tangga dan terpaksa tinggal bersama Zainuddin. Hal ini Aziz memutuskan untuk bunuh diri dan menceraikan Hayati serta menyuruh Zainuddin menjaganya. Namun permintaannya ditolak Hayati disuruh pulang ke tanah asalnya dengan menaiki Kapal Van Der Wijck. Dalam perjalanan pulang terjadi kemalangan di mana kapal tersebut tenggelam dan Hayati berjaya diselamatkan di hospital Wilayah Tuban. Namun, Hayati meninggal dunia di tempat kejadian. Perkara ini Muluk menyampaikan pesan dari Hayati terhadap Zainuddin, sebenarnya Hayati masih mengharapkan kasih daripadanya. Setelah ketiadaan Hayati kehidupan Zainuddin mengalami kesedihan yang memanjang dan menyebabkan jatuh sakit kemudian meninggal dunia.</p>

### *Karya Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*

Filem

Zainuddin seorang anak yatim piatu. Bapanya orang Minangkabau manakala ibunya orang Mengkasar. Dia tinggal bersama penjaganya Mak Base. Di usia dewasa Zainuddin memutuskan untuk mempelajari ilmu agama di tanah kelahiran ayahnya. Kedatangannya dipandang serong oleh masyarakat Batipuh, Minangkabau kerana mempunyai keturunan campuran. Sekian lamanya berada di Batipuh dian bertemu dengan Hayati dan mulai jatuh hati terhadapnya. Namun, percintaan Zainuddin terhadap Hayati adalah di larang oleh Datuk Garang. Zainuddin disuruh ke Padang Panjang untuk melanjutkan dakwahnya disana. Lantaran, Hayati dijodohkan dengan Aziz iaitu pilihan keluarganya. Setelah berputus asa, Zainuddin dan Muluk sahabatnya pergi ke Batavia dan Surabaya. Di sana Zainuddin memperoleh kejayaannya sebagai penulis dan dermawan yang terkenal. Dalam pada itu, Aziz dan Hayati mereka tidak bahagia dan terpaksa menumpang di rumah Zainuddin. Suatu hari, Aziz pergi ke Banyuwangi untuk mencari pekerjaan baru kerana serba salah akan Zainuddin. Hal ini Aziz bunuh diri dan menghantar surat cerai kepada Hayati serta menyuruh Zainuddin menjaganya. Namun, Zainuddin menghantar Hayati pulang ke kampungnya dengan menaiki Kapal Van Der Wijck. Akan tetapi, kapal tersebut telah tenggelam sehingga Hayati meninggal dunia. Pemergian Hayati menjadikan pengajaran dalam hidupnya dan terus menganggap bahawa Hayati masih hidup melalui karya barunya iaitu "*Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*".

#### **4.2 Perbandingan dari segi pengurangan dan penambahbaikan berdasarkan adaptasi novel ke skrip filem menerusi penelitian karya *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*.**

Adaptasi novel ke skrip filem adalah suatu pengubahsuaian dari pelbagai aspek namun dalam kajian ini membincangkan dari segi pengurangan dan penambahbaikan. Perkara ini agar keaslian karya dapat dipelihara oleh hak pencipta sama ada secara langsung mahupun tidak langsung. Hal ini kerana untuk memindahkan hasil karya yang bertulis kepada bentuk visual dengan memerlukan kerjasama antara penulis karya dan pihak produksi. Wan Hasmah Wan Teh (2013) berpandangan bahawa adaptasi adalah keupayaan dalam menyesuaikan suatu projek dengan mencipta perubahan baharu bagi membentuk penghasilan yang lebih baik. Adaptasi dalam keaslian karya ini dapat dikenal pasti melalui plot, latar dan bahasa pada karya yang dipilih. Menerusi keaslian karya tersebut turut mengandungi sosiobudaya dari aspek representasi budaya, bahasa dan konstruksi sosial serta keagamaan yang menunjukkan pengasingan kelas. Dengan demikian, keberhasilan adaptasi novel ke skrip filem mengandungi pengurangan dan penambahbaikan yang ketara daripada penelitian karya *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*.

#### 4.2.1 Plot

Plot adalah perkembangan peristiwa yang disusun dalam sesuatu cerita bagi menimbulkan karya yang menarik. Plot merupakan susunan peristiwa mengikut hukum sebab dan akibat yang berbentuk kronologi dan bukan kronologi. Hal ini merujuk kepada susunan latar dan peristiwa yang berlaku sebelum dan selepas. Dengan itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti dalam aspek pengurangan dan penambahbaikan melalui binaan plot yang terbahagi kepada permulaan, perkembangan, konflik, klimaks, dan peleraian.

Jadual 4.2.1: Penerangan struktur plot

Peringkat	Huraian
<b>Permulaan</b>	Permulaan adalah suatu cerita yang dimulakan dengan pengenalan peristiwa iaitu pemerian fizikal, latar tempat, masyarakat dan masa.
<b>Perkembangan</b>	Penghasilan pelbagai teknik sehingga bermulanya peristiwa konflik pada karya yang dihasilkan.
<b>Konflik</b>	Konflik merujuk kepada pertentangan dan perjuangan antara watak yang berlawanan sehingga menimbulkan unsur-unsur ketegangan pada sesuatu peristiwa.
<b>Klimaks</b>	Klimaks adalah konflik yang sampai ke tahap kemuncak yang mengupas detik ketegangan dalam akhir cerita.
<b>Peleraian</b>	Peleraian adalah tahap akhir dalam pembinaan plot.

MALAYSIA

KELANTAN

#### 4.2.1.1 Plot Permulaan

Plot permulaan dalam penelitian *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* merujuk kepada aspek pengurangan dan penambahbaikan yang telah diadaptasi melalui novel ke skrip filem. Perkara ini dapat dilihat pada bahagian novel iaitu bab 1 dan bab 2 yang mengisahkan ‘Anak Orang Terbuang’ dan ‘Yatim Piatu’. Perkara ini menyatakan pengenalan asal-usul keturunan Zainuddin melalui Pendekar Sutan yang merupakan ayahnya dan pewaris tunggal dari harta peninggalan arwah nenek moyang. Hal ini menimbulkan konflik dalam perwarisan harta antara Datuk Mantari Labih dan ayahnya sehingga diusir dari tanah Minangkabau dan bertemu jodoh dengan Daeng Habibah di Mengkasar. Namun demikian, kehidupan Daeng Habibah tidak lama akibat penyakit menyebabkan meninggal dunia dan disusuli oleh Pendekar Sutan. Peristiwa ini Zainuddin menjadi anak yatim piatu dan digelar sebagai ‘anak pisang’ iaitu anak berketurunan campuran. Manakala, menerusi adaptasi ke skrip filem turut mempersembahkan pengenalan asal usul kehidupan Zainuddin secara ringkas. Pengenalan kehidupan anak yatim piatu yang tinggal bersama pengasuhnya di Mengkasar iaitu Mak Base. Dalam hal ini mengandungi pengurangan iaitu peristiwa konflik antara Pendekar Sutan dan Datuk Mantari Labih serta adat dan kepercayaan tahayul oleh pengasuh Zainuddin. Manakala penambahbaikan pada skrip filem merujuk kepada peristiwa monolog antara Zainuddin dan pengasuhnya Mak Base. Oleh itu, plot permulaan mengandungi sebahagian unsur yang telah dikurangkan dan ditambahbaikkan berdasarkan adaptasi novel ke skrip filem.

Jadual 4.2.1.1: Perbandingan Aspek Pengurangan Dan Penambahbaikan Menerusi Plot Permulaan

Plot Permulaan	
Pengurangan	Penambahbaikan
<p style="text-align: center;"><u>Novel</u></p> <p><b>Petikan 1:</b>  <i>“Apa?.. Engkau katakan saya zalim? Kata Datuk Mantari Labih sambil melompat ke muka, dan menyentak kerisnya, tiba sekali di hadapan Pendekar Sutan. Malang akan timbul, sebelum dia sempat mempermainkan keris, pisau belati Pendekar Sutan telah lebih dahulu teracap di lambung kirinya, mengenai jantungnya.”</i>  <i>(Hamka,2015: 6)</i></p> <p><b>Petikan 2:</b>  <i>“Di dekat surat tersebut ada segulung uang kertas dari Rp1.000,00. Itulah mamak pergusonan untuk mengasuhmu, penyampaikan sekolahmu, sehingga sekarang engkau berkeadaan begini.....”</i>  <i>Setelah itu Base pergi ke dalam, maksudnya ialah hendak membukan peti itu. tapi bukannya tidak sembarang buka rupanya. Dia seorang perempuan tua yang penuh takhyul, sebelum dibuka dibakarnya dahulu kemenyan bercampur dengan setinggi Mengkasar. Setelah dibukanya. Dikembangkannya beberapa helai uang kertas di muka Zainuddin. Zainuddin heran, karena uang itu tidak seribu lagi, tetapi sudah hampir dua ribu rupiah.”</i>  <i>(Hamka,2015: 17)</i></p> <p><b>Penelitian keaslian karya dalam aspek pengurangan:</b>                      Petikan 1 dan 2 di atas telah diangkat melalui novel bersamaan beberapa peristiwa seperti asal-usul Pendekar Sutan dan kepercayaan tahayul Mak Base. Namun begitu, peristiwa keduanya telah dikurangkan dalam adaptasi ke skrip filem.</p>	<p style="text-align: center;"><u>Skrip Filem</u></p> <p><b>Petikan 1:</b>  <b>Suara Latar (monolog):</b> <i>Sesiapa sahaja yang menjadi watak utama dalam kisah ini, dia telah dilanda nasib malang semenjak usianya masih muda lagi. Seorang anak yatim yang tinggal sendirian bersama penjaganya.</i>  <i>(Skrip Filem Terjemahan daripada Bahasa Melayu)</i></p> <p><b>Petikan 2:</b>  <b>Mak Base :</b> <i>Sebelum ayah kamu, Sutan, Meninggal dunia, dia ada meninggalkan 1,000 gulden untuk menyara kehidupan kita dan juga untuk pelajaran kamu.</i>  <b>Zainuddin :</b> <i>Kamu telah menggunakan duit Itu dengan sebaiknya, mak cik. Saya hanya perlukan sedikit Wang untuk perjalanan saya, mak cik, dan juga untuk perbelanjaan hidup saya semasa saya di sana.</i>  <i>(Skrip Filem Terjemahan daripada Bahasa Melayu)</i></p> <p><b>Penelitian keaslian karya dalam aspek penambahbaikan:</b>                      Melalui skrip filem di atas, adalah peristiwa yang telah dipilih untuk diadaptasi pada plot permulaan yang hanya mempersembahkan pengenalan asal usul Zainuddin. Manakala, peristiwa antara Zainuddin dan Mak Base mengenai perbualan perbelanjaan yang diwariskan oleh orang tua Zainuddin telah diubahsuai menjadi sebuah monolog.</p>



#### 4.2.1.2 Plot Perkembangan

Plot perkembangan turut melibatkan pengurangan dan penambahbaikan mengikut adaptasi novel ke skrip filem. Perkara ini diperoleh pada novel bab 3 hingga bab 11 iaitu peristiwa yang digambarkan kehidupan Zainuddin di Batipuh, Minangkabau yang ingin melihat tanah kelahiran ayahnya Pendekar Sutan. Kisah-kisah tersebut terdiri daripada ‘Menuju Negeri Nenek Moyang’, ‘Tanah Usul’, ‘Cahaya Hidup’, ‘Berkirim-kiriman Surat’, ‘Pemandangan di Dusun’, ‘Berangkat’, ‘Di Padang Panjang’, ‘Pacu Kuda dan Pasar Malam’ dan ‘Bimbang’. Kedatangan Zainuddin ke Batipuh, Minangkabau ingin mempelajari ilmu agama namun masih dianggap orang asing. Dalam masa yang sama pertemuan Zainuddin dan Hayati di telah membuka pintu kehidupan baginya. Perkara ini menjadi bualan masyarakat kampung sehingga Zainuddin diusir ke Padang Panjang dan meneruskan dakwahnya disana. Oleh demikian, aspek pengurangan dan penambahbaikan yang mewakili plot perkembangan iaitu peristiwa pertemuan antara Zainuddin dan Hayati. Hal ini merujuk pada karya novel iaitu terdapat pada peristiwa hujan lebat di Ekor Lubuk sebagai pertemuan pertama mereka. Namun dalam adaptasi ke skrip filem memperlihatkan suasana di warung kecil dan ditambahkan lagi beberapa perbualan antara Hayati dan Temannya iaitu Banun. Tambahan lagi dalam perbualan tersebut mempunyai beberapa pengubahsuaian perbualan Pak Cik pemilik warung daripada kisah novel tersebut. Oleh hal demikian, pengubahsuaian dalam adaptasi novel ke skrip filem turut dikupas dalam plot perkembangan.

Jadual 4.2.1.2: Perbandingan Aspek Pengurangan Dan Penambahbaikan Menerusi Plot Perkembangan

Plot Perkembangan	
Pengurangan	Penambahbaikan
<p style="text-align: center;"><b><u>Novel</u></b></p> <p><b>Petikan 1:</b>  <i>“Encik..!” Hayati menentang mukanya tenang-tenang dan tidak menjawab, hanya seakan-akan menunggu apa yang dikatakannya. “Sukakah Encik saya tolong?” “Apakah gerangan pertolongan Tuan itu?” “Berangkatlah Encik lebih dahulu pulang ke Batipuh, marah mamak dan ibu Encik kelak jika terlambat benar akan pulang, pakailah payung ini, berangkatlah sekarang juga.” “Terima kasih!” jawab hayati. “Janganlah ditolak pertolongan itu,” kata orang lepau dengan tiba-tiba. “Orang hendak berbuat baik tidak boleh ditolak.” “Dan Tuan sendiri bagaimana? Jawab Hayati pula, sedang temannya yang seorang lagi menekur-nekur saja kemalu-maluan. “Itu tak usah Encik susahkan, orang laki-laki semuanya gampang baginya, pukul 7 atau pukul 8 malam pun saya sanggup pulang, kalau hujan ini tak teduh juga. Berangkatlah dahulu!”</i>  <i>(Hamka,2015:30-31)</i></p> <p><b>Penelitian keaslian karya dalam aspek pengurangan:</b>  Menerusi petikan novel di atas, menunjukkan peristiwa antara Zainuddin dan Hayati di Ekor Lubuk. Perkara ini merujuk kepada unsur pengurangan dari segi topik perbualan Zainuddin dan Hayati.</p>	<p style="text-align: center;"><b><u>Skrip Filem</u></b></p> <p><b>Petikan 1:</b>  <b>Banun</b> :Ati pergi lihat siapa yang datang. Dia memandang kamu Ati.  <b>Hayati</b> : Shh..  <b>Banun</b> :Macam mana jika hujan tidak berhenti hingga ke pagi, Ati? Kita mungkin akan berada di sini sepanjang malam. Kita tidak akan dapat pergi ke sekolah, dan kita tidak akan tamat belajar. Saya akan jadi bodoh. Banun dan Hayati, dua orang gadis Minang yang malang.  <b>Hayati</b> :Ia tidaklah seteruk itu. sedangkan panas pun hanya sampai ke petang, hujan pun pasti akan berhenti.  <b>Zainuddin</b> :Hayati, pergilah balik guna payung saya. Pergilah, Pak cik kamu akan marah jika kamu balik lambat.  <b>Pak Cik I</b> :Ati, janganlah menolak kebaikan orang tidak begitu.  <b>Hayati</b> :Tapi.. bagaimana pula dengan awak?  <b>Zainuddin</b> :Saya kan lelaki ini hal kecil.  <i>(Skrip Filem Terjemahan daripada Bahasa Melayu)</i></p> <p><b>Penelitian keaslian karya dalam aspek penambahbaikan:</b>  Dalam penelitian skrip filem di atas, unsur penambahbaikan dapat dilihat melalui perbualan baru iaitu Banun dan Pak Cik Warung. Perkara ini menimbulkan peristiwa baru di Ekor Lubuk tersebut.</p>

#### 4.2.1.3 Plot Konflik

Plot konflik turut mengandungi aspek pengurangan dan penambahbaikan. Perkara ini dapat dilihat melalui novel pada bab 12 hingga bab 18 yang mengisahkan kehidupan masyarakat Melayu yang tidak diresmikan menurut adat Minangkabau yang penuh dengan adat dan kepercayaan. Antara kisah dalam bahagian konflik ini adalah ‘Meminang’, ‘Pertimbangan’, ‘Pengharapan yang putus’, ‘Perkahwinan’, ‘Menempuh Hidup’, ‘Jiwa Pengarang’ dan ‘Surat-surat Hayati Kepada Khadijah’. Setiap peristiwa ini menimbulkan ketegangan yang menarik perhatian khalayak yang merujuk kepada konflik dalam diri, konflik dengan watak lain, konflik dengan masyarakat, dan konflik dengan nasib dan takdir. Konflik dalam diri iaitu peristiwa surat yang disampaikan oleh Datuk Garang mengenai peminangan antara Zainuddin dan Hayati yang telah ditolak. Perkara ini menimbulkan konflik dalam diri Zainuddin yang menyebabkan kehidupannya tidak menentu. Seterusnya, konflik dengan watak lain iaitu penerimaan surat dari Khadijah mengenai Hayati dan surat dari Daeng Masiga mengenai Mak Base. Perkara ini menimbulkan kesedihan pada Zainuddin kerana hubungan dia dengan Hayati tidaklah panjang dan pengasuhnya Mak Base telah meninggal dunia. Selain itu, merujuk pada konflik dengan masyarakat iaitu peristiwa pertemuan keluarga Hayati untuk pertimbangan perkahwinan sama ada memilih Zainuddin atau Aziz. Di samping itu, konflik dengan nasib dan takdir mengenai kehidupan Zainuddin yang mengalami pengharapan yang telah lama putus. Dalam pada itu, menerusi adaptasi ke skrip filem terdapat banyak pengubahsuaian yang dapat dilihat pada jadual di bawah. Oleh hal demikian, peristiwa-peristiwa konflik tersebut mengandungi unsur-unsur kelas-kelas sosial yang menimbulkan konflik yang dijadikan tumpuan pada plot yang disampaikan.

MALAYSIA

KELANTAN

Jadual 4.2.1.3: Perbandingan Aspek Pengurangan Dan Penambahbaikan Menerusi Konflik

Konflik	
1) Konflik dalam diri	
Pengurangan	Penambahbaikan
<p style="text-align: center;"><b><u>Novel</u></b></p> <p><i>Zainuddin sedang duduk di atas sebuah batu besar melihat air mengalir, yang selalu seakan-akan bertutur. Nun jauh dari sana, adalah Lubuk Mata Kucing, tempat orang mandi-mandi bergurau. Setelah Muluk datang, Zainuddin telah tahu, tetapi tak sepetah jua ditegurnya. Di sanalah Muluk mulai berkata. “Apakah yang Guru menungkan juga?” “Begini baru usiaku, sudah begini besarnya kedukaan yang menimpa diriku, menung apakah yang tidak akan terjadi? Kalau Bang Muluk merasai tentu Abang akan sampai bertanya!”. “Hentilah segala permenungan ini, Guru Muda. Sebab segala kejadian itu telah berlalu masanya; apa yang telah tertentu sejak dalam rahim bunda tak dapatlah makhluk mengelakkan,” ujar Muluk dengan rupa yang sungguh-sungguh.</i> (Hamka,2015: 190-191)</p> <p><b>Penelitian keaslian karya dalam aspek pengurangan :</b> Petikan di atas menunjukkan konflik dalam diri Zainuddin mengenai kekusutan hatinya dan menenangkan diri di tepi sungai. Perkara ini Muluk sahabatnya cuba mencari dan memujuknya. Dengan itu, penelitian keaslian karya dalam aspek pengurangan terdapat suasana di tepi sungai dan beberapa perbualan dikurangkan.</p>	<p style="text-align: center;"><b><u>Skrip Filem</u></b></p> <p><i>Di sebuah bilik, Zainuddin duduk termenung dan mendinginkan diri. Muluk menghampirinya</i> <b>Zainuddin</b> :Di usia yang masih muda dan saya sudah memikul kesedihan yang sangat berat. <b>Muluk</b> :Cukuplah dengan kekusutan ini, Zainuddin. Nasi sudah menjadi bubur. Zainuddin, kamu sudah banyak belajar sepanjang kamu berada di sini. Kamu sudah belajar mengenai diri sendiri, tingkah laku dan pemikiran terbuka. Jangan jadi lemah dari kami ini yang tidak tahu bagaimana untuk solat. Tidak ada gunanya kehidupan kamu yang berharga disia-siakan kerana seorang wanita. (Skrip Filem Terjemahan daripada Bahasa Melayu)</p> <p><b>Penelitian keaslian karya dalam aspek penambahbaikan:</b> Dalam skrip filem menunjukkan penambahbaikan yang jelas iaitu suasana peristiwa pada novel menekankan suasana di tepi sungai manakala dalam skrip filem peristiwa di sebuah bilik Zainuddin. Tambahan lagi, terdapat beberapa topik perbualan mereka berbeza dibandingkan pada petikan novel.</p>

2) Konflik dengan watak lain	
Pengurangan	Penambahbaikan
<p style="text-align: center;"><b><u>Novel</u></b></p> <p><b>Surat dari Khadijah mengenai Hayati</b>  <i>“Meskipun belum pernah kita berkenalan, tetapi nama Engku telah lama saya kenal, lantaran persahabatan engku yang amat karib dengan Hayati, sahabat saya! Perhubungan persahabatan Engku itu telah diketahui oleh semua kami. Mulai hari ini lebih baik Engku putuskanlah perhubungan itu. Pertama menjaga nama baik Hayati, sebab dia telah bertunangan. Kedua kemaslahatan Engku sendiri, jangan nama Engku terbusuk pula, hidup di perantauan. Apalah gunanya Engku berhubungan dengan dia padahal yang demikian itu perbuatan yang sia-sia saja, akan langsung pun tidak juga, tak ubah dengan mengharapkan kejatuhan bintang di langit, umur habis badan pun payah, laba hilang rugi bertemu, melarat di angan-angan, sengsara dikira-kira.”</i>  <i>(Hamka,2015: 155)</i></p> <p><b>Surat dari Daeng Masiga kepada Zainuddin mengenai Mak Base:</b>  <i>“Anakanda Zainuddin berselamat di Padang. Dengan serba pendek saja Paman nyatakan, bahwa telah berlaku kadar Allah atas hamba-Nya yang daif dan lemah, yaitu mak angkatmu Base, telah berlalu dari kalangan kita, kembali ke tanah asalnya, “Dari sana dia datang, dan ke sana dia kembali.”</i>  <i>(Hamka,2015: 132)</i></p> <p><b>Penelitian keaslian karya dalam aspek penambahbaikan:</b>            Petikan di atas merujuk kepada surat perkahwinan Hayati yang tidak lama lagi berlangsung. Seterusnya, surat daripada Daeng Masiga mengenai khabar bahawa Mak Base telah meninggal dunia. Aspek pengurangan adalah surat yang disampaikan oleh Khadijah dan Daeng Masiga telah dikurangkan serta merta dalam adaptasi ke skrip filem.</p>	<p style="text-align: center;"><b><u>Skrip Filem</u></b></p> <p><b>Surat dari Hayati</b>  <i>Zainuddin. Ini bukanlah perkahwinan antara kekayaan dan kecantikan. Saya yang telah membuat keputusan untuk menerima Aziz sebagai suami saya. Musuh saya adalah hati saya sendiri, jadi saya telah menerima keputusan dari saudara-mara saya. Kita akan sama-sama menangis untuk sementara waktu,tetapi suatu hari nanti, kamu akan sedar bahawa ini adalah jalan hidup yang Tuhan telah tetapkan untuk kebahagiaan kamu. Pilihlah seorang isteri yang lebih cantik dan kaya dari saya. Kamu tahu bahawa saya tidak mempunyai harta dan kamu juga hidup dalam kesusahan. Ianya tidak cukup untuk menyara sebuah rumah tangga. Jadi lebih baik jika ketepikan perasaan kita dan ucapkan selamat tinggal. Biarlah kita menjadi kawan yang paling rapat selama-lamanya.</i>  <i>(Skrip Filem Terjemahan daripada Bahasa Melayu)</i></p> <p><b>Penelitian keaslian karya dalam aspek penambahbaikan:</b>            Menerusi skrip filem, surat yang disampaikan oleh Khadijah telah diubahsuai dan ditambah baik dengan menggunakan kiriman surat daripada Hayati sendiri dengan menyatakan keputusannya adalah ikhlas dari isi hatinya demi keluarganya dan adat keturunan.</p>

3) Konflik dengan masyarakat	
Pengurangan	Penambahbaikan
<p style="text-align: center;"><u>Novel</u></p> <p>“...Rupanya engkau tidak mengerti adat istiadat yang diperturun penaik sejak dari ninik yang berdua, Datuk Perpatih Nan Sebatang dan Datuk Ketemanggungan yang dibubutkan layu, yang dikisarkan mati. Meskipun ayahnya orang Batipuh, ibunya bukan orang Minangkabau, mamaknya tidak tentu entah di mana, sukunya tidak ada: Tidak ada perpatihnya, tidak ada ketemanggungannya. Kalau kita terima menjadi suami anak kemenakan kita, ke mana cucu kita berbako rumit sekali soal ini”.</p> <p style="text-align: right;">(Hamka,2015:143)</p> <p><b>Penelitian keaslian karya dalam aspek pengurangan :</b> Petikan di atas merujuk kepada peristiwa antara saudara-mara Hayati berkenaan dengan peminangan antara Zainuddin dan Aziz. Dalam perbincangan tersebut martabat Zainuddin menimbulkan unsur ketegangan sesama mereka dan termasuklah Hayati.</p>	<p style="text-align: center;"><u>Skrip Filem</u></p> <p><b>Datuk Garang :</b> Ibu kandung Zainuddin bukanlah dari Minangkabau.  <b>Saudara Hayati 1:</b> Ayahnya adalah pendekar Sutan, juga orang Minang.  <b>Datuk Garang :</b> Jangan banyak cakap, anak muda!  <b>Datuk Garang :</b> Kamu tidak faham lagi asal usul kita. Zainuddin akan memalukan kita semua!  <b>Saudara Hayati 2 :</b> Tidak baik untuk kita Menghina seseorang hanya kerana mereka berlainan adat dan etnik, kerana setiap tanah berdiri di atas tradisinya sendiri.  <b>Datuk Garang :</b> Berani kamu! Saya lebih tahu dari kamu!  <i>(Skrip Filem Terjemahan daripada Bahasa Melayu)</i></p> <p><b>Penelitian keaslian karya dalam aspek penambahbaikan :</b> Dalam skrip filem pula mempunyai aspek penambahbaikan dari segi perbualan sehari-hari masyarakat melayu Minangkabau.</p>

4) Konflik dengan nasib dan takdir	
Pengurangan	Penambahbaikan
<p style="text-align: center;"><u>Novel</u></p> <p>“..langkahkan kaki ke medan perjuangan, yang selalu meminta tentara, yang selalu kekurangan serdadu! Karamkan diri ke dalam alam, ke dalam masyarakat yang mahaluas. Di sana banyak bahagia dan ketenteraman tersimpan. Di mana-mana didirikan orang rumah-rumah sakit, penolong si sakit yang tak mampu. Di mana-mana diadakan rumah pondokan pemeliharaan orang tua-tua yang masih panjang umurnya, padahal telah lemah berusaha. Masuki itu, dengan mencampuri kerjaan itu akan teroboh kedukaan hati yang sekarang.” Di mana-mana didirikan orang perkumpulan politik atau ekonomi untuk membela kepentingan bangsa dan tanah air supaya mencapai bahagia dan hidup yang sempurna. Masuki itu, kiraikan sayap, tuangkan dan habiskan tenaga buat itu. Dengan begitu penyakit yang Guru tanggungan tentu sembuh, dan penghidupan dapat ditentukan arahnya sebelum terlambat.</p> <p style="text-align: right;">(Hamka,2015: 193)</p> <p><b>Penelitian keaslian karya dalam aspek pengurangan :</b> Petikan di atas merujuk kepada peristiwa Zainuddin yang mengenang akan nasib dan takdirnya. Hal ini Muluk sahabatnya memberi semangat dengan menggunakan bahasa-bahasa unggul. Namun, dalam adaptasi ke skrip filem unsur pengurangan dapat dilihat menerusi penggunaan bahasa yang unggul.</p>	<p style="text-align: center;"><u>Skrip Filem</u></p> <p><b>Muluk :</b><i>Kamu harus bangun dan berdiri teguh. Cuba lihat kembali dunia luas ini dan tenggelamkan diri kamu di dalamnya. Masih ada banyak lagi keceriaan dan ketenangan di dalamnya. Kamu boleh lakukan ini, dan merasai kemanisan keceriaan ini. Cinta tidak mengajar kita menjadi lemah. Sebaliknya, ia memberikan kekuatan. Cinta tidak mematahkan semangat, sebaliknya, ia memberi inspirasi. Tunjukkan kepada wanita itu bahawa kamu tidak akan mati walaupun dia meninggalkan kamu.</i></p> <p><b>Zainuddin :</b><i>Semangat?</i></p> <p><b>Muluk :</b><i>Ya, semangat. Banyak lelaki lain yang hilang dalam cinta. Dan kerana kehilangan itu, ambillah jalan lain. Serta dunia politik, menulis buku, menulis puisi, berusaha dalam hidup supaya kamu boleh sampai ke puncak yang paling tinggi.</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Skrip Filem Terjemahan daripada Bahasa Melayu)</i></p> <p><b>Penelitian keaslian karya dalam aspek penambahbaikan :</b> Berdasarkan skrip filem di atas menunjukkan penambahbaikan dari novel yang dapat dilihat dari aspek penggunaan bahasa. Hal ini kerana dalam novel menggunakan bahasa-bahasa unggul berbanding dalam skrip filem memaparkan bahasa harian yang mudah difahami oleh khalayak.</p>

KELANTAN

#### 4.2.1.4 Klimaks

Bahagian klimaks juga mengandungi unsur pengurangan dan penambahbaikan yang mengikut novel pada bab 19 hingga bab 28. Plot klimaks ini adalah konflik kemuncak yang kompleks antaranya ialah 'Klub Anak Sumatra', 'Rumah Tangga', 'Hati Zainuddin', 'Dekat, tetapi Berjauhan', 'Surat Cerai', dan 'Air Mata Penghabisan'. Pada bahagian ini mengisahkan kehidupan Zainuddin di Batavia dan Surabaya semakin dikenali ramai melalui penulisannya yang terkenal. Perkara ini turut diketahui oleh Hayati dan mulai berminat dengan penulisan 'Gubahan: Z'. Hal ini pada mulanya tidak diketahui oleh nama penulisnya. Lantaran, pada acara Kelab Anak Sumatra penulis tersebut diperkenalkan dengan atas nama Shabir iaitu Zainuddin. Dengan adanya pertemuan tersebut mereka sepasang suami isteri menjadi sahabat dengan Zainuddin. Namun begitu, mereka mengalami krisis rumah tangga sehingga terpaksa menumpang di rumah Zainuddin. Sepanjang di rumah tersebut Aziz terhutang budi terhadapnya dan memutuskan untuk mencari pekerjaan barunya serta meninggalkan Hayati untuk sementara waktu. Tidak lama kemudian, Aziz membunuh diri dan menceraikan Hayati serta menyuruh Zainuddin untuk menjaga Hayati bekas isterinya. Perkara ini menimbulkan ketegangan dalam rumah besar Zainuddin dengan mengungkit kisah silam. Hal ini Zainuddin memutuskan menyuruh Hayati pulang dan menaiki kapal Van Der Wijck. Oleh hal demikian, dalam setiap peristiwa tersebut mengandungi beberapa pengurangan dan penambahbaikan dalam adaptasi novel ke skrip filem.



Jadual 4.2.1.4: Perbandingan Aspek Pengurangan Dan Penambahbaikan Menerusi Plot Klimaks.

Plot Klimaks	
Pengurangan	Penambahbaikan
<p style="text-align: center;"><b><u>Novel</u></b></p> <p><i>“Duduklah!” kata Zainuddin. Hayati pun duduklah di sebuah kursi berhadapan-hadapan dengan Zainuddin, muka perempuan muda itu muram saja kelihatan. “Adakah surat dari suamiku?” tanya Hayati. “Ada!”. “Saya pun menerima pula, inilah dia,” katanya lalu diberikannya surat itu ke tangan Zainuddin. Lama sekali kamar itu hening saja, tak sepetah perkataan pun yang keluar dari mulut kedua anak muda itu. Akhirnya barulah Hayati berkata, “Apa akal saya lagi, Engku Zainuddin?” “Ya apakah akal kita lagi?” tanyanya pula sambil menggeleng-gelengkan kepala. “Saya berterus terang kepadamu, saya akan panggilkan kembali namamu sebagaimana dahulu pernah saya panggilkan, Zainuddin! saya akan sudi menanggungkan segenap cobaan yang menimpa diriku itu, asal engkau sudi memaafkan segenap kesalahanku” .Pucat Zainuddin mendengarkan perkataan itu. tiba-tiba diangkatnya kepalanya dan dilihatnya Hayati dengan mata yang gagah, “Maaf? Kau regas, segenap pucuk pengharapanku kau patahkan, kau minta maaf?”.</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Hamka,2015:255-256)</i></p> <p><b>Penelitian keaslian karya dalam aspek pengurangan :</b> Menerusi petikan di atas dapat dilihat aspek pengurangan melalui perbualan mereka mengenai surat yang diberikan oleh Aziz dan suasana yang disampaikan dalam novel iaitu di ruangan bilik penulisan Zainuddin.</p>	<p style="text-align: center;"><b><u>Skrip Filem</u></b></p> <p><b>Zainuddin</b> :Duduklah!.</p> <p><b>Hayati</b> :Sudah masuk sebulan saya tinggal di rumah kamu semenjak Aziz meninggal dunia. Apalah lagi jalan yang saya ada, Zainuddin?</p> <p><b>Zainuddin</b> :Benar. Apa lagi jalan yang kita ada?</p> <p><b>Hayati</b> :Saya tidak akan bercakap bohong. Saya akan berterus terang dengan kamu. Saya berharap untuk memanggil kamu sepertimana saya memanggil kamu dahulu, memanggil namamu Zainuddin. Saya sanggup menanggung semua ujian yang telah menimpa saya. Asalkan kamu sanggup memaafkan semua kesalahan saya.</p> <p><b>Zainuddin</b> :Maaf? Kamu telah menghancurkan semua harapanku, hancur berkecai dan kamu meminta untuk dimaafkan.</p> <p style="text-align: right;"><i>(Skrip Filem Terjemahan daripada Bahasa Melayu)</i></p> <p><b>Penelitian keaslian karya dalam aspek penambahbaikan :</b> Dalam skrip filem juga menunjukkan aspek penambahbaikan dari segi perbualan mereka mengenai tempoh masa Hayati yang masih tinggal di dalam rumah Zainuddin. Kemudian, suasana yang disampaikan di ruangan luar dimana Zainuddin sedang berehat dan meminum kopi.</p>

#### 4.2.1.5 Plot Peleraian

Plot peleraian dari aspek pengurangan dan penambahbaikan menerusi novel iaitu bab 25 hingga bab 29 dalam adaptasi novel ke skrip filem. Perkara ini terdapat pada peristiwa-peristiwa ‘Pulang’, ‘Surat Hayati yang Penghabisan’, ‘Sepeninggal Hayati’ dan ‘Penutup’. Bahagian ini mengisahkan kehidupan masyarakat melayu yang mengalami unsur ketegangan. Perkara ini yang jelas terlihat setelah pada peristiwa Pulang iaitu setelah Hayati yang melepaskan segala isi hatinya terhadap Zainuddin. Lantaran, ditolak oleh Zainuddin kerana masih merasakan dikhianati sehingga menyuruh Hayati untuk pulang ke tanah asalnya iaitu Batipuh, Minangkabau yang kaya dengan adat dan keturunan. Dalam hal ini, Zainuddin membeli tiket untuk Hayati dengan menaiki kapal yang sangat terkenal ketika itu iaitu Kapal Van Der Wijck. Walau bagaimanapun, kemalangan terjadi yang menyebabkan Hayati sakit tenat dan meninggal dunia di tempat kejadian. Muluk menyampaikan surat daripada Hayati yang masih berharap akan kedatangan Zainuddin di Batipuh untuk menyambutnya. Akan tetapi riwayat hidup Hayati tidaklah panjang yang membuat Zainuddin mengalami kesedihan sehingga jatuh pingsan. Oleh hal demikian, terdapat peristiwa yang mempunyai aspek pengurangan dan penambahbaikan. Menerusi novel Zainuddin akan meninggal dunia namun setelah diadaptasi Zainuddin meneruskan hidupnya yang beranggapan kekasihnya masih hidup melalui karya barunya iaitu *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*.

Jadual 4.2.1.5: Perbandingan Aspek Pengurangan Dan Penambahbaikan Menerusi Plot Peleraian

Plot Peleraian	
Pengurangan	Penambahbaikan
<p style="text-align: center;"><b><u>Novel</u></b></p> <p>Petikan 1:  <i>Dengan takafur, Zainuddin berdiri di dekat tempat tidur itu bersama Muluk, menunggu si sakit bangun dari pengsanannya sejak tengah hari tadi, belum juga terbangun. Sedang mereka termenung melihatkan itu, mendekatlah seorang jururawat perempuan kepada kedua orang itu, sambil berkata. “Agaknya Tuan yang bernama Zainuddin, bukan?” “Ya, di mana nona tahu?” tanya Zainuddin pula. “Ketika perempuan ini dibawa kemari, kepalanya yang berdarah diikatnya dengan selendangnya sendiri, ketika menukar selendang itu dengan perban, telah dapat dikeluarkan dari dalam gulungannya sebuah gambar, yang di bawahnya ada tertulis tanda tangan Tuan Zainuddin.</i>  <i>(Hamka,2015:279)</i></p> <p><b>Penelitian keaslian karya dalam aspek pengurangan :</b></p> <p>Petikan di atas menunjukkan aspek pengurangan melalui tindakan jururawat terhadap hayati. Perkara ini jururawat tersebut menceritakan bagaimana dia mengenali Tuan Zainuddin melalui gambar yang di bawah oleh Hayati.</p>	<p style="text-align: center;"><b><u>Skrip Filem</u></b></p> <p>Skrip Filem 1:  <i>Setelah sampai di Hospital Tuban. Zainuddin dan Muluk mencari Hayati.</i>  <b>Zainuddin</b> :Bang Muluk, Tolong cari Hayati  <b>Muluk</b> :Ya  <b>Zainuddin</b> :Hayati! Jururawat, ke manakah mangsa Kapal Van Der Wijck dibawa?  <b>Jururawat</b> :Semua pesakit ada di tingkat atas dan pesakit yang baru tiba ada di dewan.  <b>Zainuddin</b> :Terima Kasih. Muluk. Di dalam Muluk! (Menunjuk ke ruang bilik Tepat bersebelahan tempat Muluk berdiri).  <b>Muluk</b> :Zainuddin, Zainuddin! Hayati!  <b>Zainuddin</b> :Hayati</p> <p style="text-align: right;"><i>(Skrip Filem Terjemahan daripada Bahasa Melayu)</i></p> <p><b>Penelitian keaslian karya dalam aspek penambahbaikan :</b></p> <p>Skrip filem menunjukkan aspek penambahbaikan dari segi pencarian Hayati di muka umum di Hospital wilayah Tuban. Hayati dijumpai oleh Muluk.</p>

**Petikan 2:**

“Dia telah kukuburkan di dekat pusara orang yang menjadi angan-angannya selama hidupnya. Dan seketika hidupnya, kubur itu senantiasa dibelai dan diperbaikinya. Ke sana selalu dia zaiarah di waktu hari baik bulan purnama, dan ke sana dia kerap kali bermenung. Di sana dia kukuburkan, karena di sana baru hatiku puas. Supaya kuburan dua sesaing itu dapat menjadi lukisan tamsil dan ibarat bagi orang yang datang kemudian”.Sekian cerita Muluk. “Demikianlah penghabisan kehidupan orang besar itu. seorang di antara pembina yang menegakkan batu permata dari kemuliaan bangsanya; yang hidup didesak dan dilamun oleh cinta. Dan sampai matinya pun dalam penuh cinta. Tetapi sungguhpun dia meninggal, namun riwayat tanah air tidaklah akan dapat melupakan jasanya. Karena demikian nasib tiap-tiap orang yang bercita-cita tinggi; kesenangannya buat orang lain. Buat dirinya sendiri tidak. Sesudah itu menutup mata, barulah orang akan insaf siapa sebetulnya dia....”.

(Hamka,2015: 290)

**Penelitian keaslian karya dalam aspek pengurangan :**

Menerusi petikan di atas, aspek pengurangan yang dapat dilihat adalah kehidupan pada penghujung cerita juga akan meninggal dunia Zainuddin.

**Skrip Filem 2:**

Zainuddin menganggap Hayati masih hidup melalui karyanya “Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck’

**Zainuddin** :Hayati masih hidup, Muluk. Dia masih hidup.

**Muluk** :Zainuddin, sudahlah hidup dalam kemurungan yang berlalu biarkanlah berlalu. Berhentilah bersedih dan meratap mengenang Hayati. Dia sudah tenang di sana.

**Zainuddin** :Hayati masih hidup, Muluk. Di sini. Dia masih hidup di setiap muka surat.

**Zainuddin** :Buku terbaru saya. Melalui kisah saya dan Hayati dalam buku ini. Semoga dibaca oleh ramai orang dan tercapailah kemuliaan orang-orang di sini. Dan juga perpaduan di tanah air. Semua rasa kebencian dan perbezaan dihapuskan. Kesedaran mengenai kebenaran dan kebahagiaan.

(Skrip Filem Terjemahan daripada Bahasa Melayu)

**Penelitian keaslian karya dalam aspek penambahbaikan :**

Pada skrip filem, penambahbaikan yang dijalankan adalah watak Zainuddin yang ingin meneruskan hidup dengan dunia penulisannya dan menganggap bahawa Hayati masih Hidup. Serta menjadikan kisahnya sebagai contoh masyarakat yang sepatutnya mempunyai hak kesamarataan yang sepatutnya dari pelbagai kelas.

#### 4.2.2 Latar

Latar merujuk kepada peristiwa manusia yang berlaku pada cerita yang disampaikan. Latar berperanan mengembangkan idea pengkarya dengan menghasilkan tema, persoalan, plot, watak dan perwatakan. Sehubungan dengan itu, latar juga merujuk kepada visual geografi, topografi, pemandangan, bangunan, peralatan, fungsi watak, waktu dan lainnya. Oleh itu terdapat dua jenis latar yang dijadikan tumpuan dalam kajian ini iaitu latar tempat dan masyarakat berdasarkan keaslian karya yang telah diadaptasi. Perkara ini dilihat melalui aspek pengurangan dan penambahbaikan adaptasi novel ke skrip filem pada karya *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*.

Jadual 4.2.2: Penerangan Latar Tempat Dan Latar Masyarakat.

Jenis Latar	Huraian
Latar Tempat	Tempat berlakunya sesuatu peristiwa dalam karya sastera. Perkara ini dijadikan sebagai media kepada pelaku bagi menimbulkan kesan penghayatan yang bersesuaian.
Latar Masyarakat	Gambaran kehidupan masyarakat yang dipaparkan di dalam karya.

#### 4.2.2.1 Latar Tempat

Menerusi latar tempat dalam adaptasi novel ke skrip filem terdapat aspek pengurangan dan penambahbaikan bagi setiap peristiwa yang dipersembahkan. Setiap latar tempat mengambil peranan dalam menghidupkan lagi suasana dan peranan pelakunya. Perkara tersebut latar tempat adalah visual mahupun geografi yang penting dan kompleks dalam setiap peristiwa yang disampaikan. Namun begitu, kajian ini memberi tumpuan kepada peristiwa yang mempunyai unsur pengurangan dan penambahbaikan dalam adaptasi novel ke skrip filem. Oleh demikian, latar tempat merujuk kepada latar Batipuh Minangkabau, rumah Muluk di Padang dan Rumah Zainuddin di Surabaya. Berikut merupakan jadual latar tempat yang menerangkan perbandingan dari segi pengurangan dan penambahbaikan:-

Jadual 4.2.2.1: Perbandingan Latar Tempat Menerusi Adaptasi Novel Ke Skrip Filem

Latar Tempat		Penelitian keaslian Karya (Pengurangan & Penambahbaikan)
Batipuh, Minangkabau	Padang adalah sebuah kota berhampiran di pergunungan dan mempunyai keindahan alam yang dijadikan sebagai latar daripada beberapa peristiwa.	Penelitian pengurangan tersebut menerusi kehidupan Pendekar Sutan yang telah dan ditambahbaik melalui penerangan asal-usul Zainuddin secara ringkas.
Rumah Muluk di Padang	Merupakan tempat Zainuddin menumpang sepanjang di Padang.	Aspek pengurangan yang diperoleh daripada peristiwa Zainuddin yang berada dalam kesedihan yang menyebabkan beberapa peristiwa yang telah ditambahbaik.
Rumah Zainuddin di Surabaya	Suatu bangunan yang menjadi tempat dalam setiap peristiwa antara Zainuddin, Hayati, Aziz dan Muluk yang memainkan peranan dalam menghidupkan suasana pada karya.	Pengurangan dalam latar tersebut dapat dilihat pada peristiwa perbualan antara Zainuddin dan Hayati setelah Aziz meninggal dunia. Menerusi novel latar tempat tersebut berada di penulisannya dan diubahsuai di ruangan tamu rumahnya.

#### 4.2.2.2 Latar Masyarakat

Pada bahagian latar masyarakat yang berpandukan interaksi sosial, budaya, ekonomi dalam sesebuah karya yang disampaikan. Perkara ini meliputi kehidupan masyarakat seperti nilai-nilai, norma, kedudukan sosial, dan perubahan yang mempengaruhi kehidupan masyarakat di sekeliling. Dengan itu, latar masyarakat merupakan media terpenting bagi mempengaruhi tema dan plot pada karya yang dihasilkan. Berdasarkan kajian ini pengkaji membataskan latar masyarakat yang memiliki aspek pengurangan dan penambahbaikan dalam proses adaptasi novel ke skrip filem. Hal demikian, dapat dilihat pada latar masyarakat ‘Ekor Lubuk’, ‘pemandangan di dusun’, dan ‘Hospital Wilayah Tuban’. Berikut merupakan jadual latar masyarakat yang menerangkan perbandingan dari segi pengurangan dan penambahbaikan:-

Jadual 4.2.2.2 : Perbandingan Latar Masyarakat Menerusi Adaptasi Novel Ke Skrip Filem

Latar Masyarakat		Penelitian keaslian Karya (Pengurangan & Penambahbaikan)
Ekor Lubuk	Latar masyarakat yang memperlihatkan peristiwa pertemuan antara Zainuddin dan Hayati yang pertama kali sewaktu hujan lebat.	Pengurangan dalam latar tersebut diperoleh daripada peristiwa pertemuan pertama Zainuddin terhadap Hayati kerana beberapa adegan visual dalam gambaran novel telah dikurangkan. Perkara ini telah ditambahbaik dengan adanya peristiwa baru dengan adanya watak tambahan iaitu Banun tema Hayati.
Pemandangan di Dusun	Latar masyarakat di dusun menunjukkan bagaimana masyarakat menjalankan aktiviti harian mereka dalam mencucuk tanam di Batipuh dan Padang.	Pengurangan pemandangan di dusun juga terdapat dalam gambaran novel menerusi peristiwa Pendekar Sutan yang dikurangkan. Hal ini ditambahbaik dengan peristiwa baharu iaitu kehidupan anaknya Zainuddin.
Hospital Wilayah Tuban	Hospital wilayah Tuban menunjukkan latar tempat dimana mangsa-mangsa yang tenggelam di Kapal Van Der Wijck	Pengurangan dalam latar tersebut terdapat peristiwa perbualan antara Jururawat dan Zainuddin mengenai Hayati. Namun, peristiwa tersebut ditambahbaik yang ada pada perbualan antara Muluk dan Zainuddin yang sibuk mencari Hayati yang terlantar di Hospital wilayah Tuban akibat tragis tenggelamnya Kapal Van Der Wijck.

### 4.2.3 Bahasa

Bahasa adalah sistem lambang yang diaplikasikan pada karya bagi menimbulkan unsur bunyi yang indah. Dalam perkara ini adalah suatu penggunaan dalam aspek pemilihan perkataan sama ada mudah, tepat, dan berkesan. Sehubungan dengan itu, penggunaan bahasa dari segi bahasa daerah yang digunakan oleh pengkarya sendiri. Hal ini merujuk kepada penggunaan ayat sama ada panjang, pendek dan sederhana. Karya yang dipilih ini mengandungi pelbagai penggunaan bahasa bagi menimbulkan kesan penghayatan kepada khalayak yang terbahagi kepada daripada bahasa ibunda dan gaya bahasa. Dari segi bahasa ibunda Minangkabau merupakan penggunaan bahasa dalam sehari-hari bagi masyarakat melayu yang mereka didiami. Manakala, bagi gaya bahasa pula mengandungi unsur-unsur keindahan seperti metafora, personifikasi, hiperbola, perulangan, perlambangan dan peribahasa yang disampaikan oleh penulis. Dalam hal ini, bahasa turut memaparkan sosiobudaya yang menimbulkan peristiwa-peristiwa sama ada bentuk positif mahupun negatif dalam kehidupan menurut pandangan penulis. Penggunaan bahasa ini mempunyai konteks yang kompleks bagi menimbulkan keunggulan pada karya yang dihasilkan. Oleh hal demikian, terdapat pengurangan dan penambahbaikan dalam unsur keindahan gaya bahasa yang telah diadaptasi dalam novel ke skrip filem iaitu karya *Tenggelamnya Kapal van Der Wijck*. Perkara ini mempengaruhi pertuturan yang menimbulkan emosi pada karya yang disampaikan. Dengan itu, Hamka memvariasikan penggunaan bahasa yang berstruktur agar khalayak terhubung dengan penerapan emosi dalam peristiwa disampaikan.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN



#### 4.2.3.1 Bahasa Ibunda

Bahasa ibunda merupakan suatu penggunaan bahasa masyarakat melayu yang baku yang dicampurkan dengan bahasa Minangkabau. Dalam erti kata lain, bahasa ibunda adalah penggunaan bahasa sehari-hari oleh individu tersebut dalam sesebuah komuniti. Berdasarkan kajian ini melalui bahasa ibunda yang kerap ditunjukkan dalam adaptasi novel ke skrip filem adalah *'Uda'* dan *'Engku'*. Bahasa ibunda *'Uda'* dan *'Engku'* merupakan panggilan masyarakat kepada individu yang lain bagi menghormati sesama mereka. Dalam konteks ini mengandungi penelitian keaslian karya yang telah diadaptasi menerusi aspek pengurangan dan penambahbaikan. Aspek pengurangan ini dapat dilihat dalam novel yang hanya mengaplikasikan panggilan tersebut dengan menggunakan panggilan nama sahaja. Namun, bahasa ibunda ke dua tersebut telah ditambahbaik dalam skrip filem dengan menggunakan bahasa sehari-hari pada masa kini mahupun bahasa baku bagi masyarakat melayu khususnya suku Minangkabau.

Jadual 4.2.3.1: Perbandingan Bahasa Ibunda Minangkabau Menerusi Adaptasi Dari Novel Ke Skrip Filem

Bahasa Ibunda		Penelitian keaslian karya (Pengurangan & Penambahbaikan)
Uda	Perkataan <i>'Uda'</i> adalah panggilan bagi abang daripada adik perempuan mahupun orang terdekat.	Panggilan dalam perkataan <i>'Uda'</i> dalam novel tidak diangkat oleh penulis namun hanya menggunakan nama pada watak tersebut. Namun, dalam penelitian pada skrip filem telah ditambahbaik dengan menggunakan perkataan <i>'Uda'</i> sebagai panggilan abang mahupun orang terdekat. Hal ini menunjukkan watak Khadijah dan Hayati memberi gelaran Aziz adalah <i>'Uda'</i> Aziz sebagai tanda hormat kepada orang yang lebih tua dari mereka.

Engku	'Engku' merupakan gelaran golongan masyarakat Melayu. Perkara ini adalah suatu bentuk penghormatan dan kehormatan terhadap individu tersebut.	Panggilan ' <i>Engku</i> ' dalam novel tidak digunakan yang hanya menggunakan nama sebagai tanda hormat bagi setiap individu. Namun, telah diubahsuai dan ditambahbaik dengan menggunakan perkataan ' <i>Engku</i> ' pada skrip filem. Buktinya, terdapat perbualan Hayati, Muluk, Khadijah dan lainnya dengan memanggil sesama mereka adalah ' <i>Engku</i> '. Sebagai contoh, <i>Engku</i> Zainuddin, <i>Engku</i> Khadijah. <i>Engku</i> Muluk dan sebagainya.
-------	---	---

#### 4.2.3.2 Gaya Bahasa

Gaya bahasa adalah penggunaan frasa dan struktur kalimat yang menimbulkan unsur-unsur keindahan dalam suatu pertuturan. Berdasarkan kajian yang dijalankan pengkaji mengenal pasti perbandingan gaya bahasa dalam adaptasi novel ke skrip filem melalui karya yang dipilih. Dengan itu, dalam kajian ini hanya membincangkan gaya bahasa yang berbentuk Sinis atau Ironi, Simile, dan paradoks sahaja. Hal demikian, perbandingan tersebut dapat dilihat menerusi aspek pengurangan dan penambahbaikan.

Jadual 4.2.3.2: Perbandingan Gaya Bahasa Menerusi Adaptasi Novel Ke Skrip Filem

Gaya Bahasa		Penelitian keaslian karya (Pengurangan & Penambahbaikan)
<p><b>Sinis/Ironi</b></p>	<p>Penggunaan gaya bahasa yang berbentuk sindiran dengan menyatakan sesuatu namun mempunyai makna yang lain.</p> <p><b>Contoh petikan dalam novel:</b>  <i>“Siapakah di antara kita yang kejam? Bukankah kau telah berjanji, seketika saya diusir ninik mamakmu, sebab saya tak tentu asal, orang hina dina, tidak tulen Minangkabau. Ketika itu kau hantarkan daku ke simpang jalan. Kau berjanji akan menunggu kedatanganku, meskipun akan berapa tahun lamanya. Tetapi kemudian kau beroleh ganti yang lebih gagah, kaya raya, berbangsa beradat, berlembaga berketurunan.”</i>  <i>(Hamka, 2015: 256-257)</i></p> <p><b>Contoh petikan dalam skrip filem:</b>  <b>Zainuddin:</b> <i>Sudahkah kamu lupa siapa yang kejam di antara kita? Bukankah kamu telah berjanji semasa saya dibenci oleh semua orang kerana asal usul saya tidak pasti, mempunyai martabat yang rendah, bukan orang Minangkabau! kamu mengucapkan selamat tinggal kepada saya di bahu jalan. Kamu berjanji untuk menunggu saya, tidak kira berapa lama. Tetapi kemudian kamu pergi kepada lelaki yang lebih kaya, dan asal usul yang baik! Kau mengahwini dia.</i>  <i>(Skrip Filem Terjemahan daripada Bahasa Melayu)</i></p>	<p>Pengurangan yang diaplikasikan pada gaya tersebut adalah terdapat beberapa perkataan yang dikurangkan. Hal ini telah ditambahbaik dengan menggunakan bahasa yang mudah yang dipertuturkan dalam sehari-hari oleh masyarakat yang terdapat di Minangkabau Indonesia. Sebagai contoh, <i>‘Ketika itu kau hantarkan daku ke simpang jalan.’</i> Perkara ini merupakan bahasa baku bagi masyarakat melayu manakala dalam skrip filem telah diadaptasi dengan penggunaan bahasa iaitu <i>‘kamu mengucapkan selamat tinggal kepada saya di bahu jalan’</i>. Jelaslah bahawa dalam gaya bahasa Ironi atau sinis juga mempunyai aspek pengurangan dan penambahbaikan.</p>

<p><b>Simile</b></p>	<p>Kiasan bahasa dengan membandingkan dua perkara yang berbeza namun mempunyai persamaan.</p> <p><b>Contoh petikan dalam novel:</b>  <i>“Ruas bertemu dengan buku, bagai janggut pulang ke dagu, sama berbangsa keduanya, satu bulan satu matahari”</i>  <i>(Hamka,2015: 141)</i></p> <p><b>Contoh petikan dalam skrip filem:</b>  <i>Ibu Aziz :Dia cantik, rendah diri dan juga sopan. Dia akan jadi isteri terbaik untuk kamu.</i>  <i>(Skrip Filem Terjemahan daripada Bahasa Melayu)</i></p>	<p>Penggunaan gaya bahasa simile telah diangkat dalam novel bagi menimbulkan kesan penghayatan terhadap khalayak. Namun, telah dikurangkan dalam ditambahbaik dalam skrip filem dengan menggunakan bahasa yang mudah difahami. Jelaslah bahasa gaya bahasa simile turut dikurangkan. Gaya bahasa Simile ini turut memperlihatkan sosiobudaya masyarakat Minangkabau dalam kelas sosial darjat.</p>
<p><b>Paradoks</b></p>	<p>Suatu kiasan yang bertentangan dengan kata-kata dalam suasana yang berlawanan.</p> <p><b>Contoh petikan dalam novel:</b>  <i>“Sayalah yang mengambil putusan yang tetap buat bersuami di; lawan saya musyawarat ialah hati saya sendiri, sehingga saya terima tawaran ninik mamak saya.”</i>  <i>(Hamka,2015: 177)</i></p> <p><b>Contoh petikan dalam skrip filem:</b>  <i>Hayati :Saya yang telah membuat keputusan untuk menerima Aziz sebagai suami saya. Lawan saya adalah hati saya sendiri, jadi saya telah menerima keputusan dari saudara-mara saya.</i>  <i>(Skrip Filem Terjemahan daripada Bahasa Melayu)</i></p>	<p>Pengurangan yang dalam gaya bahasa paradoks dapat dilihat pada bahasa ibunda atau disebut bahasa yang mendalam. Kemudian, diubahsuai dalam skrip filem menjadi bahasa yang mudah. Perkara ini dapat dilihat pada petikan novel ‘<i>lawan saya musyawarat ialah hati saya sendiri, sehingga saya terima tawaran nini mamak saya</i>’ manakala dalam skrip filem ‘<i>Lawan saya adalah hati saya sendiri, jadi saya telah menerima keputusan dari saudara-mara saya</i>’. Jelaslah dalam gaya bahasa paradoks turut mengandungi unsur pengurangan dan penambahbaikan. Hal demikian, penulis pada karya ini menunjukkan sosiobudaya masyarakat dalam kelas sosial feminisme.</p>

#### **4.3 Kelas-kelas sosial yang menimbulkan konflik dalam adaptasi novel ke skrip filem iaitu karya *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* berdasarkan teori Sosiologi Karl Marx.**

Kelas sosial merupakan golongan masyarakat yang terdiri daripada dua kumpulan. Karl Marx (1818-1883) berpandangan setiap golongan ingin mempertahankan kepentingan sendiri yang spesifik serta ingin memperjuangkannya. Pramoedya Ananta Toer (1947-2014) turut berpandangan kelas sosial merujuk kepada kedudukan manusia yang terdiri daripada perbezaan kelas. Perbezaan tersebut berlakunya beberapa peristiwa yang menimbulkan unsur-unsur ketegangan dan persengketaan demi mempertahankan kepentingan hak masing-masing. Oleh hal demikian, kajian ini membincangkan kelas-kelas sosial yang terdiri daripada adat tradisi, darjat, pendidikan, feminisme, dan gaya hidup masyarakat yang menimbulkan unsur konflik. Penelitian ini berdasarkan teori Sosiologi Karl Marx dalam adaptasi novel ke skrip filem karya *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*.

### 4.3.1 Adat Tradisi

Adat tradisi merupakan adat resam yang diperturunkan dari setiap generasi. Perkara ini dapat dilihat pada karya Hamka dengan mengkritik adat tradisi Minangkabau kerana lebih mempercayai beberapa pantang larang yang harus dijaga oleh masyarakat Melayu ketika itu. Dengan adanya kepercayaan adat tradisi maka wujudnya kelas sosial yang melibatkan hak ketidaksamarataan dalam perwarisan harta, garis keturunan serta pasangan hidup dalam sesuatu masyarakat. Perbezaan ini menimbulkan peristiwa ketegangan kerana terdapat beberapa pihak untuk memperjuangkan kepentingan masing-masing bagi mencapai yang sepatutnya diinginkan.

Perkara ini terbukti dalam kehidupan Zainuddin yang dianggap sebagai seorang pendatang asing dari Batipuh, Minangkabau meskipun ayahnya adalah orang Minangkabau. Hal ini terjadi kerana mempunyai keturunan campuran iaitu ‘Anak Pisang’ ibunya Daeng Habibah bukan berketurunan Minangkabau yang berasal dari Mengkasar. Manakala Ayahnya Pendekar Sutan yang diusir daripada tanah kelahirannya sendiri. Dalam hal ini menimbulkan konflik antara Zainuddin dan Hayati kerana perbezaan keturunan sehingga hubungan mereka tidak dipersetujui oleh bapa saudara Hayati sendiri iaitu Datuk Garang dan juga merupakan ketua kampung di Batipuh, Minangkabau.

Dalam penelitian teori Sosiologi Karl Marx (1818-1883) memperlihatkan kelas sosial yang mempunyai hubungan pengasingan kelas yang jelas terlihat pada kehidupan masyarakat melayu Minangkabau yang penuh dengan kepercayaan. ‘*Adat masih berdiri dengan kuat, tak boleh lapuk oleh hujan, tak boleh lekang oleh panas*’. Penggunaan bahasa tersebut digunakan oleh Hamka bagi mengukuhkan lagi bahawa adat tradisi adalah suatu lambang bagi mereka agar tidak melanggar hukum suatu ketika dahulu. Hal ini kerana menerusi pandangan dan pengalaman oleh Hamka sendiri bahawa masyarakat pada ketika itu lebih mengutamakan adat dan tradisi sebagai indentiti pada kaum tersebut. Jelaslah kelas sosial melalui adat dan tradisi adalah salah satu punca yang menimbulkan konflik sehingga berlakunya golongan ditindas dan memerintah.

Jadual 4.3.1: Kelas Sosial Melalui Adat Tradisi Yang Menimbulkan Konflik

Kelas Sosial: Adat Tradisi	
<p><b><u>Contoh Petikan Novel</u></b></p> <p>Petikan 1:</p> <p><i>“Hai Upik, baru kemarin kau memakan garam dunia, kau belum tahu belit-belitnya. Bukanlah kau sembarang orang, bukan tampan Zainuddin itu jodohmu. Orang yang begitu tak dapat untuk menggantungkan hidupmu, pemenuh, pehiba hati, dan kadang-kadang panjang angan-angan. Di zaman sekarang haruslah suami penumpangkan hidup itu seorang yang tentu pencaharian, tertentu asal usul. Jika perkahwinan dengan orang yang demikian langsung, dan engkau beroleh anak, ke manakah anak itu akan berbako? Tidakkah engkau tahu bahwa Gunung Merapi masih tegak dengan teguhnya? Adat masih berdiri dengan kuat, tak boleh lapuk oleh hujan, tak boleh lekang oleh panas?”</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Hamka, 2015: 71-72)</i></p>	<p><b><u>Penelitian konflik berdasarkan teori Sosiologi Kar Marx</u></b></p> <p>Masyarakat Melayu Minangkabau hidup dengan adat dan tradisi sehingga mementingkan keturunan terhadap generasi penerus dalam perwarisan harta. Dalam hal ini munculnya konflik antara golongan yang tidak mempunyai garis keturunan dan golongan yang mempunyai keturunan. Perkara dapat dilihat pada watak Hayati dan Zainuddin.</p>
<p><b><u>Contoh Skrip Filem</u></b></p> <p><b><i>Datuk Garang</i></b> :<i>Tidakkah kau tahu? Gunung Merapi masih tersergam indah. Adat kita masih kekal utuh? Adat masih berdiri dengan kuat, tidak lapuk dek hujan, tidak lekang dek panas.</i></p> <p><b><i>Hayati</i></b> :<i>Zainuddin berhajat untuk mengikut laluan yang benar, Dia ingin meminang saya.</i></p> <p><b><i>Datuk Garang</i></b> :<i>Tidak boleh, Ati! Orang seperti dia tidak boleh diharapkan sebagai tempat bergantung dalam hidup. Pada waktu ketika ini, seorang lelaki perlu ada keturunan yang baik. Dia perlu ada mata pencarian. Dia mesti boleh menanggung kamu. Kalau kau berkahwin dengan Zainuddin dan ada anak nanti, siapa yang akan mereka cari nanti di antara saudara sebelah ayah mereka?</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Skrip Filem Terjemahan daripada Bahasa Melayu)</i></p>	

### 4.3.2 Darjat

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2015), pengertian darjat adalah taraf kedudukan manusia yang mempengaruhi aspek martabat mahupun pangkat dalam sesebuah masyarakat. Dalam hal ini penulis karya ini membentuk jalan penceritaan yang melibatkan martabat setiap individu bagi menghidupi kesan penghayatan pada karya yang disampaikan. Perbezaan martabat dalam setiap individu turut melahirkan konflik yang melibatkan unsur kekayaan, kemiskinan, penindasan, kesedihan, bongkah dan sebagainya.

Perkara ini dapat dilihat dalam watak Zainuddin dan watak Aziz yang mempunyai darjat yang berbeza dari segi keturunan, pangkat dan personaliti dalam diri mereka yang tersendiri. Dari sudut Zainuddin, pada mulanya seorang yang miskin dan tidak mempunyai keturunan yang jelas kerana dianggap 'Anak pisang' iaitu keturunan campuran. Walaubagaimanapun, personaliti Zainuddin adalah seorang anak yang taat dengan ilmu agama, berbudi pekerti, dan menghormati orang lebih tua dan kaum wanita. Berbanding dengan Aziz seorang yang berketurunan Minangkabau yang kaya dan dipandang tinggi oleh masyarakat. Kemudian, sifat dalam diri Aziz adalah seorang kaya raya, penjudi, dan pengganggu rumah tangga orang. Rentetan daripada itu, mengikut kepercayaan masyarakat Melayu Minangkabau Aziz mempunyai keturunan dan dipersetujui untuk menjadikan Hayati sebagai isterinya. Berlawanan pula dengan Zainuddin yang ditolak lamarannya dan dihina oleh suku kaum yang beradat.

Melalui penelitian teori Sosiologi Karl Marx (1818-1883) pengasingan kelas dalam konteks darjat adalah salah satu sosialisasi manusia yang menimbulkan konflik yang ingin memperjuangkan hak yang sewajarnya dimiliki. Dengan itu, budaya masyarakat yang lebih mementingkan darjat maka timbul pengaruh sosial menimbulkan unsur konflik antara kelas sosial yang berlainan. Perkara ini berpengaruh melalui pewarisan harta oleh setiap individu sama ada memperoleh golongan atasan mahupun golongan bawahan. Perkara ini merujuk kepada penelitian karya Hamka iaitu *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* beliau mengutarakan struktur sosial yang melibatkan beberapa norma kehidupan manusia yang berbeza. Perkara ini menunjukkan dalam watak antara Aziz dan Zainuddin yang digambarkan watak seorang yang mempunyai darjat yang tinggi dan begitu sebaliknya. Oleh demikian, kelas sosial melalui darjat turut



menimbulkan peristiwa-peristiwa konflik yang dijadikan plot dalam karya yang disampaikan bagi menarik perhatian khalayak serta menunjukkan nilai pendidikan.

Jadual 4.3.2: Kelas Sosial Melalui Darjat Yang Menimbulkan Konflik

Kelas Sosial: Darjat	
<p><b><u>Contoh Petikan Novel</u></b></p> <p><b><u>Zainuddin</u></b>  <i>“Ayahku telah mati, dan ibuku demikian pula. Bakoku tak mengakui aku keluarganya. Di Mengkasar hanya tinggal seorang ibu angkat. Dalam pergaulan, saya disisihkan orang. Saya tak hendak membunuh diri, karena masih ada pergantungan iman dengan Yang Mahakuasa dan Gaib, Bahwa di balik kesukaran ada menunggu kemudahan.”</i>  <i>(Hamka,2015: 45)</i></p>	<p><b>Penelitian konflik berdasarkan teori Sosiologi Karl Marx</b></p> <p>Penelitian konflik dalam konteks darjat dapat dilihat pada struktur sosial yang melibatkan beberapa norma kehidupan manusia. Perkara ini berpengaruh dalam garis keturunan individu yang sama ada memperoleh golongan atasan mahupun bawahan. Buktinya, terdapat pada watak antara Zainuddin dan Aziz yang mempunyai darjat yang berbeza. Di mana perwatakan Zainuddin seorang yang lahir dari kecil mengalami nasib yang malang, bertentangan dengan kehidupan Aziz.</p>
<p><b><u>Contoh Skrip Filem</u></b></p> <p><b><u>Aziz</u></b>  <i>Muluk :Aziz dari Padang Panjang. Penjudi mana yang tidak kenal dengan dia? Ibu bapanya sangat dihormati kerana bekerja dengan orang Belanda. Begitu juga Aziz. Dia suka berjudi. Pemusnah rumah tangga.</i>  <i>(Skrip Filem Terjemahan daripada Bahasa Melayu)</i></p>	

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

### 4.3.3 Pendidikan

Istilah pendidikan berasal daripada kata dasar *didik* iaitu suatu proses pengajaran dan pembelajaran. Perkara ini bermula dari kosong sehingga memperoleh kepakaran dan pengetahuan yang cemerlang. Dalam erti kata lain, pendidikan adalah proses organisasi manusia yang berstruktur bagi tujuan untuk membentuk pengetahuan, nilai dan budaya dari satu generasi ke generasi. Perkara ini juga merangkumi pengajaran dan pembelajaran dalam pelbagai peringkat iaitu dari sekolah dasar hingga ke tingkat tertinggi. Tujuan ini agar keterampilan intelektual, emosional, sosial dan fizik seseorang membantu dalam berfikir lebih efektif dan kritis serta bertanggungjawab. Dengan itu, pendidikan berpeluang dalam mengembangkan potensi diri dan menyumbang pada perkembangan masyarakat secara keseluruhan.

Berdasarkan karya *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* terdapat pada watak Aziz yang mempunyai status sosial yang stabil dengan mempunyai kehormatan, pendidikan yang tersohor dalam karya tersebut. Beliau mempunyai ilmu yang tinggi dan mendapat pekerjaan di padang Panjang. Seorang lelaki yang bertubuh gagah dan tangkas serta menjadi bualan masyarakat Melayu di Padang Panjang. Namun begitu sifatnya yang angkuh kerana mempunyai pendidikan yang tinggi menyebabkan dia tidak menerima kelas rendah. Aziz memandang rendah terhadap golongan yang tidak berpendidikan di sekolah tersohor terutama Hayati dan Zainuddin yang berlatar belakang dari pedalaman. Sifat Aziz yang sombong menimbulkan konflik antara Hayati dan Zainuddin dengan melamar Hayati menjadi isterinya daripada Zainuddin. Perwatakannya yang berada di kelas atasan melibatkan kekerasan terhadap sekelilingnya sehingga berlakunya penindasan. Lantaran, Hayati yang kaya dengan ilmu agamanya mempunyai sifat lemah lembut hanya patuh pilihan orang tuanya. Dengan demikian, dalam karya Hamka memperlihatkan watak yang berpendidikan dan watak kurang bernasib baik dalam pendidikan namun memperjuangkan nasib hidupnya melalui kaedah yang berlainan.

Menerusi penelitian teori Sosiologi Karl Marx (1818-1883). Kajian ini mempunyai hubungkait pengelasan sosial dalam konteks pendidikan. Menurut Karl Marx pengelasan sosial meliputi kepada masyarakat yang terbahagi kepada dua kumpulan iaitu proletariat sebagai pekerja dan borjuis kapitalis. Dengan itu, kajian ini mempunyai pendekatan sosiobudaya manusia yang terdiri daripada golongan

berpendidikan dan golongan tidak bernasib baik dalam pendidikan. Perkara ini dilihat melalui golongan berpendidikan mempunyai potensi yang tinggi dalam dunia pemerintah kerana memiliki pengetahuan lebih dibandingkan golongan yang tidak bernasib baik. Pengaplikasian ini mencerminkan masyarakat yang mengawal pengetahuannya sama ada memperoleh struktur sosial yang baik dan kurang bernasib baik. Namun begitu, pendidikan melibatkan intelektual dan emosional yang menunjukkan golongan kurang bernasib baik turut memiliki pendidikan dalam aspek yang lain seperti ilmu agama sebagai pedoman hidup. Hal ini melibatkan watak antagonis yang angkuh dengan pendidikannya. Manakala, watak protagonis yang mempunyai sifat leluhur dalam menghadapi konflik dialaminya. Dengan itu, Hamka menonjolkan watak Aziz dan Hayati yang memperlihatkan unsur konflik sehingga berlakunya perjuangan hidup yang dialami berdasarkan karya tersebut. Oleh demikian, ketidaksamarataan dalam pendidikan adalah salah satu struktur sosial yang dijadikan isu dalam pengasingan kelas dalam pemikiran Karl Marx.

Jadual 4.3.3: Kelas Sosial Melalui Pendidikan Yang Menimbulkan Konflik

Kelas Sosial: Pendidikan	
<p><b><u>Contoh Petikan Novel</u></b></p> <p><i>“Aziz bekerja di padang, jauh dari mata orang tuanya, bergaul dengan teman sejawat yang tidak berketentuan perangai, sehingga dia sendiri pun telah terturut-turut pula. Bilamana hari telah malam, dia pergi ke tempat perguruan, melepaskan nafsu mudanya. Yang lebih disukanya ialah menghabiskan uang dengan orang-orang yang tak berketentuan.</i> (Hamka, 2015:112)</p>	<p><b><u>Penelitian konflik berdasarkan teori Sosiologi Karl Marx</u></b></p> <p>Dalam penelitian ini terdiri daripada golongan atasan dan bawahan. Setiap golongan tersebut mempertahankan kepentingan masing-masing. Buktinya, Aziz menjaga martabatnya dan suka mengasingkan diri daripada golongan bawahan. Manakala, golongan bawahan hanya patuh pada nasibnya. Hal ini terjadi pada kehidupan Hayati.</p>
<p><b><u>Contoh Skrip Filem</u></b></p> <p><i>Aziz :Perempuan kampung akan menjadi kayu di dalam lumpur jika dibawa tinggal di bandar. Dia sakit kepala semenjak pulang dari lumba kuda tadi. Bagaimana jika dia dibawa tinggal di bandar seperti Padang?</i></p> <p><i>Khadijah :Itu mudah sahaja untuk diuruskan. Jika kita berikan dia emas, tunjukkan dia bagaimana kehidupan di bandar, dia akan menjadi seorang yang moden.</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Skrip Filem Terjemahan daripada Bahasa Melayu)</i></p>	

#### 4.3.4 Feminisme

Feminisme merujuk kepada representasi wanita dengan memberi tumpuan persoalan-persoalan mengenai penindasan dan pengabaian. Jayawardena (1986) berpandangan istilah feminisme turut merangkul kepada kesaksamaan dalam sistem semasa dan penting perjuangan yang mempunyai percubaan untuk mengubah sistem. Menerusi Hardhan Kumar Mohajan (2022) feminisme mempunyai pelbagai pecahan dan salah satu pecahan tersebut berhubungan dengan pemikiran Karl Marx iaitu aliran 'Marxist Feminism'. Melalui aliran tersebut merujuk kepada masalah perempuan dalam kapitalisme yang berlakunya penindasan golongan perempuan. Hal ini turut merungkai bagaimana wanita dieksploitasi melalui kapitalisme yang menimbulkan konflik penindasan.

Melalui penelitian kelas sosial feminisme dalam karya ini dapat dilihat pada watak Hayati yang merupakan gadis dusun sebagai lambang keindahan masyarakat Melayu Minangkabau. Hayati menjadi objek segala keindahan yang terdapat di Batipuh, Minangkabau. Sifatnya yang tabah dan patuh akan nasihat bapa saudaranya iaitu Datuk Garang. Malahan, sebagai seorang anak yang baik Hayati terpaksa meninggalkan kekasihnya Zainuddin yang merupakan anak yang tidak berketurunan. Perkara ini menimbulkan konflik dalam diri Hayati yang penuh dengan serba salah terhadap Zainuddin. Setelah mendirikan rumah tangga Hayati sering ditindas oleh suaminya sendiri. Keadaan tersebut telah merubah perilaku Hayati yang dulunya seorang penyeri menjadi seorang yang sering mengalami kesedihan akan nasibnya. Bukan itu sahaja, Hayati dianggap oleh Zainuddin adalah golongan wanita yang berada dipihak yang salah. Oleh itu, karya tersebut menunjukkan stereotaip seorang wanita yang ditindas dalam beberapa perkara sehingga ingin memperjuangkan nasibnya dalam pandangan dan pengalaman penulis itu sendiri.

Selain daripada itu, menerusi penelitian teori Sosiologi Karl Marx dalam pengasingan kelas juga turut berpengaruh dalam golongan feminisme. Karl Marx mengutarakan kelas sosial dengan memainkan peranan penting dalam pemahaman feminisme, terutama dalam memandang struktur kekuasaan, ekonomi, dan ketidaksetaraan dalam masyarakat. Pemikiran ini muncul dengan menggambarkan watak wanita sebagai bahagian kelas pekerja yang dieksploitasi sehingga terjadinya ketidaksamarataan antara gender sebagai bagian dari organisasi kapitalisme. Adaptasi

dari teori Marxisme dalam feminisme terus berkembang seiring dengan perubahan zaman. Hal demikian, Hamka mengaplikasikan pada karya dengan menggunakan kritik feminisme dengan memberi perhatian terhadap representasi golongan perempuan. Perkara ini menunjukkan stereotaip perempuan iaitu Hayati yang digarapkan dalam karya agar dijadikan sebagai sumber plot yang menarik. Penggunaan watak perempuan adalah tumpuan utama terhadap persoalan-persoalan mengenai unsur konflik yang disalah anggap oleh golongan lelaki. Oleh hal demikian, Hamka turut melahirkan watak Hayati bagi mewakili golongan wanita yang ditindas bagi menimbulkan konflik dalam karya *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*.

Jadual 4.3.4: Kelas Sosial Melalui Feminisme Yang Menimbulkan Konflik

Kelas Sosial: Feminisme	
<p><b><u>Contoh Petikan Novel:</u></b></p> <p><i>“Sudah hampir dua tahun pergaulan itu. Aziz telah mulai bosan melihat isterinya. Karena di kota yang ramai dan bebas, kalau cinta itu hanya pada kecantikan seorang perempuan kelak akan dikalahkan pula oleh kecantikan yang lain. Perubahan peranan Aziz ketika mulai beristeri adalah perubahan yang dibuat-buat. Perubahan yang dibuat-buat biasanya tiada tahan lama.</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Hamka,2015:221)</i></p>	<p><b><u>Penelitian konflik berdasarkan teori Sosiologi Karl Marx</u></b></p> <p>Penelitian konflik berdasarkan teori Karl Marx dapat dilihat pada stereotaip seorang wanita iaitu menjadi objek pandangan dengan segala keindahan. Hal ini dianggap golongan yang lemah dan sering dipihak salah serta ditindas. Perkara ini dianggap sebahagian dari golongan bawahan menurut dalam kelas sosial kapitalisme iaitu pemikiran Karl Marx sendiri. Jelaslah bahawa kelas sosial feminis juga turut menimbulkan konflik dengan mengemukakan penindasan antara jantina dan perjuangan seorang wanita untuk meneruskan untuk hidup.</p>
<p><b><u>Contoh Skrip Filem:</u></b></p> <p><b>Hayati</b> :<i>Assalamualaikum, Aziz. Saya akan tuangkan air.</i></p> <p><b>Aziz</b> :<i>Tak perlu</i></p> <p><b>Hayati</b> :<i>Maafkan saya, Aziz. Saya...</i></p> <p><b>Ibu</b> :<i>Kamu perlu tahu bila suami kamu pulang ke rumah, Ati.</i></p> <p><b>Aziz</b> :<i>Biarkanlah, ibu. Tiada gunanya beritahu orang yang.....</i></p> <p><b>Hayati</b> :<i>Orang yang apa, Aziz? Hanya kali ini saya melakukan kesalahan. Selalunya saya akan menunggu kamu di teres. Bila kamu tidak balik tanpa sebarang berita, saya masih menunggu kamu sehingga lewat malam</i></p> <p><b>Aziz</b> : <i>Cukup. Dasar orang kampung.</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Skrip Filem Terjemahan daripada Bahasa Melayu)</i></p>	

#### 4.3.5 Gaya Hidup Masyarakat

Gaya hidup masyarakat adalah suatu norma dan perilaku manusia secara kompleks dalam suatu budaya tertentu. Perkara ini merangkumi bagaimana manusia mengawal tingkah laku dalam kehidupan dengan menghabiskan waktu yang terluang, berinteraksi sosial, berpakaian dan sebagainya. Tambahan lagi, gaya hidup dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti nilai budaya, agama, ekonomi, perkembangan teknologi, dan pengaruh isu semasa. Dalam kajian ini gaya hidup masyarakat juga dikenali sebagai kelas sosial kerana mempunyai identiti tersendiri dengan mencerminkan tradisi dan kebiasaan khas bagi mereka.

Berdasarkan karya *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* kelas sosial dalam aspek gaya hidup masyarakat dapat dilihat dalam kehidupan anak-anak muda. Perkara ini merujuk kepada pengaruh rakan sebaya dengan adanya norma sosial dan budaya dalam sesebuah masyarakat. Hal ini dapat dilihat dalam kehidupan anak-anak muda di Padang Panjang yang berada dalam lingkungan yang berstatus bangsawan dan terpendang. Hal ini jelas terlihat pada Khadijah dan rakan sebayanya mempunyai pakaian yang modern. Berbalik pula dengan gaya hidup Zainuddin seorang yang alim dan mempunyai representasi budaya melalui pemakaiannya. Perkara menjadi bualan kepada masyarakat yang berada di lingkungan moden kerana pemakaian tersebut adalah ketinggalan zaman. Dengan itu, Hamka mengaplikasikan kelas sosial menurut gaya hidup masyarakat juga memperlihatkan unsur konflik.

Selain itu, menerusi penelitian teori Sosiologi Karl Marx unsur konflik turut bergantung pada struktur dan interaksi sosial menerusi masyarakat kapitalism. Hal ini melibatkan cara hidup, nilai norma masyarakat dan hubungan seangkatan dengannya. Dengan itu, gaya hidup masyarakat lebih cenderung dengan kepentingan kekuasaan dan ekonomi yang mereka miliki. Dalam sudut lain, golongan proletariat iaitu golongan masyarakat yang biasa-biasa memiliki gaya hidup yang sulit dengan perkhidmatan yang terbatas kerana memiliki kualiti hidup yang rendah. Perkara ini mencerminkan perjuangan hidup masyarakat yang ditindas untuk terus bertahan. Dengan demikian, Hamka berjaya mengaplikasikan gaya hidup masyarakat melayu dalam karyanya dengan merangkumi struktur kelas sosial yang ketidaksamarataan antara ekonomi dan sosial dan politik bagi menimbulkan konflik dalam setiap peristiwa.



Jadual 4.3.5: Kelas Sosial Melalui Gaya Hidup Masyarakat Yang Menimbulkan Konflik

Kelas Sosial: Gaya Hidup Masyarakat	
<p><b><u>Contoh Petikan Novel</u></b></p> <p><i>“Itulah rupanya orang yang engkau puji-puji itu, Hayati?” Seorang teman berkata pula, “Rupanya alim betul kenalanmu itu!”. “Orang ‘banyak fikir’ memang begitu” kata seorang pula. “Tapi model pula saya lihat baju buka ditutupkan ke telapaknya tidak memakai dasi,” kata yang lain. “Sarungnya sarung Bugis” kata yang seorang. Memang dia orang Mengkasar kata Khadijah pula. “O, jadi bukan orang sini?” kata yang seorang.</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Hamka, 2015:103)</i></p>	<p><b><u>Penelitian konflik berdasarkan teori Sosiologi Karl Marx</u></b></p> <p>Penelitian ini dapat dilihat pada kelas sosial yang melibatkan representasi budaya yang mengandungi dua kumpulan. Kumpulan tersebut adalah moden dan tradisi. Hal ini dapat dilihat dengan gaya hidup anak-anak muda di Padang Panjang yang terpengaruh dengan pakaian moden. Lantaran, gaya hidup masyarakat yang bukan berasal dari Padang mempunyai amalan pemakaian yang biasa-biasa sahaja. Dengan demikian, hal ini turut menimbulkan unsur konflik dalam masyarakat.</p>
<p><b><u>Contoh Skrip Filem</u></b></p> <p><b>Khadijah :</b> <i>Itu rupanya orang yang engkau sebut-sebut itu, Ati?.</i></p> <p><b>Teman 1 :</b> <i>Rupanya kawan kamu itu orang alim, kan, Hayati? Dia berpakaian seperti ingin ke masjid datang ke lumba kuda.</i></p> <p><b>Teman 2 :</b> <i>Orang ‘banyak berfikir’ memang begitu.</i></p> <p><b>Teman 1 :</b> <i>Kain pelikatnya juga adalah kain pelikat Bugis.</i></p> <p><b>Khadijah :</b> <i>Sebenarnya dia datang dari Makassar.</i></p> <p><b>Teman 1 :</b> <i>Oh? Dia bukan orang sini?</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Skrip Filem Terjemahan daripada Bahasa Melayu)</i></p>	

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

#### 4.4 Kesimpulan

Karya *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* yang ditulis oleh Hamka dilihat sepenuhnya dengan penelitian adaptasi dari novel ke filem. perkara ini turut memaparkan sosiobudaya masyarakat Melayu Minangkabau menerusi pandangan beliau sendiri. Hal ini melibatkan pengasingan kelas sosial sehingga berlakunya konflik kehidupan yang terdapat pada karya tersebut. Dengan demikian, adalah suatu unsur realisme yang diangkat oleh beliau dengan adanya peristiwa kemasyarakatan, kebudayaan dan keagamaan yang menimbulkan kesan penghayatan terhadap khalayak mahupun pembaca. Keberhasilan adaptasi ini dapat difahami dengan mudah oleh setiap lapisan masyarakat. Dalam pada itu, keaslian karya pada kajian ini dilihat menerusi plot, latar dan bahasa. Manakala, representasi budaya, bahasa dan konststruksi sosial serta keagamaan dapat dilihat melalui kelas-kelas sosial yang menimbulkan konflik dalam kehidupan. Jelaslah bahawa karya Hamka iaitu *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* adalah sangat relevan untuk diangkat dalam kesusasteraan warisan agar terus menjadi rujukan oleh generasi kini.

## BAB 5

### KESIMPULAN

#### 5.1 Pengenalan

Bab 5 merupakan bab terakhir yang dijalankan oleh pengkaji dalam melaksanakan kajian ini. Dalam bahagian ini membincangkan rumusan secara menyeluruh menerusi hasil kajian yang terdapat pada bab sebelumnya. Hasil analisis dalam kajian ini adalah pengkaji melaksanakan perbandingan dari segi pengurangan dan penambahbaikan keaslian karya dalam adaptasi novel ke skrip filem. Seterusnya, menganalisis kelas-kelas sosial yang menimbulkan konflik berdasarkan karya *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* dalam penelitian teori Sosiologi Karl Marx. Dengan demikian, bahagian ini pengkaji turut mengutarakan implikasi dan cadangan yang bersesuaian bagi membantu para pengkaji lain bagi meneruskan serta mengisi kelompangan kajian ini pada masa akan datang.

## 5.2 Rumusan Kajian

Kajian ini merupakan analisis unsur realisme yang terdapat dalam karya *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* yang ditulis oleh Hamka. Secara keseluruhannya, karya Hamka merupakan karya yang bersesuaian dijadikan sebagai batasan dalam kajian ini. Hal ini kerana karya yang dihasilkan oleh beliau terkenal dengan mengandungi paparan peristiwa menurut pengalamannya dan pandangannya sendiri. Walau bagaimanapun, karya ini merupakan keluaran dari negara Indonesia malah penggunaan bahasa yang disampaikan adalah bahasa Indonesia. Namun, dalam skrip filem terdapat bahasa tempatan Indonesia dan diterjemahkan dengan penggunaan sari kata bahasa Melayu bagi memudahkan pengkaji untuk melaksanakan kajian. Rentetan daripada itu, menerusi karya tersebut mempunyai runut bahasa antara Indonesia dan Malaysia yang hampir sama dan mudah difahami oleh masyarakat. Persamaan ini memudahkan beberapa pihak untuk menganalisis kajian ini. Oleh demikian, kajian ini turut berteraskan kepada kaedah pengadaptasian karya sastera khususnya cerita rakyat masyarakat Melayu Minangkabau yang terdapat pada novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* kemudian diadaptasi menjadi sebuah skrip filem. Setiap unsur yang terdapat dalam skrip filem mampu menarik minat golongan masyarakat untuk memahami dengan mudah dan secara langsung memberi pendedahan mengenai karya sastera yang unggul.

Objektif kajian yang pertama membincangkan perbandingan dari segi pengurangan dan penambahbaikan berdasarkan adaptasi novel ke skrip filem menerusi penelitian karya *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*. Pengubahsuaian adaptasi dalam kajian ini berhubungan dengan karya sastera yang unggul dan ditulis oleh Hamka bagi meningkatkan khazanah Sastera di peringkat Nusantara. Hal ini penelitian adaptasi adalah suatu media ke arah perubahan dengan memaparkan gaya pengubahsuaian yang bebas dengan menghasilkan sebuah karya yang menarik dan berwibawa. Dengan demikian, terdapat beberapa elemen pengubahsuaian yang dikemukakan dalam kajian ini dilihat pada plot cerita, latar, dan bahasa. Hal ini kerana mengandungi beberapa peristiwa yang telah dikurangkan atau digugurkan akibat beberapa faktor dalam melaksanakan skrip filem. Kemudian, ditambahbaik beberapa peristiwa bagi mengangkat filem tersebut menjadi sebuah perubahan yang menarik perhatian terhadap khalayak. Perkara ini mendapat persetujuan antara penulis dan pihak produksi agar keaslian karya dipelihara oleh hak pencipta.

Objektif kajian kedua iaitu kelas-kelas sosial yang menimbulkan konflik dalam adaptasi novel ke skrip filem iaitu karya *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* berdasarkan teori Sosiologi Karl Marx. Dengan itu, kajian ini merumuskan analisis karya sastera yang menekankan kehidupan masyarakat Melayu Minangkabau menerusi karya Hamka. Karya beliau mengetengahkan pandangannya dan mengkritik sosiobudaya masyarakat Melayu Minangkabau secara tidak langsung mempunyai unsur realisme. Dengan itu, menerusi karya Hamka terdapat tindakan manusia dalam memperjuangkan nilai kehidupan dan kesengsaraan menerusi representasi sosiobudaya masyarakat Melayu di tanah Minangkabau. Maka munculnya kelas-kelas sosial yang disebabkan adat tradisi, darjat, pendidikan, feminisme, dan gaya hidup masyarakat. Kajian ini menjadi pemangkin hasil karya yang bukan sahaja dijadikan sebagai hiburan semata malah dijadikan sebagai nilai teladan dan pengajaran. Perkara ini dilihat pada watak dan perwatakan yang memainkan peranan dengan menangani kelas sosial sehingga berlakunya konflik. Penelitian ini dapat dilihat pada watak Zainuddin iaitu anak yang tidak bersuku dan ditindas oleh masyarakat Melayu Minangkabau namun berjaya mengangkat status sosialnya menjadi seorang yang terkemuka menerusi karya *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*.

Berbalik pada status sosial pengkaji mengaplikasikan teori Sosiologi dalam penelitian Karl Marx (1818-1883). Teori Sosiologi Karl Marx memberi penekanan pada pengelasan manusia yang berbeza dan dikenali sebagai kapitalis iaitu golongan pemerintah dan diperintah. Dengan itu, kajian ini pengkaji merumuskan unsur konflik yang menimbulkan norma dan nilai perjuangan manusia untuk meneruskan hidup bagi mencapai kepentingan dalam diri setiap manusia. Hal ini pengkaji telah menyenaraikan kelas-kelas sosial yang dijadikan sebagai elemen sosiobudaya dalam masyarakat Melayu Minangkabau yang menimbulkan beberapa peristiwa konflik. Setiap kelas sosial memiliki unsur konflik tersendiri yang menyebabkan beberapa peristiwa ketegangan antara watak protagonis dan antagonis. Secara tidak langsung kelas sosial yang berlainan maka munculnya tindakan manusia ingin berjuang untuk memenuhi kedudukan kelas yang sepatutnya dimiliki. Jelaslah unsur realisme yang digambarkan dalam karya sastera oleh Hamka dapat menyampaikan mesej dan pandangan kepada pihak tertentu berikutan dengan pengasingan manusia. Hal ini menyuarakan rintihan individu yang ditindas disebabkan kelas sosial dalam sesebuah masyarakat.

### 5.3 Implikasi Kajian

Adaptasi novel ke skrip filem ini memiliki tujuan untuk menyampaikan pesan dan pendedahan mengenai karya-karya sastera yang mendapat pengiktirafan dan sambutan di peringkat Nusantara. Kemunculan karya sastera turut dibantu dengan beberapa inovasi dan kreativiti manusia dengan menghasilkan perubahan dari satu media ke satu media yang lain. Perkara ini bagi mengelak daripada pengetahuan generasi kini yang hilang secara berterusan mengenai karya-karya sastera. Hal ini disebabkan kerana pembangunan teknologi yang lebih mengutamakan bidang sains dan matematik berbanding sastera warisan. Oleh demikian, melalui kajian ini dapat menyedarkan kita bahawa proses adaptasi adalah satu kaedah yang bernas bagi memperkenalkan mahupun melestarikan karya-karya sastera yang unggul. Salah satunya adalah *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* yang ditulis oleh Hamka.

Pemikiran yang diaplikasikan oleh Hamka banyak menggambarkan representasi sosiobudaya yang menimbulkan konflik oleh masyarakat Melayu Minangkabau. Dengan itu, menerusi karya sasteranya, Hamka menggunakan pelbagai permasalahan iaitu perjuangan mencari identiti, konflik antara individu lain, konflik dalam diri, konflik dengan masyarakat dan konflik dengan takdir sehingga berlakunya pengasingan sosial. Dengan itu, Hamka telah mengangkat beberapa plot peristiwa yang menimbulkan kesan penghayatan khususnya kesedaran emosi kepada khalayak. Dalam perkara ini terdapat keaslian karya telah diubahsuai yang sangat ketara dengan adanya beberapa kekangan sehingga berlakunya persetujuan bersama antara penulis dan pihak produksi. Hal ini kerana jalan cerita yang disampaikan melibatkan watak dan perwatakan sama ada protagonis mahupun antagonis. Watak protagonis dan antagonis mampu menimbulkan kesedaran emosi dari segi kesedaran hati dan perkembangan hidup ke arah yang lebih baik dalam kehidupan masyarakat Melayu Minangkabau.

Secara tidak langsung unsur konflik yang disampaikan oleh Hamka bersifat realiti yang benar terjadi dalam masyarakat Melayu Minangkabau kemudian diterapkan dalam karya sasteranya. Perkara ini beliau memberi kekuatan dan pandangan serta kepentingan tersendiri mengenai kehidupan masyarakat Melayu terdahulu. Perkara ini turut dikatakan bahawa unsur konflik melalui representasi sosiobudaya yang disampaikan dalam adaptasi novel ke skrip filem dinilai oleh khalayak sama ada perkara tersebut masih ada mahupun sebaliknya. Karya sastera ini juga bukan sahaja dihasilkan

sebagai hiburan malah setiap ayat yang diberikan memiliki pandangan yang di luar kotak pemikiran khalayak. Dengan itu, Hamka mengaplikasi bahasa-bahasa yang indah dan lembut bagi melahirkan sebuah karya yang unggul. Tambahan pula hasil karya sasteranya mempunyai nilai dan pengajaran yang dijadikan teladan kepada semua pihak termasuklah kerajaan bagi menyelesaikan isu adat dan kepercayaan yang melibatkan pengasingan sosial.

#### **5.4 Cadangan Daripada Hasil Kajian**

Melalui analisis yang dijalankan dalam kajian ini, pengkaji mencadangkan beberapa penambahbaikan untuk kajian pengkaji yang bersesuaian dalam adaptasi novel ke skrip filem suatu penelitian karya *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* berdasarkan teori Sosiologi Karl Marx. Cadangan ini bertujuan untuk memastikan pengkaji membaiki kajian ini dengan lebih terperinci agar menjadi panduan di masa akan datang terhadap para pengkaji lain. Perkara ini bagi membantu pemikiran masyarakat agar lebih terbuka dengan tidak mengasingkan kelas sosial malah menambahkan lagi semangat kekitaan mengikut adat dan budaya yang positif. Oleh itu, cadangan ini mengandungi ketepatan bagi membentuk nilai dan teladan terhadap generasi akan datang berdasarkan kajian ini. Antara cadangan yang disampaikan adalah seperti berikut:-

##### **5.4.1 Menumpukan Karya Adaptasi Novel ke Skrip Filem Yang Bersesuaian**

Menerusi analisis dapatan kajian ini, pengkaji ingin mengutarakan cadangan dengan memilih tajuk novel yang lebih realistik dan relevan bagi mengupas pelbagai isu berkenaan penelitian adaptasi. Hal ini bagi memudahkan untuk memahami perisian mengikut objektif kajian iaitu perbandingan dalam adaptasi novel ke skrip filem. Penelitian ini bertujuan untuk melihat karya asal tanpa sebarang penambahan dan gaya pengubahsuaian yang bersifat bebas untuk menghasilkan karya yang berwibawa. Dengan demikian, pengkaji bercadang agar individu menambahbaik melalui adaptasi dengan menggunakan pemikiran Geoffrey Wagner yang mengutarakan tiga aspek iaitu transformasi, ulasan dan analogi. Bagi transformasi adalah sesuatu karya yang diangkat secara langsung ke media baru seperti skrip filem dengan pengubahsuaian yang minimum. Kemudian dalam ulasan karya asal akan diubah dalam pelbagai konteks tertentu sekiranya mempunyai perbezaan tumpuan di pihak pembuatan skrip filem. Manakala analogi pula menekankan sesuatu tindakan yang memerlukan pertimbangan antara penulis dan pembuatan filem bagi menghasilkan karya seni yang baru.

Selain itu, mengikut kajian ini berfokuskan dengan representasi sosiobudaya masyarakat Melayu Minangkabau yang menimbulkan pelbagai konflik kehidupan. Hal ini terdiri daripada konflik dalam diri, konflik dengan watak lain, konflik dengan takdir, konflik dengan masyarakat dan konflik terhadap alam. Menerusi kajian ini dapat dilihat beberapa watak yang memainkan peranan yang menimbulkan konflik mengikut representasi sosiobudaya masyarakat Melayu Minangkabau. Watak-watak pada karya yang dipilih adalah watak Zainuddin, Aziz, Hayati, Khadijah, Datuk Garang dan banyak lagi yang mempunyai perwatakan tersendiri bagi menimbulkan peristiwa tegang mahupun konflik. Oleh hal demikian, pemilihan karya adaptasi iaitu dari novel ke skrip filem adalah sangat penting bagi mengangkat kajian yang lebih baik dan efisien. Dengan demikian, pemilihan karya adaptasi amatlah penting bagi memudahkan untuk melaksanakan dapatan kajian yang berfokuskan pengubahsuaian dari satu media ke satu media.

#### **5.4.2 Memperluaskan Lagi Pengiktirafan Tokoh Sasterawan Negara**

Penelitian adaptasi dari novel ke skrip filem menerusi kajian ini, pengkaji turut mencadangkan bahawa pengiktirafan tokoh Sasterawan Negara hendaklah diperluaskan lagi. Perkara ini membantu agar pengkaji lain melaksanakan kajian yang lebih baik daripada sebelumnya dengan jayanya. Untuk memperluaskan lagi pengiktirafan tokoh Sasterawan Negara melalui penganugerahan hadiah dan nama Tokoh Sasterawan Negara yang baru. Perkara ini mampu mempertingkatkan kuantiti Sasterawan Negara sebagai sumber inspirasi dan panduan terhadap generasi kini. Bukan sahaja itu, pengiktirafan Tokoh Sasterawan Negara turut memperluaskan lagi khazanah warisan yang mereka percayai. Hal ini munculnya pemikiran-pemikiran baru bagi memupuk semangat sastera dan menghormati warisan budaya yang terdapat di serantau Asia. Malahan, menerusi kajian ini juga memerlukan pemikiran-pemikiran daripada golongan sasterawan yang berjiwa kental dalam kesusasteraan dengan mengemukakan proses adaptasi yang lebih efisien mengikut kontemporari sastera pada masa kini.

Seterusnya, pengiktirafan Tokoh Sasterawan Negara melalui pendedahan media sosial. Penghasilan karya menerusi platform media sosial adalah salah satu pengenalan yang memudahkan pengkaji lain untuk melaksanakan kajian di masa akan datang. Dengan itu, menerusi platform media sosial seperti *Facebook*, *Twitter*, *LinkedIn*, dan



sebagainya adalah medium yang menyebarkan petikan dari karya-karya, biografi dan sumbangan daripada tokoh Sasterawan Negara yang dijadikan sebagai panduan penting bagi para pengkaji dalam menjalankan kajian mendatang. Dengan demikian, platform media sosial adalah salah satu kaedah yang baik untuk meneroka maklumat mengenai karya-karya yang dihasilkan dan pemikiran seorang penulis yang profesional. Hal ini memberi ruang pengkaji untuk memahami dan mendalami karya sastera yang dijadikan sebagai penelitian adaptasi dari novel ke skrip filem.

#### **5.4.3 Memenuhi Permintaan Terhadap Adaptasi Karya Sastera**

Berdasarkan cadangan ini pengkaji menekankan beberapa pihak yang mempunyai permintaan untuk mengadaptasi karya sastera. Dalam hal ini memberi fokus kepada masyarakat awam yang merupakan audiens utama dalam menyebarkan karya sastera yang meluas. Perkara ini menerusi analisis karya yang menarik sehingga masyarakat mempunyai permintaan untuk mengadaptasi karya sastera ke medium yang berlainan. Cadangan ini memberi ruang kepada masyarakat awam untuk mengutarakan pandangan yang melibatkan sastera kontemporari pada masa kini. Perkara ini melibatkan jiwa yang bervariasi dan dipengaruhi daripada beberapa faktor. Sama ada kisah yang berjaya menginspirasi dan menghibur mereka, tema yang relevan dengan mengangkat isu-isu terkini yang dihadapi oleh lingkungan masyarakat kini seperti sosial, politik, dan lain-lain. Pengenalan budaya dan warisan melalui permintaan masyarakat dengan memperkenalkan adat dan kepercayaan pada karya yang dihasilkannya. Perkara ini masyarakat awam terhadap karya sastera sering berubah mengikut peredaran masa.

Seterusnya, permintaan yang melibatkan pertimbangan antara penulis mahupun pewaris penulis dalam menjalankan proses adaptasi pada karya yang dihasilkan. Pertimbangan tersebut dilihat pada plot, watak dan perwatakan, tema, latar yang bersesuaian mengikut keadaan pada masa kini dengan mengangkat kewibawaan pada karya tersebut. Istilah ini disebut sebagai kolaborasi antara pengarang mahupun pewaris pada karya yang dihasilkan. Dengan demikian, kerjasama beberapa pihak dengan melaksanakan karya sastera yang telah diadaptasi adalah sangat penting dalam industri. Salah satunya adalah pemilihan barisan pelakon yang bersesuaian dan menepati menerusi personaliti yang mereka miliki pada karya yang akan diadaptasi. Bukan itu sahaja, pertimbangan dari aspek penggunaan teknologi dan kreativiti yang bersesuaian pada karya yang dihasilkan bagi memaparkan suasana pada masa kini.

Perkara ini bagi mengelak daripada ketidakpuasan hati antara penulis dan pihak penerbit serta masyarakat awam. Oleh itu, memenuhi permintaan adalah salah satu cadangan pengkaji bagi membantu kajian ini dengan adanya pendedahan yang meluas terhadap karya yang dipilih.

#### **5.4.4 Melestarikan Pasaran Dan Pengaruh Yang Luas**

Menerusi cadangan ini dapat dilihat daripada beberapa pihak penting dalam melakukan adaptasi karya sastera yang unggul. Perkara ini agar penghasilan karya sastera semakin meluas di serantau Asia bukan sahaja Indonesia malah terdapat juga karya sastera Malaysia yang diangkat dalam dunia kesusasteraan. Dengan demikian, melestarikan pasaran dan pengaruh yang luas mengenai adaptasi karya sastera mampu mempertingkatkan lagi kesedaran dan penghayatan generasi kini agar tertarik dengan bidang kesusasteraan. Dalam hal ini di setiap negara sudah semestinya mempunyai pihak industri penerbitan dalam menjalankan proses adaptasi karya sastera. Di Malaysia pihak berkenaan iaitu Lembaga Perfileman (FINAS) yang berperanan dalam memelihara kemajuan perfileman. Pihak ini bertanggungjawab dalam memelihara kemajuan filem adaptasi karya sastera menerusi perfileman. Manakala, di Indonesia pihak berkenaan adalah Badan Perfileman Indonesia (BPI) juga turut berperanan dalam meningkatkan penghayatan filem mahupun pembangunan industri perfileman.

Selain daripada itu, pihak penerbit dan pengarah filem turut berperanan dalam menerbitkan sesebuah filem. Dengan itu, pengkaji mencadangkan agar lebih perbanyakkan lagi karya-karya sastera yang unggul mengenai diadaptasi. Sebagai contoh karya-karya unggul Shahnnon Ahmad, A. Samad Said, Ayu Utami, Pramoedya Ananta Toer, Hamka dan banyak lagi. Setiap karya yang dihasilkan memiliki keunikannya dengan adanya jiwa kepengarangan dari aspek pemikiran, pandangan dan sumbangan yang disampaikan. Dalam perkara ini sudah pastinya mempunyai nilai pendidikan, pengajaran dan teladan yang sepatutnya diketahui oleh masyarakat. Dengan demikian, pihak penerbit dan pengarah filem hendaklah bijak dalam memilih karya-karya sastera yang menghasilkan manfaat kepada audiens. Perkara ini sama ada pendedahan sastera ke arah tradisional mahupun moden. Dengan demikian pihak penerbit dan pengarah filem hendaklah melestarikan pasaran dan pengaruh yang luas dengan mendedahkan platform media sosial seperti *Youtube*, *TikTok*, *IQYI*, *Viu* dan banyak lagi mengikut peredaran masa kini.

#### 5.4.5 Mengaplikasikan Teori lain

Berkenaan dengan pengaplikasian teori, pengkaji mencadangkan para pengkaji baru menjalankan kajian dengan mengaplikasikan teori yang berlainan dan mempunyai elemen-elemen adaptasi. Perkara ini bertujuan untuk mengembangkan lagi kajian ini dengan adanya teori lain yang bersesuaian dengan penelitian adaptasi novel ke skrip filem menerusi sosiobudaya masyarakat yang terkandung dalam karya yang dipilih. Hal ini agar memperluaskan lagi teori yang menekankan penelitian adaptasi dalam novel ke skrip filem menerusi kehidupan masyarakat yang mampu dijadikan sebagai sumber rujukan kepada penyelidik lain. Antara contoh teori yang dapat diaplikasikan menerusi kajian ini adalah teori Intertekstual dan teori Adaptasi. Dalam pengaplikasian kedua teori tersebut mengandungi banyak pecahan yang boleh diberi penerangan secara terperinci. sebagai contoh dalam teori Intertekstual para pengkaji dapat memberi penekanan pada watak dan perwatakan menerusi penelitian adaptasi dari novel ke filem.

Kemudian, dalam teori adaptasi para pengkaji dapat mengenal pasti proses pengubahsuaian antara naratif dan media visual dengan adanya beberapa elemen *loose adaptation*, *close adaptation* dan *intermediate adaptation*. Dalam hal ini pengkaji dapat memahami kaedah adaptasi yang mempunyai peranan tersendiri dengan adanya keaslian karya yang dipilih. Dengan demikian, para pengkaji akan menganalisis perbandingan unsur-unsur naratif iaitu plot, watak, latar, gaya penulisan dan tema yang dihasilkan antara teks sastera dengan filem adaptasi. Oleh demikian, pengkaji ingin para pengkaji baru meneruskan kajian ini dengan karya Hamka selain karya *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* yang telah diadaptasi dari sebuah novel ke filem. Hal ini kerana pemikiran Hamka perlu diketengahkan dan di persada dunia kerana kematangan dalam kepengarangan beliau yang mempunyai mesej dan pesanan yang berguna kepada masyarakat kini.

### 5.3 Kesimpulan

Kajian ini dijalankan bagi memperlihatkan karya-karya sastera khususnya menjadi media untuk memahami dan menarik minat pada karya-karya sastera yang unggul. Di Nusantara boleh dikatakan pendedahan mengenai adaptasi karya-karya agung hanyalah sedikit khususnya di Malaysia. Perkara ini menyebabkan masyarakat kurang mengambil iktibar mengenai sastera kontemporari dalam kehidupan. Oleh demikian, dapat disimpulkan bahawa pengkaji berharap kajian ini mampu membantu kepada semua pihak sama ada individu mahupun masyarakat mengenai penelitian adaptasi novel ke skrip filem. kemudian dibataskan lagi pada karya yang dicipta oleh sasterawan hebat dari Indonesia iaitu Hamka. Perkara ini bagi memudahkan untuk meneroka lebih luas mengenai penelitian adaptasi berdasarkan teori Sosiologi Karl Marx yang terdapat dalam plot *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*. Hal demikian kerana kajian ini memberi fokus utama mengenai kelas-kelas sosial sehingga berlakunya konflik dalam kehidupan. Permasalahan yang dinyatakan dalam kajian ini bukan sahaja melibatkan karya kesusasteraan semata namun semua genre sastera turut terlibat seperti KOMSAS iaitu cerpen, drama, prosa dan lain-lain. Pengadaptasian ini adalah salah satu media masyarakat bagi memperkenalkan pandangan dan kritikan baru terhadap beberapa pihak dengan pengalaman penulis. Malahan, dalam setiap karya yang disampaikan mengandungi unsur pengajaran dan nilai yang dijadikan sebagai kesedaran dalam diri masyarakat. Dengan demikian, sama ada individu mahupun masyarakat hendaklah menyokong karya kesusasteraan yang telah diadaptasi yang banyak menyampaikan pesanan mengenai isu realiti sebenar dalam kehidupan seharian kemudian memelihara dan mengharmonikan kehidupan masyarakat tidak kira kelas-kelas sosial yang dialami.

## RUJUKAN

- Ab, Rahman, M. A., & Deng, P. A. A. (2016). Mencari titik persamaan dan perbezaan dalam novel dan filem popular Melayu. *Proceedings of the ICECRS*, 1(1), 1095-1106.
- Alade, S. (2020). Pertentangan hukum adat dan hukum Islam di Minangkabau dalam novel Mencari Cinta Yang Hilang karya Abdulkarim Khiaratullah (Tinjauan Sosiologi Sastra). *Journal of Linguistics and Literature*, 1(1), 36-49.
- Alfi Yuda. (2021). *Pengertian adaptasi, tujuan, jenis-jenis, dan contoh yang perlu difahami*. Diperoleh daripada <https://www.bola.com/ragam/read/4617621/pengertian-adaptasi-tujuan-jenis-jenis-dan-contohnya-yang-perlu-dipahami>.
- Ardianto, D. T. (2014). Dari novel ke film: Kajian teori Adaptasi sebagai pendekatan dalam penciptaan film. *Panggung*, 24(1), 44-88.
- Arrieya Ariffin. (2020). *Keberhasilan idea adaptasi teknologi di tangan rakyat*. Diperoleh daripada <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2020/07/707789/keberhasilanidea-adaptasi-teknologi-di-tangan-rakyat>.
- Aziz, A. R. A. (2009). Nilai mencapai kehidupan sejahtera: Pandangan Hamka. *Jurnal MALIM*, 10(1), 124-144.
- Azmi, N. N., Hashim, R., & Hamid, R. A. (2012). Kesetiaan kepada teks: Dari novel ke filem Ranjau Sepanjang Jalan. *Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan USM & Dewan Bahasa dan Pustaka*, Malaysia. pp. 8.
- Baba, Z., & Hassan, Z. (2014). Analisis bibliografi karya Hamka dalam koleksi perpustakaan negara Malaysia. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 2(1), 93-101.
- Badriyah, L. L., Mahdi, R., & Hidayat, A. F. S. (2023). Analisis struktur novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* dan *Majnun Laila* (Kajian Sastra Bandingan). *Journal of Language and Education*, 3(1), 1-14.
- Bakar, A. F. (2016). Unsur Emosi dan Konflik dalam Novel KOMSAS Pilihan [Disertasi kedoktoran, Universiti Putra Malaysia] UPM Institutional Repository
- Buyong, M. Ibrahim, F & Sarji, A. (1999). *Pola pengamalan profesionalisme dalam industri filem di Malaysia*. Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia.
- Casetti, F. (2004). *Adaptation and Mis-adaptations: Film, Literature, and Social Discourses*. Blackwell Publishing.
- Diyana Amalin. (2017). *Sumbangan Hamka dalam pendidikan*. Diperoleh daripada <https://id.scribd.com/presentation/358470482/Sumbangan-Hamka-Dalam-Pendidikan>.

- Effendi, V. (2016). *Filem sebagai cerminan identiti budaya: Analisis terhadap karya Deddy Mizwar [Disertasi Kedoktoran, Universiti Malaya]*. UM Student Repository.
- Eristiana Sri Agustin. (2018). *Analisis novel Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*. Diperoleh daripada..<https://www.scribd.com/document/394762846/ANALISISNovelTenggelamnyaKapal-Van-Der-Wijck>.
- Firmayatni, E. (2017). Kajian Intertekstual novel dan film Perahu Kertas. *Jurnal Penelitian Bahasa, Sastra dan Pengajaran*, 15(1), 39-49.
- Ghani, N. A. (2021). Pancaran status sosial dalam novel-novel terpilih masyarakat Minangkabau: Satu penelitian sosiologi. [Ijazah Sarjana Muda, Universiti Malaysia Kelantan]. UMK Repository.
- Hamka, B. (2015). *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*. Balai Pustaka.
- Handayani, S. (2016). Perbedaan novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* karya Hamka dan film *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* karya Sutradara Sunil Soraya. *Jurnal Bahasa dan Sastra Indonesia*, 5(2), 1-14.
- Hani Salwah Yaakup. (2018). *Tombiruo: adaptasi novel ke filem dan representasi kepercayaan Setempat*. Diperoleh daripada [https://www.researchgate.net/publication/326119530\\_Tombiruo\\_Adaptasi\\_Novel\\_Ke\\_Filem\\_dan\\_Representasi\\_Kepercayaan\\_Setempat\\_Tombiruo\\_Novel\\_to\\_Film\\_Adaptation\\_and\\_Local\\_Representation](https://www.researchgate.net/publication/326119530_Tombiruo_Adaptasi_Novel_Ke_Filem_dan_Representasi_Kepercayaan_Setempat_Tombiruo_Novel_to_Film_Adaptation_and_Local_Representation).
- Hamid, M. N. S., & Yaapar, M. S. (2015). Adaptasi teks *Hikayat Merong Mahawangsa* kepada filem: Analisis perbandingan unsur naratif. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 8(2), 201-223.
- Hamid, M. N. S., & Yaapar, M. S. (2020). Adaptasi teks sejarah kepada filem: Kajian bandingan teks sejarah kerajaan Melayu Patani kepada filem *Queens of Langkasuka*. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 13(2), 299-318.
- Hasanah, Y., & Reinaldy, H. (2018). Proses alih media novel *Dilan 1990* menjadi skenario ke filem layar lebar. [Disertasi Kedoktoran, Universiti Pasundan Bandung]. Direpo UNPAS
- Huda, S. (1999). Pragmatisme William James: Harmoni kerjasama psikologi dan filsafat. *Journal Filasafat Barat Modern*. 1(4), 4-22.
- Isnaniah, S. (2015). *Ketika Cinta Bertasbih* transformasi novel ke film. *Jurnal Kawistara*, 5(1), 1-98.
- Loh, F. N. M. A. (2021). Analisis kritikan sosial dalam filem Melayu Zombi Kampung Pisang. [Ijazah Sarjana Muda, Universiti Malaysia Kelantan]. UMK Repository.

- Kabit, D. A. (2023). Aspek sosiobudaya yang terdapat dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* karya Hamka menggunakan teori sosiologi. [Ijazah Sarjana Muda, Universiti Malaysia Kelantan]. UMK Repository.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Karim, A. K. A., & Suhaini, N. (2020). Kepentingan teori dan ilmu sosiologi dalam konteks pendidikan menurut perspektif Ibnu Khaldun. *Jurnal Tuah*, 1(1), 4-24.
- Karmila Azmi. (2021). *Filem bukan karya sastera*. Diperoleh daripada <https://dewansastera.jendeladb.my/2021/05/28/596/>.
- Kasdi, A. (2014). Pemikiran Ibnu Khaldun dalam perspektif Sosiologi dan Filsafat Sejarah. *Fikrah*, 2(2), 293-305.
- Khairul Nazmi Kamaruzaman. (2022). *Pendekatan dakwah Hamka dalam karya falsafah Ketuhanan*. Diperoleh daripada [https://www.researchgate.net/publication/362133333\\_PENDEKATAAN\\_DA\\_KWAH\\_HAMKA\\_DALAM\\_KARYA\\_FALSAFAH\\_KETUHANAN](https://www.researchgate.net/publication/362133333_PENDEKATAAN_DA_KWAH_HAMKA_DALAM_KARYA_FALSAFAH_KETUHANAN).
- Laurenson, D. & Swingewood, A. (1971). *The Sociology of Literature*. London, MacGibbon dan Kee.
- Lawren Gara. (2021). *Keperluan sastera terhadap teknologi digital kian merapat*. Diperoleh daripada <https://dewansastera.jendeladb.my/2021/09/13/1864/>.
- Mawarni, D. (1996). Perbandingan roman *Di Bawah Lindungan Kaabah* dengan roman *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* karya Hamka [Ijazah Sarjana Muda, Universiti Katolik Widya Mandala Madiun]. UKWM Repository.
- Malida, R. (2020). Transformasi novel *Pintu Terlarang* karya Sekar Ayu Asmara ke dalam film (kajian sastra bandingan). *Jurnal Bahtera Sastra Indonesia*, 1(3). 44-80.
- Maniyamin Haji Ibrahim. (2009). *Gaya Bahasa Kiasan*. Karisma Publication Sdn Bhd.
- Meisy, A. C. (2019). Analisis nilai budaya dalam novel “*Perhaps You... Hanya Cinta Yang Bisa*” Karya Stephanie Zen. [Disertasi Kedoktoran, Universitas Widya Dharma]. UNWIDHA Repository.
- Mikal Zidna Fajwah. (2020). *Unsur intrinsik pada novel Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*. Diperoleh daripada <https://www.indonesiana.id/read/152121/unsurintrinsic-pada-novel-tenggelamnya-kapan-van-der-wijck>
- Muhammad Al-Afzan bin Ali Hussin. (2018). *Konsep novel*. Diperoleh daripada <https://cikguafzan96.blogspot.com/2018/04/konsep-novel.html>.

- Musyafir, G. L., & Kangiden, N. (2017). Ekranisasi novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck Ke* dalam film (Pendekatan Struktural). *Bahasantodea*, 2(5), 76-84.
- Ngada, E. Y. P. (2022). Perbandingan novel *Mariposa* karya Luluk HF dengan filem *Mariposa* yang diadaptasi oleh Fajar Bustomi. *Basastra*, 11(2), 103-112.
- Oktaviani, I. Z. (2019). Analisis perbandingan warna lokal novel dan film *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* serta implikasinya terhadap pembelajaran Bahasa dan Sastra Indonesia di sekolah. [Tesis Sarjana Muda, UIN Syarif Hidayatullah].
- Pertiwi, I. I. (2018). Penerapan model pendekatan adaptasi novel oleh Louis Giannetti melalui perbandingan naratif pada film dan novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*. [Sarjana Muda, Institut Seni Indonesia Yogyakarta].
- Puat, N. A. (2023). Kajian nilai-nilai kemanusiaan menerusi sajak terpilih *Suara Wirawan Negara Bangsa: Analisis berdasarkan teori Sosiologi* [Ijazah Sarjana Muda, Universiti Malaysia Kelantan]. UMK Repository.
- Radzi, N. Z. M., Abdillah, N., & Jamal, D. H. D. (2020). *Hatimu Aisyah* karya Zurinah Hassan menerusi perspektif Elaine Showalter model bahasa. *Journal of Creative Futures and Heritage*. 8(2), 54-62.
- Raja Yusof Ariffin. (2021). *Mengadaptasi novel perlu alternatif baru*. Diperoleh daripada <https://dewansastera.jendeladb.my/2021/04/13/338/>.
- Rahman, A. (2013). Pendidikan sejarah dan karakter bangsa belajar keteladanan hidup dari ketokohan Natsir dan Buya Hamka. *Sosiohumaniora*, 15(3), 337-347.
- Rahman, N. N. A. A. (2023). Elemen-elemen sosiobudaya masyarakat dalam *Hikayat Anggun Cik Tunggal: Aplikasi teori Sosial oleh Emile Durkheim*. [Ijazah SarjanaMuda, Universiti Malaysia Kelantan]. UMK Repository.
- Rahim, A. C. Z. S. C. (2011). Mengadaptasi cerita dongeng dalam filem pendek. [Sarjana Muda Gunaan, Universiti Malaysia Sarawak]. Unimas Repository.
- Riyadi, S. (2014). Penggunaan film adaptasi sebagai media pengajaran sastra. *Jurnal Pendidikan Bahasa Dan Sastra*, 14(2), 241-250.
- Rodzi, M. A. S. M. (2021). Kajian Tentang Kritikan Sosial Dalam Filem Melayu *Rock Oo* (2013). [Ijazah Sarjana Muda, Universiti Malaysia Kelantan]. UMK Repository.
- Rusli, N. F. M., & Massa, N. S. (2022). Konflik jiwa dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*. *Jurnal Peradaban Melayu*, 17(1), 8-18.
- Sara Beden. (2021). *Melanau Aku Tidak Pernah Menolak Takdirnya: suatu analisis dari perspektif teori Sosiologi*. Diperoleh daripada <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/PENDETA/article/download/6007/3363/27860>.



- Shaari, S., & Abdullah, N. A. V. (2020). Aspek sosiologi dalam drama *Buang karya* Roziah Adama. *Jurnal Wacana Sarjana*, 4(5), 1-14.
- Shafiqah Abdul Khalid. (2021). *Cabaran dalam adaptasi novel kepada lakon layar*. Diperoleh daripada <https://tunascripta.jendeladbp.my/2021/10/05/1605/>.
- Simbolon, D. R., Perangin-angin, E., & Ndru, S. M. (2022). Analisis nilai-nilai religius, moral dan budaya pada novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* karya Hamka serta relevansinya sebagai bahan ajar sekolah menengah atas. *Jurnal Basataka*. 5(1),50-61.
- Soraya, S. (Pengarah). (2013). *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* [Filem]. Ram Soraya.
- Stenly, A. S. (2023). Analisis teguran politik semasa berdasarkan novel Naratif Ogonshoto karya Anwar Ridhwan: satu kajian penelitian melalui teori Sosiologi. [Ijazah Sarjana Muda, Universiti Malaysia Kelantan]. UMK Repository.
- Sudirman, N., & Hamid, Z. (2016). Pantun Melayu sebagai cerminan kebitaraan perenggu minda Melayu. *Jurnal Melayu*, 15(2), 145-159.
- Sudrajat, A. (2014). Nilai pendidikan dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* karya Hamka sebuah analisis unsur tema, tokoh, perwatakan, amanat. *Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia*, 5(2), 1-7.
- Sunarto, K. (2005). *Pengantar Sosiologi*. Universitas Indonesia Publishing.
- Wahyudi, T. (2013). Sosiologi sastra Alan Swingewood sebuah teori. *Jurnal Poetika*, 1(1), 55-61.
- Wan Nur Akmal binti Wan Ismail. (2023). Gaya bahasa dan teknik penulisan dalam novel *Magis* karya Ramlee Awang Murshid: Satu penelitian teori Stilistik. [Ijazah Sarjana Muda, Universiti Malaysia Kelantan]. UMK Repository.
- Yaacob, A & Hashim, M. H. F. (2022). Falsafah dan konsep sastra Islam oleh Hamka: Satu tinjauan ringkas terhadap beberapa karyanya. *Journal Of Humanities, Philosophy And Language*, 5(17), 70-82.
- Yaakup, H. S. (2018). Tombiruo: Adaptasi novel ke filem dan representasi kepercayaan setempat. *Journal of Communication*, 34(2), 323-337.
- Yusoff, J. A. Y. (2019). Sumbangan dan legasi Hamka sebagai Ulama Tersohor Nusantara. *E-ISBN*, 4(1), 404-410.
- Zikri, A. A., & Zulqaiyyim, Z. (2023). Pemikiran Hamka tentang praktik beragama orang Minangkabau. *Jurnal Analisis Sejarah*, 13(1), 25-34.


Zuhaidi, N., & Lubis, F. A. (2021). Hamka: Tokoh ulama Nusantara. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 22(1),74-80.



UNIVERSITI




MALAYSIA



KELANTAN

LAMPIRAN



Novel  
Sumber: Internet



Film  
Sumber: Internet



Penulis Hamka  
Sumber: Internet